

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 29 Isnin 17 Oktober 2016

## KANDUNGAN

<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman	1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>		
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman	1)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	2)
- Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman	2)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	3)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	37)
<b>USUL MENTERI BELIA DAN SUKAN [P.M 27(3)]:</b>		
- Penghargaan Kepada Atlet Sukan Olimpik dan Paralimpik Malaysia Di Rio	(Halaman	38)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016	(Halaman	82)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA  
Isnin, 17 Oktober 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]
2. Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengangkat sumpah sebentar tadi. Yang Berhormat Tuan Budiman bin Mohd Zohdi, Ahli Parlimen Sungai Besar dan Yang Berhormat Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid, Ahli Parlimen Kuala Kangsar yang telah memenangi pilihan raya kecil yang diadakan pada Sabtu, 18 Jun 2016 yang lepas. *[Tepuk]*

Pilihan raya kecil tersebut terpaksa diadakan memandangkan telah berlaku kekosongan akibat kembalinya ke rahmatullah kedua-dua penyandang kerusi-kerusi Parlimen tersebut susulan tragedi naas helikopter terhempas di Sebuyau Sarawak pada Khamis, 5 Mei 2016.

Saya juga berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlang. Terima kasih.

### MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2015) 2016;

#### ■1010

2. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015
3. Akta Syarikat 2015;
4. Akta Skim Kepentingan 2015;
5. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)(Pindaan) 2015;
6. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2015;
7. Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2015;
8. Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016;
9. Akta Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016;
10. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015;
11. Akta Keterangan (Pindaan) 2015;
12. Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016;
13. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016;
14. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016;
15. Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016;
16. Akta Pertahanan Awam (Pindaan) 2016; dan
17. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016.

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“17 Oktober 2016

**Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015;
2. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015;
3. Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016;
4. Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016;
5. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016;
6. Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016;
7. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016;
8. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016;
9. Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2016;
10. Rang Undang-undang Pertahanan Awam (Pindaan) 2016.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Malaysia terhadap kependudukan China di Kepulauan Spratly dalam isu perebutan Laut China Selatan dan adakah wujud perjanjian antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan Australia berkaitan perkara tersebut.

**Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan Yang Berhormat Rompin ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri oleh Yang Berhormat Ketereh bertarikh 26 Oktober 2016, Yang Berhormat Setampin bertarikh 31 Oktober 2016, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Klang bertarikh 1 November 2016, Yang Berhormat Rompin bertarikh 3 November 2016, Yang Berhormat Mersing bertarikh 7 November 2016, Yang Berhormat Marang bertarikh 14 November 2016 serta Yang Berhormat Putatan

bertarikh 22 November kerana kesemua pertanyaan ini menyentuh isu berkaitan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia berpendirian bahawa sebarang masalah perbezaan dan pertikaian hendaklah ditangani serta diselesaikan melalui dialog dan jalan perundingan atau *peaceful negotiation*, dengan izin, termasuk isu Laut China Selatan. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek. Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan atau dengan izin, *freedom of navigation and over flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China. Justeru, bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* atau DOC pada 4 November 2002.

Melalui DOC, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara rundingan. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC).

Seyogia saya nyatakan bahawa DOC serta COC yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan.

Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah diselesaikan secara aman. Semua tuntutan dan penyelesaiannya mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 atau *UNCLOS* 1982. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kependudukan serta aktiviti-aktiviti penambakan dan pembinaan yang dilaksanakan oleh China, termasuklah pembinaan landasan terbang di Fiery Cross Reef, saya ingin maklumkan bahawa isu ini tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia.

Berhubung dengan penghakiman atau *award* yang diberikan oleh Tribunal Timbang Tara pada 12 Julai 2016 berhubung kes yang dikemukakan oleh Filipina terhadap China, kerajaan telah mengeluarkan satu kenyataan melalui Kementerian Luar Negeri. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut

China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil.

Justeru itu, tidak ada sebarang perjanjian dengan mana-mana negara, termasuklah Amerika Syarikat dan Australia berhubung dengan isu Laut China Selatan. Maka, rondaan, pengawasan, pemantauan serta penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara. Selain daripada itu, usaha-usaha diplomasi di peringkat bilateral serta serantau dan antarabangsa, khususnya di bawah kerangka ASEAN terus dilaksana dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan bahawa negara China merupakan negara sahabat dan strategik kepada Malaysia. Hubungan rapat dengan China telah berkembang pesat sejak hubungan diplomatik dibina pada tahun 1974. Umpamanya, China merupakan rakan dagang Malaysia yang terbesar serta punca pelaburan dan pelancongan yang sangat penting dan terus meningkat. Justeru, perbezaan pendapat dengan negara China dalam isu Laut China Selatan tidak seharusnya menghalang hubungan ekonomi dan perniagaan serta hubungan-hubungan lain, termasuk bidang pertahanan yang sewajarnya terus diperkasakan demi kepentingan bersama.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Melihat kepada jumlah dagangan yang besar di antara China dan Malaysia serta hubungan yang amat erat di antara kedua-dua negara, tidakkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rasa Malaysia terlalu bergantung kepada China dan tidakkah hubungan ini akan disalahtafsirkan oleh negara-negara besar yang lain?

## ■1020

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar kerajaan, kita memang membina hubungan baik dengan semua negara tanpa kira ideologi. Realiti dan hakikatnya, China merupakan ekonomi yang terbesar di dunia menjelang tahun 2050 ataupun lebih awal daripada itu. Realiti ini tidak boleh dinafikan, tidak boleh ditolak oleh mana-mana negara.

Justeru, jika kita memerlukan pasaran untuk eksport kita termasuk untuk komoditi, kelapa sawit dan sebagainya, sekiranya kita memerlukan pelaburan, *investment* daripada mana-mana negara, kalau kita memerlukan pelancong-pelancong dan sebagainya, maka punca terbesarnya semestinya dari negara China. Justeru, bukan soal kita terlalu bergantung tetapi realitinya China semakin hari semakin menjadi ekonomi terbesar di dunia.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu pertindihan di Laut China Selatan ini, kita dapati Amerika Syarikat sering menggunakan tekanan berhubung *freedom of navigation* dalam pertikaian dan pertindihan di Laut China Selatan.

Baru-baru ini ada satu laporan yang telah dikeluarkan bahawa Amerika Syarikat telah pun *deploy* 70 peratus daripada kekuatan ketenteraannya ke Asia Pasifik. Maka, apakah pendirian Kerajaan Malaysia tentang langkah-langkah yang agak agresif yang diambil oleh Amerika Syarikat? Ini kerana pastinya ia akan menimbulkan ketegangan dan juga keharmonian di rantau ini.

Keduanya, salah satu inisiatif yang telah diambil oleh Almarhum Tun Abdul Razak ketika beliau menjadi Perdana Menteri ialah untuk mewujudkan ZOPFAN, Zon Aman di Rantau Asia Pasifik ini. Persoalannya, mengapa pendirian dan dasar yang telah diambil oleh Almarhum Tun Abdul Razak ketika itu untuk menjamin kestabilan dan keamanan di rantau ini tidak diangkat sebagai salah satu jalan penyelesaian bagi menyelesaikan pertikaian di Laut China Selatan?

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa menggesa semua negara termasuk Amerika Syarikat supaya memainkan peranan yang *constructive* terutama sekali dalam kawasan Laut China Selatan. Hubungan China dan Amerika Syarikat bolehlah kita anggap sebagai bersaing tetapi di samping itu mereka saling perlu-memerlukan di antara satu sama lain dalam pelbagai aspek. Oleh itu, kita tidak ada pengaruh lain daripada secara bilateral dan melalui ASEAN dan melalui forum-forum tertentu secara diplomatik untuk menggesa semua pihak untuk tidak menimbulkan ketegangan dalam kawasan Laut China Selatan.

Kedua, kita masih lagi berpegang kepada semangat ZOPFAN di mana walaupun kita tidak sebut ZOPFAN secara ketara tetapi semangat ZOPFAN masih jadi pegangan Malaysia dalam soal menguruskan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya pergi kembali kepada soalan asal oleh Yang Berhormat Rompin tadi kerana pada saya, realiti kekuatan ekonomi China itu tidak kita nafikan. Hanya kita mahukan pendirian Malaysia dan juga memberi pendirian dan mencerminkan kedaulatan negara kita.

Persoalan saya, bila masa kita ambil kira insiden pada 24 Mac 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, Menteri Dato' Seri Shahidan bin Kassim melaporkan bahawa kira-kira 100 bot dan kapal dari China dikesan menceroboh perairan negara kita di Beting Patinggi Ali. Ketika itu Tentera Laut Diraja Malaysia membuat pantauan dan mengesahkan tiada pencerobohan yang berlaku.

Apa pun, memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Tribunal Timbang Tara Antarabangsa telah menafikan tuntutan China dan memberi pengiktirafan kepada negara Filipina, apakah langkah-langkah seterusnya yang boleh kita ambil bila masa kita berhadapan dengan kemungkinan pencerobohan yang bakal berlaku pada masa akan datang? Ini penting, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kenapa? Ini kerana di Malaysia sekarang kita dilihat amat terhutang budi apabila negara China telah membuat pembelian kepada asset tenaga 1MDB dan juga ekuiti dalam Bandar Malaysia. Jadi apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil bagi menunjukkan bahawa kedaulatan kita tidak langsung terpalit? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya nyatakan, walaupun kita mempunyai hubungan yang kukuh dalam bidang ekonomi, kita masih berpegang pada prinsip yang tegas dari segi kedaulatan negara Malaysia. Cuma yang berbeza, kita mengambil sikap *non confrontational* tetapi dari segi prinsipnya kita amat tegas. Saya beri jaminan dalam Dewan ini bahawa soal kedaulatan Malaysia tidak akan kita kompromi. [Tepuk]

**2. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kewangan menyatakan keadaan ekonomi negara dan langkah untuk memperbaikinya.

**Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, untuk tahun lalu, Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak lima peratus. Sebagai tanda ukur kadar pertumbuhan ini adalah mengagumkan, berbanding dengan pertumbuhan negara seperti Indonesia pada kadar 4.8 peratus, Thailand pada 2.8 peratus dan Korea sebanyak 2.6 peratus. Malah, pertumbuhan KDNK sedunia pada tempoh itu adalah 3.2 peratus. Untuk tahun 2016, pertumbuhan KDNK diunjurkan pada kadar empat hingga 4.5 peratus dengan prestasi tempoh separuh pertama tahun 2016 mencatat pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus.

Untuk makluman, penurunan kadar KDNK dari tahun lepas jika dibandingkan dengan tahun ini adalah kerana momentum pertumbuhan ekonomi dunia yang agak lembap. Eksport Malaysia berkurangan, kelemahan di dalam pasaran antarabangsa juga telah menyebabkan kadar komoditi seperti minyak, gas, kelapa sawit dan mineral turut menurun. Keadaan ekonomi global juga bertambah mencabar dengan perkembangan geopolitik seperti *black seed* di Eropah.

Sesungguhnya kita sebagai sebuah negara yang ekonomi bersaiz sederhana tidak dapat menepis sepenuhnya tempias dari impak ketidaktentuan ekonomi global ini. Adalah juga di luar bidang kuasa atau pengaruh kerajaan untuk mempengaruhi harga dunia bagi komoditi-komoditi asas tersebut. Malah, kita juga tidak dapat menghalang pergolakan geopolitik global dan mempengaruhi sentimen ekonomi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "*while we cannot control our external environment, we can, however, influence what goes on in our country.*" Dalam suasana global yang tidak menentu ini, kerajaan secara berterusan mengambil langkah-langkah proaktif untuk menangani impak apa yang dikatakan sebagai *global economic and financial shock*, dengan izin.

Justeru, ekonomi kita tetap bertahan teguh, masih memacu pertumbuhan yang memberangsangkan melalui pengukuhan struktur ekonomi dan kewangan negara serta permintaan dalam dalaman, *domestic demand* yang kuat. Ini termasuklah pelaksanaan GST pada tahun lalu yang telah menampung kekurangan kutipan hasil kerajaan akibat kejatuhan harga minyak dan rasionalisasi subsidi kepada kumpulan sasar.

Seperti yang kita sedia maklum, defisit fiskal negara telah berjaya dikurangkan dari 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.2 peratus pada tahun 2015. Komitmen kita untuk mencapai kadar defisit fiskal 3.1 peratus adalah teguh.

### ■1030

Tuan Yang di-Pertua, komitmen untuk mewujudkan defisit fiskal ini bukanlah perkara senang. Ia memerlukan disiplin fiskal yang tinggi dan perbelanjaan yang berhemah. Perbelanjaan kerajaan ditumpukan kepada pelaburan berimpak tinggi dengan izin, *investment with high economic spin off*. Pelaburan-pelaburan ini akan seterusnya meningkatkan lagi tahap daya saing negara dan seterusnya memangkinkan pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas tindakan-tindakan kerajaan setakat ini berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh serta disokong oleh kadar inflasi dan pengangguran yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan seperti mana yang diketahui, saya akan bentangkan Bajet 2017 di Dewan yang mulia ini pada 21 Oktober ini. Nescaya perancangan dan olahan Bajet 2017 ini akan terus memperkasa dan memacu ekonomi negara untuk kesejahteraan rakyat secara inklusif dan saksama.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan tempias ekonomi dunia ini, apakah inisiatif dan inovasi untuk mengatasi masalah-masalah pelaburan asing dan industri yang dibelenggu oleh sumber pekerja seperti PATI yang berterusan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menentukan bahawa daya saing ekonomi negara kita dapat terus kita perkukuhkan secara keseluruhannya. Kita juga membantu industri-industri kita melalui langkah-langkah tertentu, sebahagian daripada ini akan saya umumkan dalam Bajet 2017 dan kita sedang meminta pihak-pihak berkenaan, pihak berkuasa berkenaan untuk menguruskan soal pekerja asing ini supaya ia dapat memenuhi keperluan industri tempatan di samping itu juga menangani masalah pekerja-pekerja asing tanpa izin.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Anggaran terkini pada tahun 2016, kita akan melihat penurunan pertumbuhan ekonomi dunia ke tahap 2.9% dan juga penurunan pertumbuhan perdagangan sebanyak 2.6% di mana di bawah 3% adalah *red alert*. Kini kita akan berdepan dengan satu lagi episod kelembapan ekonomi

dunia yang telah berlaku sejak 1985 lagi yang sudah tentunya bukan berpunca daripada faktor dalaman negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah tindakan khusus kerajaan untuk mempertahankan ekonomi negara khususnya tentang meningkatkan daya tahan atau *resilience* pertumbuhan bagi kejutan-kejutan ekonomi yang mungkin melanda. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk mengukuhkan *domestic resilience economy* kita. Ini termasuklah memberi tumpuan kepada soal-soal *fundamental* dalam ekonomi kita. Jadi sebab itulah misalnya kita terus-menerus menguncupkan defisit fiskal negara. Itu salah satu daripada usaha kita. Kita juga terus-menerus menambahkan lagi eksport kita supaya kita dapat meningkatkan di mana boleh penjualan eksport Malaysia.

Kita juga menambahkan lagi usaha untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi. Semua langkah ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan *domestic resilience economy* kita. Tidak kurang juga penting peranan sektor swasta sebab sektor swasta merupakan *the engine of growth* dalam ekonomi kita. Jadi sektor swasta juga perlu memainkan peranan untuk menjadikan sektor swasta lebih berdaya saing lagi.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat bincang tentang *domestic consumption* atau permintaan domestik. Soalan saya ialah adakah kerajaan bersedia untuk mengurangkan GST dari 6% sampai 3% kerana GST telah mengakibatkan kekurangan permintaan domestik. [Dewan riuh] Ini saya rasa soalan serius dan soalannya bagaimana kerajaan akan menambah permintaan domestik dengan keadaan di mana GST mengakibatkan kemerosotan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan tafsiran yang negatif yang sengaja dibuat oleh parti pembangkang. [Tepuk]

Saya hendak ulang balik Tuan Yang di-Pertua, tanpa GST ekonomi Malaysia akan lumpuh. Sebenarnya GST adalah penyelamat kepada ekonomi Malaysia. [Dewan riuh]

**3. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana pelan tindakan kementerian dalam mengekang penularan virus Zika terutamanya membasmikan kawasan pembiakan nyamuk Aedes di kawasan yang mencatat bacaan tertinggi bagi pembiakan nyamuk tersebut.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menerima 20 soalan berkaitan dengan topik ini dan selepas semak soalan-soalan ini, saya mencadangkan untuk menjawab 14 soalan daripadanya pada hari ini kerana ia sama dengan soalan asal manakala 6 soalan lagi walaupun ada isu yang sama tetapi ada tambahan maklumat yang diperlukan. So, saya akan cuba jawab 14 soalan iaitu daripada Yang

Berhormat Dr. Noor Azmi bin Ghazali 24 Oktober, Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye 26 Oktober, Yang Berhormat Dr. Che Rosli bin Che Mat 27 Oktober, Yang Berhormat Datuk Linda Tsen Thau Lin 27 Oktober, Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan 31 Oktober, Yang Berhormat Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa 31 Oktober ...

**Beberapa orang Ahli:** Kawasan, bukan nama.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Yang Berhormat daripada Kota Samarahan 2 November, Yang Berhormat Parit Sulong 2 November, Yang Berhormat Sibu 8 November, Yang Berhormat Alor Gajah 10 November, Yang Berhormat Datuk Jumat bin Idris, Sepanggar 17 November, Yang Berhormat Tanah Merah 23 November.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri sengaja sebut nama-nama supaya press kita dapat *publicize* masing-masing. *[Ketawa]* Janganlah bising, sehingga saya tegur Yang Berhormat, bermakna bolehlah itu. Sila Menteri.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman bahawa penyakit Denggi, Zika dan Chikungunya disebabkan oleh nyamuk yang sama dan disebarluaskan oleh nyamuk yang sama iaitu nyamuk Aedes. Oleh itu, prinsip-prinsip penjagaan dan kawalan ketiga-tiga penyakit juga adalah sama dengan matlamat yang sama iaitu mewujudkan persekitaran yang bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes, tiada Aedes tiada Denggi, Zika dan Chikungunya.

Seperti saya telah nyatakan, prinsip penjagaan dan kawalan penyakit Zika adalah sama dengan penyakit Denggi dan Chikungunya. Oleh itu tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menangani Denggi juga berkesan terhadap Zika. Maklumat utama adalah mewujudkan persekitaran yang bebas daripada Aedes. Dalam konteks ini, tumpuan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah ke arah tanggungjawab dan penyertaan masyarakat dan memastikan persekitaran yang bebas Aedes.

Bagi memantau, menyelaras dan menentukan dasar tindakan pencegahan dan kawalan, di peringkat kebangsaan kementerian telah menukuhan pasukan petugas khas peringkat kementerian dan agensi pusat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan sendiri dan jawatankuasa ini bermesyuarat setiap dua minggu sekali dan turut dianggotai oleh Kementerian Kesihatan dan beberapa buah agensi kerajaan yang bertanggungjawab di dalam perkara ini.

■1040

Di peringkat negeri, pasukan petugas khas dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri atau Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan

untuk menangani isu yang sama. Di peringkat daerah pula, jawatankuasa wabak peringkat daerah telah dipengerusikan oleh pegawai daerah untuk melaksanakan di peringkat daerah. Dengan langkah-langkah ini di dalam proses untuk mengawal Zika, banyak langkah yang diambil oleh KKM bagi mengekang perebakan penyakit ini. Umumnya prinsip dan strategi yang diguna pakai bagi menghadapi sesuatu ancaman penyakit yang baru dapat dibahagikan kepada tiga fasa;

- (i) *prevention* iaitu pencegahan,
- (ii) *containment* iaitu mengekang penularan; dan
- (iii) *mitigation* atau faktor kawalan.

Dalam fasa pertama, segala usaha telah dibuat bagi mengurangkan risiko kemasukan jangkitan Zika ke Malaysia. Kita sedia maklum Malaysia adalah amat sensitif bagi perebakan Zika kerana kita mempunyai masalah dengan *density* nyamuk Aedes yang tinggi berdasarkan beban penyakit denggi ketika ini. Rakyat Malaysia sentiasa diingatkan untuk mengambil langkah-langkah penjagaan jika pergi ke negara yang bermasalah Zika.

Kita mengadakan program khas dengan kontinjen Olimpik yang merupakan risiko terbesar mengimport Zika kerana bilangan rakyat Malaysia terbesar ke negara berisiko dalam satu masa. Tindakan kita berkesan di mana tidak seorang pun ahli kontinjen dan rakyat Malaysia yang pergi ke Brazil dijangkiti virus ini. Kita juga melakukan pemantauan di pintu masuk antarabangsa serta mengedarkan nasihat kesihatan atau *health advisory* kepada pelancong dan rakyat Malaysia sekiranya mempunyai gejala virus Zika. Saringan suhu atau *thermal scanner* juga dilakukan bagi memantau kemasukan pelawat yang mempunyai gejala demam.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Sibu kenapa tiada *thermal scanner* di Lapangan Terbang Sibu, saringan *thermal scanner* hanya dilakukan di pintu masuk antarabangsa sahaja. Pelawat asing tentunya masuk melalui pintu masuk antarabangsa ini sebelum ke pintu masuk domestik.

Kita berjaya mengekang kemasukan Zika dari rantau utama yang bermasalah iaitu Amerika Tengah dan Selatan. Namun, apabila Zika diimport ke negara jiran kita dan kemudiannya merebak dengan cepat, risiko kemasukan ke Malaysia amat tinggi kerana pergerakan penduduk merentasi sempadan amat tinggi. Kebimbangan kita terbukti apabila kes pertama Malaysia mempunyai kaitan dengan wabak yang sedang berlaku di negara jiran.

Oleh yang demikian, kita sekarang berada di dalam fasa kedua iaitu fasa *containment*. Di dalam fasa ini, setiap kes yang disyaki akan diambil tindakan serta-merta termasuklah ujian pengesahan jangkitan. Tindakan kawalan melalui semburan kabus dalam lingkungan yang

diperluaskan kepada 400 meter juga dilakukan serta-merta tanpa menunggu keputusan makmal. Pesakit akan diasingkan di hospital sehingga disahkan negatif dan terus diasingkan jika positif sehingga virus tersebut bebas dari dalam darah pesakit biasanya selepas seminggu.

Jika disahkan positif, pengesahan kes aktif akan dilakukan di lapangan dan semua *contact* dan jiran pesakit yang menunjukkan gejala Zika akan dilakukan ujian pengesahan dan diasingkan. Tindakan agresif dalam fasa ini setakat ini menunjukkan hasil yang memberangsangkan daripada 31 Ogos 2016 sehingga 8 Oktober 2016 hanya terdapat tujuh kes Zika yang telah disahkan di seluruh negara iaitu;

NEGERI	JUMLAH KES
Sabah	2
Johor	2
Selangor	1
Sarawak	1
Wilayah Persekutuan	1

Kes terakhir yang dilaporkan ialah pada 28 September tahun ini dan pemantauan KKM juga mendapati untuk tempoh yang sama, sebanyak 180 kes yang mempunyai tanda-tanda Zika telah dilaporkan. Namun, kesemua mempunyai keputusan ujian yang negatif untuk Zika. Ternyata kes-kes Zika di negara ini masih bersifat *sporadic* dan tidak merebak dengan pantas seperti mana berlaku di negara jiran kita.

Dalam aspek perawatan kes, semua hospital kerajaan dan swasta telah pun bersedia daripada aspek diagnosis dan perawatan kes. Aktiviti pemantauan dan pelaporan kes *microcephaly* dan *Guillain-Barre syndrome* akibat jangkitan virus Zika di hospital telah dimulakan dan sehingga kini tiada kelainan daripada biasa yang telah ditemui.

Jawatankuasa Pakar Zika Kebangsaan atau *task force* juga telah dibentuk yang terdiri daripada pakar-pakar pelbagai disiplin. Jawatankuasa ini telah pun mengeluarkan garis panduan untuk jangkitan Zika termasuk bagi *microcephaly*, pengurusan ibu mengandung dan *Guillain-Barre syndrome*, pengurusan transfusi darah serta melakukan pemantauan bagi kes-kes tersebut. Program pencegahan yang telah dijalankan oleh pihak kementerian secara bersepada dengan tujuh kementerian dan lain-lain agensi telah didapati berkesan dan menunjukkan impak yang positif melalui pengurangan kes dan kematian denggi pada tahun ini berbanding dengan tahun 2015.

Di samping itu, pencegahan dan kawalan Zika setakat ini telah menunjukkan keberkesanan di negara ini kerana penularan Zika sehingga kini hanya berlaku kes *periodic* dan tidak berlaku *cluster* atau wabak. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan maklumat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kita dapat antara 2007 hingga Ogos 2016, sekitar 70 buah negara terlibat dalam kes seumpama ini. Maknanya risiko untuk menular begitu tinggi.

Persoalan saya, pertama saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan kerana mengambil pelbagai inisiatif di peringkat bawah hingga ke peringkat tertinggi untuk membendung perkara ini. Cuma, oleh kerana ia melibatkan banyak negara, sejauh mana bentuk kerjasama dilakukan oleh kementerian terutama sekali di kalangan negara-negara Asian atau negara-negara lain bagi membendung perkara ini. Tentunya kalau ada maklumat, boleh kah dikongsi bersama berapa kos yang telah pun kerajaan belanjakan untuk mengatasi isu yang membimbangkan ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kerjasama di antara negara-negara khususnya di kawasan rantau di dalam menangani kes-kes jangkitan atau *communicable diseases* ini memang tinggi. Di dalam perkara Zika, baru-baru ini seingat saya tiga minggu dahulu, semua Menteri Kesihatan di rantau Asian telah mengadakan satu *video conferencing* di mana kita telah berkongsi keadaan di dalam negara masing-masing dan telah pun menyediakan saluran melalui perkongsian maklumat teknikal contohnya jenis virus yang ada di satu-satu negara dan adakan ianya sama dengan negara yang lain. Perkongsian maklumat ini memang akan bantu kita di dalam proses pengawalan yang akan dilakukan di dalam tiap-tiap negara yang ada di dalam rantau Asian ini.

Baru-baru ini saya telah menghadiri mesyuarat *Western Pacific Region*, mesyuarat WHO di mana semua negara daripada rantau ini telah ada dan di situ kita pun mengadakan satu perbincangan aktif tentang perkara ini dan perkongsian maklumat tentang jumlah kes yang ada. Contohnya daripada mereka yang ada Zika, jumlah yang mengandung dan apa langkah yang diambil oleh tiap-tiap negara untuk membuat saringan risiko ke atas kes-kes mengandung. Perkara-perkara ini dibincangkan secara mendalam dengan semua negara dan perkongsian maklumat daripada segi teknikal ialah satu perkara yang terus dilakukan. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanyakan mengenai yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tentang penubuhan jawatankuasa. Seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi, apabila wujud satu jawatankuasa bagi tujuan pengesanan kawalan pencegahan, sudah pasti kerajaan mesti memperuntukkan satu peruntukan belanjawan.

■1050

Jadi, apakah ini dilakukan oleh kementerian? Ini kerana seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ada tujuh kes tetapi negara jiran kita, Thailand dan

Singapura, kes sudah melebihi ratusan kes. Kita mempunyai satu keadaan yang serius di sini iaitu kita mempunyai masalah Denggi yang besar daripada *root Aedes* yang juga menyumbang kepada Zika. Jadi saya ingin bertanya, apakah kementerian menyediakan jumlah peruntukan tambahan dan berapakah jumlahnya? Berapa ramai bayi yang dikesan mempunyai *microcephaly* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Pada masa sekarang, kerana aktiviti contohnya aktiviti kawalan Aedes adalah satu aktiviti yang terus dilakukan oleh kementerian pada masa dahulu demi kawalan penyakit berjangkit Denggi dan penyakit Chikungunya yang sudah ada di dalam negara kita. So walaupun ada tambahan kes Zika pada masa sekarang, di dalam langkah-langkah proses pengawalan nyamuk Aedes ini, itu tiada menghadapi apa-apa perubahan.

Peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk program ini pada masa sekarang digunakan secara optimal untuk menjalankan aktiviti terhadap kawalan nyamuk Aedes termasuk di dalam kes-kes baru seperti yang saya telah terangkan di dalam jawapan saya tadi bahawa kawalan di dalam 400 meter di sekeliling kes indeks itu dan itu memang cukup.

Cuma satu perbelanjaan tambahan yang kita perlukan ialah membuat pemeriksaan darah kerana pemeriksaan darah untuk Zika itu berlainan daripada pemeriksaan yang dibuat untuk penyakit-penyakit yang lain kerana ini menggunakan satu teknik yang dipanggil PCR yang kosnya lebih tinggi daripada pemeriksaan yang lain. So, untuk menangani ini, pada masa sekarang memang ada peruntukan yang mencukupi supaya semua yang memerlukan pemeriksaan darah boleh menjalani pemeriksaan darah itu.

Untuk menjawab soalan berkaitan dengan *microcephaly* di dalam negara kita, di dalam tujuh kes yang telah dilaporkan, dua yang ada isu dengan mereka mengandung dan dalam tempoh awal kandungan mereka, *very early pregnancy*. Mereka ini sekarang memang dijaga oleh doktor perbidanan mereka dan sampai masa sekarang, kita tidak ada kes-kes *microcephaly* yang telah dilaporkan akibat daripada Zika walaupun negara jiran kita Thailand telah mengumumkan ada dua kes *microcephaly* yang mereka telah pastikan ia punca daripada Zika. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya maklum mengenai jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai adanya sistem pengimbasan di lapangan terbang-lapangan terbang utama. Cumanya soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah sejauh manakah perancangan pihak kementerian dalam usaha untuk menambah baik sistem yang sedia ada sekarang ini agar kita boleh memastikan bahawa ia dapat dikesan dengan lebih awal kalau *compare* dengan izin, dengan yang ada sekarang masih lagi bolos dan terlepas mengenai virus yang baru ini.

Selain itu, adakah kementerian mempunyai kepakaran khusus dalam menangani ancaman virus yang bahaya seperti Zika ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkaitan saringan yang boleh dibuat di pintu masuk di lapangan terbang atau di pintu masuk dari Singapura ke Johor Bahru, ada satu prinsip yang kita kena fahami bahawa penyakit Zika ini, 80% daripada mereka yang ada penyakit ini tiada apa-apa gejala, tiada simptom. Oleh itu kalaupun ada *thermal scanner* di dalam lapangan terbang antarabangsa, mereka yang tidak demam boleh melalui *thermal scanner* tanpa dikesan oleh sistem itu. Ini kerana *thermal scanner* itu cuma boleh mengenal pasti ada *body temperature* yang lebih tinggi atau tidak sahaja.

So kalau 80% daripada mereka yang ada virus di dalam darah tetapi suhu badan itu bukan tinggi, mereka boleh melalui *thermal scanner* tanpa dikesan oleh *thermal scanner*. So, risiko ini kena diterima. Oleh sebab itu di dalam Johor Bahru, apa yang kita memberi penekanan ialah kawalan nyamuk Aedes kerana itu lebih berkesan daripada berusaha untuk mengesan siapa yang masuk dan keluar. Ini kerana 80% akan masuk keluar tanpa apa-apa tanda. So isu kawalan ditumpu kepada kawalan vektor. Itu yang paling mustahak di dalam negara kita because kita mempunyai *hot spot* yang begitu banyak dan tempat-tempat pembiasaan.

Secara ringkas, balik ke soalan asal, rakyat Malaysia pada keseluruhannya termasuk pemimpin-pemimpin kena mengambil bahagian dalam usaha untuk mengawal dan menghapuskan semua tempat pembiasaan nyamuk Aedes yang ada. Kalau kita berjaya dalam perkara itu, penularan Zika boleh dikawal. Terima kasih.

4. **Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula yuran akademik di IPTA bagi mengurangkan bebanan kos pelajar mendapatkan pendidikan tinggi dalam negara dan apakah faktor-faktor yang menghalang kerajaan daripada merangka dasar pendidikan tinggi percuma secara menyeluruh.

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jika kita membuat perbandingan yuran universiti awam negara kita, sebenarnya yuran universiti awam negara kita adalah murah. Saya ambil satu contoh di mana yuran untuk bidang perubahan di Universiti Malaya adalah hanya RM2,560, UKM sebanyak RM1,800, USM sebanyak RM3,160 dan UiTM sebanyak RM1,160 untuk setahun. Jika kita banding dengan kos untuk bidang perubatan tahunan ialah sebanyak RM60,000. Jika kita andaikan yuran tersebut ialah RM3,000 setahun, dibahagi RM60,000 darab seratus, ia merupakan hanya 5% daripada kos untuk pelajar-pelajar perubatan.

Jika dibandingkan pula untuk pelajar-pelajar bidang kejuruteraan, yuran untuk pelajar kejuruteraan setahun di UM ialah sebanyak RM1,978, di UKM sebanyak RM1,400, di USM

sebanyak RM2,760 dan di UiTM sebanyak RM1,160. Kalau dipuratakan kepada RM3,000 juga daripada jumlah keseluruhan RM30,000, ia tidak sampai. Ia hanya merupakan 10% daripada kos untuk pelajar-pelajar tersebut. Ini bermakna yuran di universiti awam kita adalah murah.

Seterusnya kita lihat pula daripada segi bantuan pendidikan untuk pelajar-pelajar kita adalah banyak. Kita ada PTPTN yang membiayai hampir 200,000 orang pelajar setiap tahun. Kita juga ada biasiswa dan pinjaman JPA, Biasiswa Yang di-Pertuan Agong, Yayasan Tunku Abdul Rahman, MARA, GLC, yayasan-yayasan negeri dan juga yayasan yang lain yang beri bantuan. Keseluruhannya bantuan pendidikan untuk pelajar-pelajar negara kita adalah banyak.

Ketiga, kalau kita lihat juga perbelanjaan kerajaan untuk pendidikan adalah sangat tinggi. Saya hendak ulang di sini, ialah sangat tinggi. Mengikut kajian yang telah dibuat oleh U21 yang merupakan terdiri daripada beberapa universiti iaitu University of Melbourne, University of Nottingham, University of British Columbia, University College London dan Shanghai Jiao Tong University mengatakan bahawa kedudukan Malaysia daripada 50 buah universiti yang terpilih adalah di tangga ke-13 dari segi sumber kerajaan. Jika kita lihat kalau kita membuat perbandingan dari segi GDP, izin saya baca dalam bahasa Inggeris. Ia mengatakan, *"The top two countries devoting greater resources to higher education than is expected at their level of GDP per capita are Serbia and Malaysia"*. Bermakna, ahli mesyuarat mengatakan di sini ialah perbelanjaan kerajaan untuk pendidikan tinggi adalah amat tinggi.

Seterusnya banyak perbandingan dibuat dengan negara-negara Norway, Denmark, Finland dan juga Jerman yang mengatakan bahawa mereka membekalkan pendidikan yang percuma.

#### ■1100

Saya nak katakan di sini ialah di mana negara-negara tersebut mengenakan cukai pendapatan antara 40 peratus hingga 60 peratus. Cukai pendapatan negara kita hanya 26 peratus, di masa yang sama negara-negara tersebut juga mengenakan GST dan VAT yang tinggi. Keseluruhannya saya hendak mengatakan pada hari ini bahawa pendidikan di negara kita adalah hampir percuma.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Soalan tambahan saya, terima kasih kerana jawapan itu dan saya perhatikan bahawa peratusan belanja untuk pendidikan di Malaysia ini sangat tinggi yang telah saya ingat diasaskan oleh Menteri Kewangan yang lama iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim. *[Tepuk]*

Soalan saya, soalan tambahan saya, memanglah betul apa yang, Yang Berhormat Menteri katakan bahawa ada perbezaan yuran di antara universiti-universiti di Malaysia ini. Soalan saya bukan di antara IPTA dan IPTS. Soalan saya adalah antara IPTA ini ada berbeza-bezanya. Katalah saya ambil jurusan *law*, perundangan. Kalau dibandingkan di UM adalah RM100 tetapi di USM juga adalah RM100 tetapi di USM, Bar Council tidak mengiktiraf dan bila

graduan-graduan LLB ini di USIM dikehendaki mengambil peperiksaan khas *Certificate in Legal Practice* dengan bayaran sebanyak RM7,000 sebelum layak menduduki *chambering*.

Jadi soalan saya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani autonomi berkaitan dengan pengiktirafan yang berbeza di antara graduan ini dan juga bagaimana menggubal dasar penyelarasan supaya yuran kajian bagi kursus-kursus yang sama di IPTA Malaysia yang sama, yang lain-lain di Malaysia tetapi kursus yang sama tetapi yurannya berbeza. Apakah ada yang boleh direcognizedkan, diiktiraf dan ada yang tidak diiktiraf? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam kita memberi autonomi kepada universiti, universiti boleh meletakkan yuran mereka masing-masing. Sebab itulah ini digambarkan bahawa proses autonomi universiti itu memang berjalan dan walau bagaimanapun, saya telah membuat pengumuman bahawa setiap universiti supaya tidak menaikkan yuran untuk ijazah pertama. Ini arahan yang telah saya keluarkan dan kita lihat tidak ada peningkatan yuran.

Dari segi langkah-langkah pengiktirafan sebenarnya untuk undang-undang ianya ditentukan oleh Bar Council. Baru-baru ini ada beberapa universiti yang masih belum diberi pengiktirafan tetapi telah mendapat pengiktirafan mereka selepas perbincangan dibuat dengan *council* mereka yang seterusnya.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasar Gudang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya ingin bertanya tentang keadaan bayaran yuran ini kepada Menteri. Agaknya kenapa Kerajaan Negeri Selangor sendiri tidak memberi secara percuma pelajar-pelajar yang belajar di UNISEL bagi rakyat Selangor? Keduanya, jika kita mengadakan pembelajaran secara percuma, adakah ini akan mengurangkan jumlah kemasukan pelajar-pelajar ke universiti kerana terpaksa kita menanggung kos yang lebih tinggi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan *direct* kepada kita kan? *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Direct* kepada Menteri Besar Selangor. Kita tunggu dia punya jawab.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** So, kita sepatutnya dijawab oleh pihak kami atau Menteri. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh saya jawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk dahulu.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Orang yang tanya soalan itu tidak baca surat khabar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Batu, UNISEL...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat Batu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...UNISEL memang bagi pendidikan percuma kepada pelajar-pelajar matrikulasi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bagi Menteri Besar jawab, ha! Baru betul. Menteri Besar, bagi dia jawab, bagi ruang, bagi ruang.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Boleh saya jawab, Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Mana boleh Menteri Besar jawab di Parlimen.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini lebih tepat dan sesuai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan boleh ubah ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Dalam sesi soal jawab begini, apabila Yang Berhormat bertanya soalan, kita fahamlah bermakna soalan itu walaupun ada Ahli Yang Berhormat yang menganggap bahawa ditujukan kepada Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Gombak kah, siapa-siapa kah, terpaksa juga Menteri jawab. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Benarlah yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. *[Dewan riuh]* Saya ingat sebelum pilihan raya yang lalu memang ini menjadi isu hangat. Bila kita memerintah nanti kita akan beri pendidikan percuma. *[Tepuk]* *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau kita menang peringkat Pusat, kalau menang Pusat. *[Tepuk]* *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu tidak tepat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagi tidak, bagi tidak, bagi percuma tidak? *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dari segi pendidikan, sekiranya kita tadbir di Putrajaya, kita akan berikan pendidikan percuma.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia sudah pening, dia sudah pening. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Setakat ini kita hanya berada di negeri Selangor sahaja.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ini bukan Dewan Undangan Negeri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Walaupun kita berada di negeri Selangor, di Malaysia kita ada satu peruntukan khas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ini bukan Dewan Perundangan Negeri, ini Parlimen. Mimpi di siang hari. Menteri sedang menjawab, yang lain duduklah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** Yang lain itu duduklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak duduk dahulu.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri menyeleweng fakta dalam Dewan Rakyat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Gombak, ini soalan Yang Berhormat Gombak kah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri tolong duduk. Sila, sila.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Duduklah. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini baru masuk, dia tidak tahu apa pun...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kalau tidak tolong, Tuan Yang di-Pertua, UNISEL teruk sekarang ini. Saya minta PTPTN masuk UNISEL bantu pelajar-pelajar yang perlu bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor...

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa bantuan yang diperlukan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kalau ikut janji kerajaan negeri, lingkup budak-budak ini nanti. *[Tepuk]*

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi...  
*[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang tidak faham pun tepuk-tepuk ini, Tuan Yang di-Pertua. Tidak faham tetapi tepuk. Apa punya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sekarang kita tolong, Kita bantu pelajar-pelajar mereka, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli yang sedang berdiri termasuk Menteri, tolong duduk sekejap. Duduk. Sila duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh kata bantu, memang tanggungjawab Putrajaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri sekarang sudah duduk, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak faham-faham.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia terlupa, dia terlupa.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, yang melingkupkan pelajar-pelajar kalau ada Menteri macam inilah, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Sila duduk dahulu.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Hei! Kita tolong ini. UNISEL ingat, kerajaan negeri ini, kalau tidak ada PTPTN tolong pelajar-pelajar UNISEL dia orang sudah tutup, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu memanglah tanggungjawab Pusat. Itu memang tanggungjawab Pusat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kena tutup buku.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tidak pernah lupa, tidak pernah berterima kasih. Inilah dasar pembangkang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu memang tanggungjawab Pusat, mana boleh beri alasan macam ini.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Jawab soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat termasuk Menteri. Duduk dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat yang lain duduk.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Menteri, nanti dahulu Menteri. Ahli Yang Berhormat lain, saya tarik nafas dulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ambil tindakan pada Menteri, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Yang Berhormat Gombak ingat ini Dewan Undangan Negeri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sesi soal jawab. Soalan daripada Yang Berhormat dijawab oleh Menteri. Jangan buat sebagai satu perdebatan. Menteri, sila jawab Menteri. Selepas itu Menteri duduk dengan baik dan jangan ganggu Menteri lagi. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya okey Tuan Yang di-Pertua, yang sebelah sana itu kacau saya jawab. Bila tidak betul...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, kemasukan universiti. Saya mengatakan tadi bahawa kemasukan universiti memanglah kita kena menerima hakikat bahawa, saya sudah katakan tadi bahawa yuran kita... *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Panaslah itu, panas, panas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain, sila duduk bila Menteri menjawab. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey bahawa sistem pendidikan kita hampir percuma. Saya katakan tadi, saya beri contoh-contoh mengatakan bahawa yang dibayar itu 5%, 10% dan kerajaan membiayai hampir 90% keseluruhannya untuk pelajar-pelajar. Jadi sistem pendidikan negara kita ini hampir percuma.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Raden, Kinabatangan.

**5. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan utama ESSCOM dalam memerangi jenayah rentas sempadan seperti penculikan untuk tebusan memandangkan kejadian-kejadian yang masih sering berlaku dan penjenayah yang masih boleh lolos walaupun Kerajaan telah berbelanja besar untuk memastikan keselamatan di kawasan ESSZONE.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Penubuhan ESSCOM adalah untuk mengawal Pantai Timur Sabah dari dicerobohi oleh Royal Sulu Force (RSF).

#### ■1110

Pencerobohan pertama berlaku di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada bulan Februari 2013. Setakat ini, ESSCOM telah berjaya mencapai objektif penubuhannya iaitu mengawal dari berlakunya pencerobohan ke atas Sabah oleh Royal Sulu Force berulang. Namun begitu, ESSCOM kini menghadapi satu cabaran lain, di mana ia berhadapan dengan situasi jenayah rentas sempadan di perairan Pantai Timur Sabah oleh *Kidnap for Ransom Group* (KFRG) dari Selatan Filipina.

Langkah memperketatkan kawalan keselamatan yang dilakukan oleh ESCSOM, khususnya di *resort-resort*, sangkar ikan dan laluan-laluan berisiko telah memaksa KFRG

menukar modus operandi mereka dengan mengubah sasaran kepada *vessel* yang bergerak perlahan atau yang mempunyai *low freight boats* ataupun *soft targets*. Ini jelas menunjukkan bahawa inisiatif pengukuhan dan perancangan keselamatan ke atas *resort-resort* tempat tumpuan pelancong, sangkar ikan dan lain-lain laluan yang berisiko adalah berkesan dan memaksa KFRG mengubah sasaran kepada sasaran mudah atau *soft targets* seperti kapal dagang, kapal tunda dan juga bot-bot nelayan.

Memerangi penculikan rentas sempadan oleh KFRG, ESSCOM merangka pendekatan yang lebih holistik dan bersepada bagi memperkemaskan bentuk kawal selia di perairan ESSZONE yang begitu luas sehingga menjangkau sepanjang 1,733.7 kilometer dari Kudat hingga ke Tawau seperti berikut:

- (i) Meneruskan kesiapsiagaan dan keupayaan aset, termasuk menempatkan beberapa anggota keselamatan di lokasi-lokasi yang mempunyai risiko tinggi berlakunya jenayah culik seperti di *resort-resort*, sangkar ikan dan chalet serta lokasi-lokasi yang difikirkan berisiko berlakunya jenayah rentas sempadan;
- (ii) Memperkuuhkan jaringan kerjasama dengan agensi berkaitan di negara jiran, termasuk Filipina dan Indonesia bagi bersama-sama memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengawal selia pintu-pintu masuk keluar di perairan mereka;
- (iii) Meningkatkan keupayaan risikan dan pertukaran maklumat, termasuk mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Filipina dan Indonesia;
- (iv) Mempergiatkan penglibatan semua masyarakat, khususnya di peringkat akar umbi, termasuk ketua-ketua kampung dan Pengerusi JKKK, pemimpin belia, beliawanis supaya dapat meningkatkan semangat kebersamaan dan sentiasa berganding bahu bersama-sama dengan ESSCOM untuk menangani isu-isu keselamatan di kawasan masing-masing;
- (v) Mempertingkatkan kerjasama dengan pihak penguat kuasa lain untuk menyegerakan tindakan susulan seperti pendatang tanpa izin yang terdapat di ladang-ladang ataupun pusat-pusat perniagaan yang menggaji PATI dan mematahkan jaringan atau rangkaian jenayah rentas sempadan;
- (vi) Meningkatkan kesiapsiagaan aset supaya berada dalam keadaan baik agar dapat digunakan secara serta-merta sekiranya diperlukan;
- (vii) Meningkatkan operasi-operasi di daratan dan laut sebagai usaha pencegahan dan sebagai *show of force*;

- (viii) Meneruskan operasi-operasi khas memburu sarang-sarang jenayah tali barut Abu Sayaf dari semasa ke semasa;
- (ix) Memberi perlindungan keselamatan pelayaran vessel yang melalui perairan ESSZONE;
- (x) Memastikan kesemua bot nelayan dan *tug boat* memasang Automatic Identification System (AIS) dan lain-lain alatan komunikasi; dan
- (xi) Sentiasa mengkaji semula setiap strategi dan kesesuaian kelengkapan yang sedia ada.

Satu faktor utama yang menjadikan penculikan rentas sempadan ini berlaku adalah disebabkan oleh KFRG ini dijadikan ataupun ini menjadikan aktiviti penculikan sebagai satu perniagaan yang menguntungkan. Ini menyebabkan banyak kumpulan penculik yang baru wujud kerana hasil yang bakal diperoleh. Aktiviti penculikan rentas sempadan ini juga turut disumbangkan dengan taraf kehidupan penduduk di Selatan Filipina yang cukup sukar. Oleh itu, penyelesaian secara holistik dan melibatkan bukan sahaja masyarakat tetapi juga Kerajaan Filipina amat diperlukan bagi menyelesaikan isu ini dan usaha ini memerlukan tempoh masa yang panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak diwujudkan, ESSCOM ini telah membelanjakan lebih kurang RM146 juta. Jadi, memang tidak ada keraguan Tuan Yang di-Pertua, di atas komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menjamin keselamatan rakyat Malaysia di Sabah. Apa yang menjadi keraguan kita, soalan saya adakah pendekatan yang dilaksanakan oleh ESSCOM ini telah berjaya mengekang matlamat iaitu untuk mencegah penceroboh-penceroboh luar masuk ke perairan negeri Sabah?

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, tahun 2016, empat penculikan berlaku. Ini bermakna, wang yang banyak itu tidak memberi impak apa-apa kepada keselamatan yang diharapkan. Apa impak yang berlaku, rakyat Sabah katakan harga makanan laut, ikan dan sebagainya meningkat Tuan Yang di-Pertua. Ikan kembung dahulu RM2, sekarang RM12, nak sampai RM15 sebab ada perintah berkurung. Jadi, aktiviti menangkap ikan sudah kurang. Itu impak yang paling ketaralah menghimpit rakyat Malaysia di Sabah. Jadi, apakah tindakan dan pendekatan yang lebih baik lagi dilihat oleh ESSCOM dan kerajaan ke arah untuk memastikan bahawa penculikan ini tidak berlaku lagi di negeri Sabah dan keselamatan rakyat di sana terjamin. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan di awal tadi bahawa kejayaan ESSCOM, matlamat penubuhannya ialah bila kita dapat mematahkan serangan. Kita tubuhkan ESSCOM ini sebab kita diserang. Jadi, serangan telah kita dapat selesaikan. Akan tetapi kita menghadapi masalah kedua iaitu jenayah rentas

sempadan. Kalau jenayah ini mereka tangkap orang yang sembunyi di Malaysia, selamat kita. Ini masalah, ambil orang ini sembunyi dekat Selatan Filipina. Itu menimbulkan masalah.

Akan tetapi Yang Berhormat kena tengok bahawa kita telah mengetatkan kawalan di *resort*. Dia tidak boleh culik di *resort* lagi, di tempat pelancongan, dia tidak boleh culik. Kemudian di chalet tidak boleh culik sebab semua tempat itu kita letakkan pasukan keselamatan di sana. Akan tetapi dia pergi ambil kepada *soft targets* iaitu nelayan ataupun *tug bot* yang bergerak perlahan dan juga bot yang rendah dan mereka ini juga bergerak di kawasan yang agak jauh. Malah di salah satu *tug boat* yang ditangkap itu, radar kita tidak dapat kesan dan mereka kata masuk dalam kawasan kita tetapi arus telah menghanyutkan bot itu masuk ke kawasan kita. Jadi, sekarang ini mereka memberi perhatian kepada *soft targets*. Sekarang ini kita juga akan memberi perhatian kepada *soft targets*.

Akan tetapi Yang Berhormat, untuk jangka panjang seperti yang saya lancarkan baru-baru ini, rakyat harus sama-sama menjaga keselamatan. Dengan itu kita akan meminta seramai mungkin kawan-kawan kita di kawasan ini untuk menyertai pasukan sukarelawan. Baru-baru ini kerajaan telah membenarkan penubuhan sukarelawan APMM iaitu sebanyak 5,000 orang pada tahun ini. Ini kita akan ambil perhatian di kawasan ESSCOM untuk menggalakkan rakyat untuk menyertai pasukan sukarelawan APMM.

Jadi, dengan cara rakyat bersama dengan pihak kerajaan untuk menentang penjenayah, saya rasa kita boleh kurangkan ataupun sekurang-kurangnya mungkin pada jangka panjang kita dapat selesaikan. Sekarang ini masalahnya apabila *kidnap for ransom* ini jadi *business*. Sudah pasti ada orang dalam, ada orang luar. Ada PATI yang duduk di sini bagi maklumat dan akhirnya mereka mudah masuk ke sini.

Semua ini jadi perniagaan. Kalau *kidnap* empat orang, dapat sekian banyak dan sebagainya. Jadi, yang ini kita kena patahkan. Paling penting sekarang ini kita mengetahui pergerakan mereka dan kita akan cuba sebaik mungkin untuk menghadapinya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sudah dengar hujah dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Ini bukan cerita baru, cerita lama. Pangkalan data kita sudah ada. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, pertama dari segi kedaulatan negara kita.

## ■1120

Yang keduanya, keselamatan nyawa manusia di kawasan itu tidak harus diambil ringan. Walaupun saya sedar dan tahu, seperti Yang Berhormat Kinabatangan nyatakan, perbelanjaan kerajaan cukup banyak tapi keberkesanannya, Tuan Yang di-Pertua, selama 50 tahun lebih dah— kejadian ini bukan kejadian yang baru. Tahun 2016, baru disebutkan, empat kali kejadian. Namun, yang menyebabkan— bukan hanya rompakan wang, taruhan membabitkan

nyawa manusia, bukan hanya rakyat daripada Semenanjung Malaysia bahkan juga daripada Sabah dan Sarawak dan yang penting ialah kedaulatan negara kita.

Jelasnya, Tuan Yang di-Pertua— saya nak tanya fokus daripada segi keutamaan yang harus diberikan oleh kerajaan— sedarkah Yang Berhormat, di peringkat akar umbi itu, minyak petrol untuk rondaan pun tak cukup? Saya Ahli Parlimen kawasan Semporna dah lima penggal dah. Saya ada suarakan perkara ini daripada zaman dahulu, dah tiga orang Perdana Menteri dah. Tindakan demi tindakan yang kita lakukan, yang perlu dipertingkatkan. Masalahnya, kehidupan masyarakat kita masih dalam keadaan yang tidak terjamin. Mengapa pihak kerajaan tidak mengambil langkah yang drastik? *Resources* yang ada, dengan izin, kekuatan kerajaan yang ada, pangkalan tentera udara— contohnya helikopter.

Saya sudah suarakan banyak, bukan hanya di Parlimen, di Kabinet pun. Letak di Labuan. Kem Tentera Lok Kawi yang ada— berapa kerap sangat di Lok Kawi itu ada penculikan dia? Kapal-kapal yang ada di Lumut— berapa kali Lumut kena culik? Ini yang saya sebutkan, *resources* yang ada, *make sure that ensure for the safety and the kedaulatan negara kita*. *Please, again, we needed so badly*. Ini tak. Kita, “*Oh! Ini lanun...*” Macam-macam sehingga ada pertuduhan bahawa kononnya saya yang... *[Ketawa] Laa hawla wa laa quwwata illa billaah... [Ketawa]* Fitnah semata-mata. Macam-macam fitnah.

Tapi saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta daripada— soalannya, adakah rancangan kerajaan daripada segi penyusunan kekuatan yang ada bukan hanya daripada segi *enforcement*, daripada segi— dah kita tahu jaminan jam 6, jam berapa tak boleh— perintah berkurung— tapi kapal masih berlalu lagi, masih lagi jalan di kawasan itu.

Kerjasama dengan kerajaan kita— sidang yang lalu Tuan Yang di-Pertua, adakah kerjasama antara kerajaan Filipina dan juga negara kita disusun dengan baik? *When they attack Palawan* contohnya, Kudat *must be alerted* pasal itu yang paling dekat dengan Palawan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Persoalan dia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan itu sudah... Saya rasa Menteri sudah faham dengan apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak tambah satu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, biar Menteri menjawab dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kekurangan minyak, memang ini kita menyadarinya tetapi untuk keselamatan, kita tidak

bertolak-ansur. Jadi ada sekali masa disebut bahawa minyak akan berkurangan dalam masa dua tiga hari. Kita ada masa dahulu. Jadi, apa Yang Berhormat sebut itu, itu mungkin dia cakap-cakap kata lagi tiga hari minyak kurang, kita dah masuk tiga hari sebelum minyak kurang, Yang Berhormat. Saya tahu itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dan saya *monitor* benda ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat walaupun dari sebelah sana tapi saya sentiasa berada di sana dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat, kita nak beritahu bahawa sejak ESSCOM ditubuhkan, 10 percubaan untuk menyerang negara ini telah dapat dipatahkan. Ini kejayaan tapi kita tak cerita dekat orang bahawa pada satu-satu hari tertentu mereka sedang... Kita telah patahkan dan mereka tidak dapat masuk di sini untuk membuat serangan kepada kita. Malah, perayaan hari ulang tahun serangan mereka itu, mereka telah pun siap sedia untuk menyerang tetapi kita patahkan. Cuma, rakyat hanya mengetahui kalau berlaku pertempuran tetapi usaha untuk mematahkan, itu yang penting ya.

Yang Berhormat, ini jangka panjang ini. Baru-baru ini, semua Yang Berhormat, sebagai contoh, telah dilantik menjadi Kolonel Kehormat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Tuan Yang di-Pertua belum lagi dilantik sebab Tuan Yang di-Pertua akan diberi pangkat yang lebih tinggi. Pembangkang pun kita bagi. Jadi Yang Berhormat, tiap-tiap orang dia mesti ada anggotanya. Jadi, anggotanya sekurang-kurangnya 30 orang anggota, bersama dengan Yang Berhormat untuk menguruskan bencana. Tetapi ia boleh diambil bersama untuk kes yang berlaku sekarang sebab kita hendak supaya rakyat melihat keselamatan ini ialah perkara yang bersama.

Yang Berhormat, kita ada beberapa negara— kita ambil contoh, ada sebuah negara, kalau kita pergi, polis boleh tangkap dalam masa satu jam. Pasal apa? Sebab kita pergi ke negara berkenaan, dia hanya bercakap bahasa mereka. Kalau kita cakap bahasa yang lain, dia tahu kita orang luar, polis datang pada kita sebab rakyat memberi maklumat. Ada satu lagi negara jiran sebab bahasa itu yang menyatukan negara ini, dia tahu kalau kita pergi ke sana, mungkin orang Sabah mungkin bahasa agak sama tetapi kalau saya pergi ke Indonesia, orang Indonesia tahu bahawa saya bukan orang sana, satu jam orang tahu. Tetapi kita bila masuk ke Filipina, dia menggunakan bahasanya dan bahasa Inggerisnya ialah juga berlainan daripada *pronunciation*, dia tahu kita bukan orang *Phillippines*, polis dapat mengesannya serta-merta. Tetapi bila datang ke Malaysia, rakyat sesetengahnya tidak bersama, tidak bagi maklumat. Itu sebab kita ambil pendekatan baru, rakyat mesti menyertai pasukan sukarelawan kita.

Jadi yang saya jaga sekarang ini ialah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan juga Sukarelawan APMM. Sertai Yang Berhormat, di Semporna, sertai. Dan mereka kena beri

maklumat sebab ini *kidnap for ransom* ini dah jadi perniagaan. Bila jadi perniagaan, ada orang dalam yang memberi maklumat kepada penculik dan penculik pula dia sekarang ini dah buat pendekatan bahawa bila dia culik, dia akan pergi jual kepada Abu Sayyaf, lepas itu Abu Sayyaf pula buat tuntutan kepada kita. Ini suatu yang cukup bahaya dan harus ditangani bersama oleh rakyat, oleh Ahli Yang Berhormat. Takat mengkritik, saya ingat siapa pun boleh tetapi untuk melaksanakannya itulah satu yang harus ada kebersamaan. *[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kemudian Yang Berhormat biasa dalam kerajaan dahulu, Yang Berhormat juga bersetuju dengan apa yang saya cakap ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, Menteri, terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Semporna, duduk Yang Berhormat Semporna. Yang Berhormat Shah Alam duduk.

Saya dapat maklumat sebentar tadi bahawa soalan yang berikutnya perlu dijawab sekarang juga oleh kerana ada sekumpulan teksi-teksi di luar Parlimen sekarang ini, kalau boleh saya gunakan istilah ‘menyerang’ Parlimen. Jadi, yang dibahas tadi itu, kita ada masa lagi untuk bahas kemudian, Yang Berhormat Semporna.

## 6. **Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria yang dikenakan kepada perkhidmatan Uber; dan
- (b) sejauh manakah perkhidmatan Uber menjaskan pendapatan para pemandu teksi biasa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab dengan lebih lanjut, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan lapan lagi soalan lain kerana menyentuh isu yang sama iaitu:

- (i) soalan nombor 5 oleh Yang Berhormat Limbang bertarikh 18 Oktober;
- (ii) soalan nombor 8 oleh Yang Berhormat Gopeng bertarikh 19 Oktober;
- (iii) soalan nombor 27 oleh Yang Berhormat Bukit Katil bertarikh 20 Oktober;
- (iv) soalan nombor 3 oleh Yang Berhormat Tanjong Piai bertarikh 25 Oktober;
- (v) soalan nombor 2 oleh Yang Berhormat Jelutong bertarikh 31 Oktober;
- (vi) soalan nombor 2 oleh Yang Berhormat Selayang bertarikh 8 November;
- (vii) soalan nombor 18 oleh Yang Berhormat Kota Raja bertarikh 9 November;

(viii) soalan nombor 14 oleh Yang Berhormat Nibong Tebal bertarikh 21 November;

dan,

(ix) soalan nombor 48 oleh Yang Berhormat Pokok Sena bertarikh 24 November;

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, kita sering mendengar rungutan pengguna terhadap tahap kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama, kita juga mendengar rintihan para pemandu teksi berhubung isu-isu kebajikan dan cabaran-cabaran yang dihadapi mereka. Kerajaan mendengar dan mengambil serius kesemua perkara ini.

Dalam mencari penyelesaian yang adil kepada semua pihak dan mengubah senario industri teksi tempatan kepada yang lebih baik, kajian yang mendalam telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu yang membelenggu industri teksi di Malaysia. Kaji selidik dan *consultancy* bukan sahaja melibatkan pemandu teksi tetapi juga membabitkan para pengguna, syarikat teksi dan pelbagai *stakeholders*, dengan izin, yang lain.

Hasilnya, kerajaan telah bersetuju dengan Program Transformasi Industri Teksi ataupun TTIP yang diformulasikan bagi mewujudkan persekitaran industri teksi yang sihat dan adil kepada pemandu, pengguna dan pengendali.

#### ■1130

TTIP ini merupakan inisiatif holistik yang menumpukan secara khusus kepada perkara-perkara utama dalam industri teksi di negara iaitu:

- (i) menambah baik pendapatan dan kebajikan pemandu teksi;
- (ii) penyampaian perkhidmatan yang berkualiti; dan
- (iii) peluang dan penggunaan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan TTIP secara keseluruhan merangkumi 11 program utama yang bukan sahaja membawa khabar gembira kepada rakyat sebagai pengguna yang akan mempunyai pilihan perkhidmatan yang baik malah juga kepada pemandu-pemandu teksi yang akan menyaksikan cadangan-cadangan mereka turut diadaptasikan dalam TTIP.

Antara tumpuan utama program-program yang akan dilaksanakan adalah pengeluaran lesen atau permit individu baru kepada pemandu-pemandu teksi sedia ada yang layak. Bagi membantu para pemandu teksi ini beralih daripada sistem pajak sedia ada, kerajaan akan menyalurkan bantuan geran tunai berjumlah RM5,000 kepada individu yang layak bagi membantu mereka di peringkat awal pembelian kenderaan baru sebagai teksi mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakannya pemandu teksi yang telah datang kepada saya merungut mengenai menjadi pemandu teksi mendapat permit daripada sistem pajak, jadi inilah di antara salah satu daripada cara untuk kita membantu mereka. Selain daripada itu, para pemandu akan turut mempunyai pilihan jenama dan model kenderaan yang lebih luas yang dirasakan sesuai dengan kelas penumpang yang disasarkan serta kos operasi

mereka dan pada masa yang sama keselamatan penumpang dapat dipertingkatkan dengan penggunaan kenderaan yang mematuhi keperluan minimum dengan izin, *three star safety rating* di bawah ASEAN New Car Assessment Program (NCAP).

Di samping itu kerajaan akan memastikan terma-terma kontrak dalam sistem pajak teksi akan ditambah baik dengan tumpuan diberikan kepada kebijakan pemandu. Terma-terma minimum di dalam kontrak pajak teksi akan dikawal selia bagi memastikannya tidak berat sebelah dan melindungi kedua-dua pihak. Dalam pada masa yang sama, kemajuan dan kelebihan teknologi perlu digunakan sepenuhnya oleh industri ini bagi memberi manfaat bersama kepada pengguna dan pemandu.

Trend kaedah mendapatkan teksi telah berubah selari dengan arus pemodenan. Dapatan kajian menunjukkan lebih 50 peratus pengguna teksi di Malaysia menggunakan *mobile apps* untuk mendapatkan perkhidmatan teksi. Manakala hanya sebanyak 14% daripada pemandu teksi cenderung untuk menggunakan *mobile apps* untuk mendapatkan penumpang. Ini jelas menunjukkan terdapat jurang yang besar antara permintaan dan tawaran melalui penggunaan *mobile apps* ini. Justeru perkhidmatan e-hailing tidak harus dilihat sebuah saingan kepada kaedah operasi teksi konvensional tetapi harus digunakan sebagai peluang kepada para pemandu teksi serta pelengkap dalam mengimbangi tawaran perkhidmatan dengan permintaan trend pasaran.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan e-hailing akan beroperasi tertakluk kepada peruntukan dan seliaan undang-undang seperti mana operasi sedia ada dalam industri teksi. Langkah bagi mengawal selia ini adalah wajar yang di antaranya dalam memastikan keselamatan penumpang dan pemandu diberi tumpuan. Bagi menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan pemandu teksi, program pemerkasaan kemajuan pemandu teksi akan dilaksanakan. Program ini antara lain akan memperkemas dan mempersiapkan para pemandu dengan modul latihan yang akan membantu mereka meningkatkan tahap kepuasan pengguna melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan berkaitan terhadap Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 akan dibawa untuk diluluskan di Parlimen bagi perlaksanaan beberapa inisiatif program-program yang dirangka seperti terma kontrak dalam sistem pajak teksi dan kawal selia perkhidmatan e-hailing di seluruh negara. Cadangan pindaan tersebut dijangka akan dibentangkan pada sesi mesyuarat pertama Parlimen tahun hadapan.

Dasar pembaharuan yang telah diluluskan ini jelas menunjukkan kepekaan dan keprihatinan kerajaan yang telah mengambil kira pandangan dan keperluan kesemua pemegang taruh atau *stakeholders*, dengan izin dalam merangka arah tuju masa hadapan bagi industri teksi Malaysia untuk terus berkembang dan menjadi lebih mampan serta responsif

kepada permintaan pasaran. Secara rumusannya 90% ataupun 10 daripada 11 inisiatif yang dikemukakan kepada Kabinet adalah mengambil kira permintaan dan juga keperluan teksi yang sedia ada pada masa ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak boleh membenarkan lagi soalan tambahan memandangkan bahawa masa 11.30 itu sudah ada.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua sebut tadi soalan ini penting Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk satu soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]* Mereka berada di sekitar Parlimen. Lagipun Tuan Yang di-Pertua, Menteri tidak menjawab soalan. Soalannya berhubung Uber. Dia jawab fasal pemandu teksi. Orang tanya fasal Uber.

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat, e-hailing ialah salah satu daripadanya ialah Uber, faham?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu dalam konteks menggunakan e-hailing untuk pemandu teksi. Tetapi yang sekarang ini...

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Saya tidak mahu mempromosikan syarikat Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Saya hanya membenarkan *title* itu dipersetujui bukan mempromosi Uber sebagai syarikat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Satu *tagline taxi to all* menunjukkan bahawa hampir semua kita memerlukan teksi. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua telah sebut tadi di luar sana ada sekumpulan rakyat kita yang telah menyerahkan satu memorandum yang bertajuk, '*Menuntut operasi Uber dan GrabCar di dalam industri pengangkutan awam Malaysia dikaji semula kelulusan dan pewartaan kerana wujudnya satu penganiayaan terhadap pemandu teksi, kereta sewa, limousin, taxis premier dan eksklusif*'.

Memorandum ini ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Mungkin selepas ini boleh diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan, yang kedua kepada

Yang Berhormat Ketua Pembangkang, yang ketiga kepada semua Ahli-ahli Parlimen daripada Jawatankuasa Bertindak Pemandu Teksi Kereta Sewa Malaysia menentang GrabCar dan Uber, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita tahu bahawa walaupun mengambil kira jawapan Yang Berhormat Menteri tadi perkhidmatan Uber dan GrabCar ini jelas menjelaskan dengan teruk pendapatan pemandu-pemandu teksi. Sebagai contohnya liabiliti kepada seorang pemandu teksi daripada awal dia keluar pagi sudah RM55 untuk membayar sewa pajakan manakala *driver* Uber dan GrabCar zero Ringgit Malaysia, kosong ringgit.

Keduanya, akibat daripada Uber dan juga GrabCar perkhidmatan diperkenalkan oleh kerajaan dilaporkan dalam memorandum ini juga maklumat umum lebih daripada 20,000 orang pemandu teksi telah pun menyerahkan kembali teksi kepada syarikat kerana tidak mampu membayar sewa. Jadi soalan saya untuk menjimatkan masa Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada kerajaan adakah kerajaan ingin mengambil kira semua keadaan ini, pertama untuk menangguhkan dulu pewartaan undang-undang yang berkaitan dengan GrabCar dan juga Uber ini atau alternatifnya adakah kerajaan bersedia memberikan semua permit teksi ini kepada pemandu teksi tidak kepada syarikat-syarikat, terima kasih.

■1140

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali saya berterima kasih untuk soalan itu tadi kerana seperti yang saya nyatakan tadi apa yang kita laksanakan di sini TTIP yang dikemukakan kepada Kabinet adalah mengambil kira keperluan teksi yang sedia ada. Sebanyak 90 peratus daripada yang dicadangkan iaitu sepuluh daripada sebelasnya adalah mengambil kira apa yang dipohon oleh teksi yang sedia ada.

Apa yang mereka *complain*, dengan izin selama ini telah kita ambil kira. Inilah peluang-peluang mereka. Saya hendak nyatakan di sini lebih 70 peratus daripada, lebih 45,000 responden kaji selidik atas talian ataupun *online survey respondents* mahukan perkhidmatan e-hailing dibenarkan dan dikawal selia operasi. Akan tetapi kita tidak mahu menyatakan kita hendak mempromosikan Uber, tadi Yang Berhormat Shah Alam menyatakan. Saya tidak mahu membawa promosi Uber, bukan tugas saya. Akan tetapi saya perlu menjawab juga keperluan rakyat yang lain juga.

Jadi kita hendak membuka ruang pasaran ini kepada teksi yang sedia ada. Di sini 59 peratus daripada mereka yang menggunakan e-hailing seperti Uber dan GrabCar tidak pernah menggunakan perkhidmatan teksi sebelum ini, ini kajian. Ini bermakna terdapat permintaan atau pelanggan yang baru daripada segmen ini. Ia sebenarnya adalah peluang ataupun *opportunity* kepada industri ini untuk berkembang.

Selain daripada itu juga, lain-lain bantuan yang saya nyatakan tadi kepada pemandu teksi. Mungkin pemandu teksi masih belum tahu di antara saranan yang kita ajukan untuk membantu mereka, kerajaan akan memberikan geran tunai RM5,000, mengeluarkan permit individu dan menyediakan latihan kepada pemandu teksi. Tadi dikatakan ada 10,000 permit dihantar, 10,000 permit itu dikembalikan bukan bermakna mereka tidak mampu, mungkin tidak menyeluruh sebab ada yang sudah ada yang mengetahui mengenai saranan ini dan mahu menjadi pemegang permit individu, tidak mahu terikat kepada syarikat. Itu salah satu daripada sebabnya Yang Berhormat. Didapatkan juga kajian menunjukkan 55 peratus pemandu teksi memilih kerjaya ini sebagai pilihan terakhir.

Yang Berhormat tadi menyatakan supaya permintaan mereka adalah supaya di *postpone* dari segi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pewartaan.

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Pewartaan, undang-undang itu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kaji semula.

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Tadi pewartaan. Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang peguam, undang-undang pun belum dipinda, apa hendak diwartakan? Belum pun kita bawa pindaannya. Tadi saya menjawab menyatakan pindaan itu, *insya-Allah* mungkin akan kita bawa ke Parlimen yang akan datang. Tidak ada yang hendak diwartakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kaji dulu, jangan bawa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Tidak ada yang hendak diwartakan dulu. Jadi kita hendak memberi peluang kepada Yang Berhormat Shah Alam bukan *your floor*. Kita hendak memberi peluang kepada pemandu teksi untuk memahami apa yang kita adakan di sini untuk membantu pemandu teksi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri tidak faham masalah. Masalahnya Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat Shah Alam *this not your floor*. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya sudah menjawab soalan dan saya rasa kita akan terus berhubung dengan pihak...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Soalan saya yang kedua belum jawab Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Nancy binti Shukri:** ...*taxi operators* malah pada hari ini ada *conference* diadakan oleh SPAD. Jadi pihak Uber, pihak teksi dan semuanya akan masuk. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Pokok Sena, Ahli Yang Berhormat duduk-duduk.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak tuju...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekejap sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, saya hendak minta soalan tambahan dengan isu teksi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dua berdiri ini duduk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Duduk macam mana hendak beri soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita dengar tadi daripada Yang Berhormat Kota Bharu bahawa ada satu memorandum yang dalam memorandum itu saya percaya ditulis secara terperinci oleh pihak-pihak yang berkenaan, ditujukan kepada pihak-pihak yang berwajib. Jadi biarlah dulu memorandum itu diterima oleh pihak-pihak yang berwajib lepas itu tindakan akan diambil sama ada positif ataupun negatif.

Jadi masa tidak lagi mengizinkan. Jadi sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir dan sebelum saya memanggil setiausaha untuk beredar ke urusan mesyuarat yang lain ada satu perkara mustahak yang ingin saya umumkan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat saya mendapati beberapa soalan dalam pertanyaan jawapan lisan dan bertulis serta usul yang telah dikemukakan bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas kali ini berkaitan dengan satu isu yang menjadi kegemaran Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu isu tindakan sivil *in rem* oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat atau singkat DOJ.

Jadi, untuk mengelakkan lagi satu pertuduhan seperti di sesi yang lalu iaitu di mana soalan yang perlu dijawab secara lisan oleh kerana tidak ada masa untuk dijawab pada ketika itu, maka Menteri menjawab mengatakan bahawa tidak payahlah dijawab secara bertulis oleh kerana itu adalah *sub judice*.

Jadi dalam hal ini, dalam sesi ini juga ada perkara-perkara yang sedemikian. Jadi saya tidak mahu lagi timbul satu persepsi di mana Menteri akan dituduh bahawa dia *assumed the role of the Speaker*. Jadi untuk itu setelah meneliti isi kandungan pertanyaan-pertanyaan tersebut, saya mendapati bahawa ia adalah perkara yang masih dalam timbangan mahkamah ataupun *sub judice*. Oleh itu Menteri yang berkenaan tidak perlu jawab kepada perkara-perkara tersebut. Manakala kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedemikian untuk memuaskan hati

mereka saya akan sampaikan setiap Ahli Yang Berhormat keputusan saya secara bertulis. Terima kasih, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order* untuk penjelasan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Baiklah saya tanya mengenai tadi satu kenyataan sama ada *sub judice* di luar negeri terpakai dalam *sub judice* dalam negara ini. *[Ketawa]* Saya rasa ini satu *precedent* yang sangat serius, luar biasa. Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua kaji perkara ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa Tuan Yang di-Pertua merujukkan kepada apa yang berlaku dalam prosiding di Amerika Syarikat yang dibawa oleh DOJ. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Penggerusi melihat prosiding tersebut sebelum boleh membuat keputusan bahawa ianya berkait rapat dan ianya *sub judice*. Ini kerana *cause papers* dalam tindakan itu belum lagi diserahkan kepada mana-mana pihak.

So, dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, *how do you make a decision that it is sub judice* di mana kita tidak tahu secara terperinci apakah yang dibangkitkan di situ. Itu satu perkara mustahak. Oleh kerana kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, *we wouldn't have* keadaan-keadaan di mana dengan adanya satu pengumuman, ataupun pengumuman yang luas maka dibuat keputusan ia *sub judice*. Ini perkara yang cukup penting bukan sahaja kepada kita di Malaysia tetapi seluruh dunia. Saya rasa tempat elok untuk ia dibahaskan adalah di Parlimen.

Kalau disekat dari segi undang-undang, *I'm not saying* Tuan Yang di-Pertua buat, Tuan Yang di-Pertua melaksanakan tugas, tetapi saya rasa ianya kena diberikan pendekatan yang *strict*. Jadi kalau tidak ada maklumat berkenaan dengan apa yang dibawa terperinci DOJ saya minta penjelasan, bagaimana Tuan Yang di-Pertua boleh membuat satu keputusan bahawa ianya *sub judice*. Sila Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. *[Ketawa]* Pertama kali saya diminta silakan. *[Ketawa]* Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua yang menyatakan silakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih, sebagai respons kepada Yang Berhormat Gelang Patah dan kepada Yang Berhormat Puchong. Saya telah buat keputusan dan keputusan itu untuk saya kaji semula seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, maka saya tidak bolehlah kaji semula kerana Peraturan Mesyuarat 43 kecuali ada usul persendirian yang dibuat oleh Yang Berhormat Gelang Patah ataupun Yang Berhormat Puchong.

Itu respons saya pada Yang Berhormat Gelang patah dan Yang Berhormat Puchong. Begitu juga saya telah nyatakan tadi bahawa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan

yang telah mengemukakan soalan itu saya akan sampaikan keputusan saya secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana Ahli-ahli Yang Berhormat terlibat secara langsung kepada isu yang ditimbulkan.

Akan tetapi yakinlah Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Puchong apabila saya membuat sesuatu keputusan, saya buat bukan secara terburu-buru dan sedemikianya. Saya terpaksa mengambil kira semua aspek perundangan luar sana kerana seperti mana yang kita sedia maklum bahawa setiap keputusan yang Tuan Yang di-Pertua buat iaitu Tuan Yang di-Pertua Parlimen Malaysia akan juga dibaca oleh orang-orang di luar sana.

Teknologi maklumat sekarang ini Yang Berhormat saya ambil maklum iaitu apa yang saya sebut pada ketika ini beberapa ketika sebelum diketahui oleh orang luar. Jadi biarlah berakhir di situ. Sila...

#### ■1150

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Point of order.**

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengumuman. Tentu kita akan kemukakan usul untuk kaji semula keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, tetapi bolehkah kita beri jaminan bahawa masa akan diberikan supaya usul itu akan dibahas dan bukan sahaja di atas kertas urusan. Ia kekal begitu, tidak bererti. Tentu kita akan oleh sebab ini satu keputusan yang tidak— demi kepentingan negara khasnya apabila kita dianggap sebagai *global kleptocracy* diperintah oleh PPP (pencuri, perompak dan penyamun). Bagaimana kita boleh menjadi satu negara *kleptocracy* PPP! Semua PPP! Itu kita akan kaji. Boleh kita minta satu jaminan bahawa masa akan diberikan?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan saya. Saya hanya ingin tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua sudah melihat kertas klausa dalam kes DOJ. Tuan Yang di-Pertua *seen it?* If Tuan Yang di-Pertua *hasn't seen it*, saya tidak faham bagaimana satu keputusan boleh dibuat bahawa ia satu *sub judice*, maknanya ia melibatkan perkara yang sama. Kalau belum dilihat kertas klausa daripada tindakan tersebut, *I fikir this is a serious matter* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Puchong, saya faham dengan soalan Yang Berhormat. Seperti juga yang saya sebutkan Yang Berhormat, pada mereka yang telah mengemukakan soalan itu saya jawab secara bertulis. Kalau yang Yang Berhormat mahu tahu juga jawapan saya, tumpang kepada mereka untuk baca, barulah Yang Berhormat tahu apa tindakan saya dan alasan saya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua membuat pengumuman...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat setuju, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi persoalan dia. Tuan Yang di-Pertua *is making an announcement* di dalam Dewan yang mulia ini. So, kita sebagai Ahli Parlimen kita perlu tanya. Ini amat serius.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Duduk. Silakan duduk Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya buat pengumuman tadi jelas iaitu untuk mengelakkan lagi satu persepsi yang tidak baik terhadap Menteri kerana dia akan menjawab kepada soalan-soalan yang belum tiba masa untuk dijawab. Maka, terpaksa saya umum di sini iaitu Menteri tidak payahlah jawab oleh sebab saya teliti soalan tersebut. Kenapa bila Menteri jawab lagi, ada yang mengatakan bahawa Menteri *assumed the post* kepada Speaker.

Saya juga telah perjelaskan bahawa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan sedemikian, saya jawab secara bertulis supaya kita tidak menghabiskan masa. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berpuas hati dengan keputusan saya itu, baca Peraturan Mesyuarat 43. Jelas. Sila Setiausaha, beredar kepada urusan mesyuarat selanjutnya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order. Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, sabar Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara lain, perkara lain, perkara lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memaklumkan bahawa terdapat Ahli Yang Berhormat telah ditipu apabila membuat perolehan kereta tanpa cukai. Ini dilakukan oleh penjual kereta yang telah bertahun-tahun berada di kawasan Yang Berhormat. Okey, itu saya minta *auditor* membuat siasatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat! Duduk. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada peraturan mesyuarat, berdiri. *Point of order,* peraturan mesyuarat, sebut mana peraturan mesyuarat yang kita langgar. Jadi sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat melanggar peraturan mesyuarat. Bolehkah Yang Berhormat saya arahkan Yang Berhormat keluar kerana melanggar peraturan mesyuarat?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Saya pohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. Sila Setiausaha.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 21 Oktober 2016, jam 4.00 petang.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK PELABURAN INFRASTRUKTUR ASIA 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk menguatkuasakan suatu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Bank Pelaburan Infrastruktur Asia dan untuk membolehkan Kerajaan Malaysia menjadi anggotanya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH (KAEADAH-KAEADAH PEMULAAN TINDAKAN SIVIL) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi menangani Kaedah-kaedah Permulaan Dalam Tindakan Sivil yang belum selesai dan penyeragaman Kaedah-kaedah Permulaan Bagi Tindakan Sivil bagi penyemakan dan percetakan semula yang berbangkit bagi undang-undang bertulis yang berkenaan dan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL MENTERI BELIA DAN SUKAN DI BAWAH P.M. 27(3)**

**PENGHARGAAN KEPADA ATLET SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK MALAYSIA DI RIO 2016**

**11.59 pagi.**

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh takzim berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul;*

“Bahawa Dewan ini,

**Mengiktiraf** dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada keseluruhan kontingen Olimpik dan Paralimpik negara di Rio 2016 kerana mencapai prestasi terbaik Malaysia di kedua-dua temasya;

**■1200**

**Meraikan** detik kebersatuhan yang dicipta Kontinjen Olimpik dan Paralimpik Rio 2016 melalui kejayaan bersejarah yang dilakar khususnya oleh atlet-atlet yang membawa pulang pingat untuk Malaysia;

**Mempersetujui** keputusan kerajaan untuk memberi insentif kepada atlet biasa dan atlet kurang upaya yang telah memenangi pingat serta menyeru pihak swasta, media dan komuniti masyarakat untuk mengekalkan tahap sokongan kepada atlet-atlet Malaysia;

**Menyokong** segala usaha untuk mengekalkan momentum kejayaan Sukan Malaysia ke arah Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN di Kuala Lumpur 2017; dan

**Bahawa** dalam mengambil persetujuan di atas, Dewan ini menyeru agar semua pihak berkaitan memberikan sokongan tidak berbelah bahagi dalam menjayakan agenda nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan pembentangan usul saya ini, saya dengan penuh rasa bangga dan sukacita ingin memaklumkan bahawa sebahagian daripada wira-wirawati Olimpik dan Paralimpik serta kedua-dua *Chef de Mission* kita ke Rio 2016 ada bersama-sama dengan kita di Dewan Rakyat pada pagi ini di belakang sana. [Tepuk]  
Dengan izin saya perkenalkan:

- (i) Pandeleta Rinong;
- (ii) Azizulhasni Awang;
- (iii) Abdul Latif Romly;
- (iv) Muhammad Ziyad Zolkefli;
- (v) Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi;
- (vi) Siti Noor Radiah Ismail;
- (vii) Tan Sri Mohamed Al Amin Abdul Majid; dan
- (viii) Dr. Ang Kean Khoo.

Yang lain sedang berada di perantauan untuk menghadiri pertandingan dan menyampaikan salam takzim kepada Dewan yang mulia ini. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan Malaysia di Sukan Olimpik Rio 2016 merupakan penyertaan ke-15 negara di temasya Olimpik sejak kali pertama menyertainya di Melbourne 60 tahun yang lepas. Semenjak penyertaan pertama pada 1956, Malaysia tidak pernah gagal menghantar kontinjen untuk bertanding di temasya Olimpik kecuali semasa temasya Olimpik 1980 di Moscow. Untuk temasya Olimpik kali ini, kontinjen negara diwakili oleh seramai 32 orang atlet yang diketuai oleh Tan Sri Ir Haji Mohamed Al Amin Abdul Majid selaku *Chef de Mission*.

Setelah berjuang mengerah kudrat menumpah keringat selama 17 hari, kontinjen negara telah menamatkan persaingan di temasya Olimpik Rio dengan memungut empat pingat

perak, tiga melalui acara badminton dan satu melalui acara terjun dan satu pingat gangsa melalui acara basikal trek. Kejayaan meraih empat pingat perak dan satu pingat gangsa ini melakar sejarah sebagai pencapaian terbaik negara dalam penyertaan Malaysia dalam Sukan Olimpik dengan izin, *the best ever Olympic game for Malaysia*, Tuan Yang di-Pertua.

Pasukan badminton utuh sebagai pertaruhan utama pingat negara di temasya sukan terbesar dunia ini apabila terus gemilang menyumbang tiga pingat perak untuk negara melalui acara beregu campuran, beregu lelaki dan juga perseorangan lelaki. Pasukan badminton Malaysia beregu campuran dan juga beregu lelaki terutamanya mencatatkan beberapa keputusan yang mengejutkan, menumbangkan jaguh-jaguh yang jauh lebih gah di atas kertas sebelum melangkah ke peringkat akhir.

Buat pertama kalinya beregu campuran kita layak ke peringkat akhir dan memenangi pingat perak di Sukan Olimpik. Ramai yang tidak menyangka gandingan Goh Liu Ying dan Chan Peng Soon yang berada di kedudukan 79 dunia ini setahun yang lalu dengan Liu Ying hampir terpaksa menamatkan kerjaya sukannya dek kecederaan lutut yang menuntut pembedahan berganda mampu membawa pulang pingat perak untuk negara. Kejayaan mereka sesungguhnya amat berharga kerana turut memberikan harapan bahawa kebergantungan kita kepada pemain perseorangan dan juga lelaki dapat dikurangkan selepas ini.

Gandingan beregu lelaki Tan Wee Kiong dan Goh V Shem pula benar-benar sudah berada di ambang kejayaan untuk mencipta sejarah memenangi pingat emas pertama negara di Olimpik. Wee Kiong dan V Shem jelas membuktikan bahawa melangkah ke gelanggang Olimpik dengan kedudukan sebagai beregu ke-12 dunia bukanlah satu fakta yang menggentarkan semangat tetapi adalah semarak yang membakar iltizam perjuangan mereka. Pingat perak yang mereka menangi melenyapkan kemarau pencarian beregu lelaki yang mampu membawa pulang pingat untuk negara di Sukan Olimpik sejak temasya Atlanta pada tahun 1996.

Bagi acara perseorangan lelaki pula, pertemuan Datuk Lee Chong Wei bersama seteru tradisinya Lin Dan di peringkat separuh akhir menggusarkan hati setiap rakyat Malaysia. Sebagaimana diduga pertarungan separuh akhir tersebut cukup epik sehingga apabila mata terakhir perlawanan berpihak kepada Chong Wei keghairahan yang diraikan oleh setiap rakyat Malaysia adalah seakan pingat emas sudah kita menangi. Justeru walaupun beliau belum berjaya mencapai impian pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik, di hati dan di jiwa setiap daripada kita beliau adalah juara.

Gandingan mantap senada seirama Cheong Jun Hoong dan Pandelela Rinong dalam acara terjun 10 meter platform seirama wanita telah membubahkan hasil apabila berjaya memenangi pingat perak. Pencapaian ini sekali gus memperbaiki pencapaian pasukan terjun di temasya London 2012 apabila Pandelela Rinong memenangi pingat gangsa dalam acara 10

meter platform individu wanita. Kejayaan yang dicipta oleh Jun Hoong dan Pandeleta sesungguhnya membuka mata kuasa-kuasa besar dalam acara terjun selama ini seperti Negara China akan kebangkitan dan kemampuan Malaysia untuk mengugat kedudukan mereka pada masa-masa akan datang.

Sukan berbasikal muncul sebagai penyumbang pingat terbaru untuk negara di temasya sukan tertinggi dunia ini. Azizulhasni Awang menepati ramalan untuk membawa pulang pingat daripada edisi Olimpik kali ini. Beliau benar-benar membuktikan bahawa di sebalik tubuh kecilnya itu terlindung jiwa yang amat besar dan keazamannya begitu membara yang memberikan beliau kekuatan untuk mendepani apa jua cabaran yang melanda. Dalam perlumbaan acara keirin yang begitu dramatik sekali, beliau telah menghadiahkan pingat gangsa untuk Malaysia sekali gus memperbaiki pencapaian beliau dalam dua Olimpik yang terdahulu. Setelah Malaysia sekian lama mengambil bahagian dalam acara basikal di Sukan Olimpik semenjak tahun 1964, kejayaan Azizul telah menamatkan penantian penggiat sukan basikal negara kali ini di Rio 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Sukan Paralimpik adalah sebuah temasya sukan antarabangsa yang melibatkan atlet-atlet yang mengalami pelbagai jenis kekurangan upaya fizikal mahupun dari segi mental. Penyertaan negara dalam Sukan Paralimpik Rio 2016 ini merupakan penyertaan ke-8 Malaysia semenjak kali pertama menyertainya di Seoul pada tahun 1988. Sukan *power lifting* merupakan penyumbang pingat utama pertama negara semenjak Sukan Paralimpik Seoul 1988, Barcelona 1992 dan Beijing 2008. Sukan Paralimpik London 2012 membuka lembaran baru kepada Kontinjen Paralimpik Negara apabila sukan memanah pula menyumbang pingat untuk Malaysia. Satu pingat perak melalui Hasihin Sanawi melalui acara *recurve* lelaki dan satu gangsa melalui Muhammad Ziyad Zolkefli dalam acara melontar peluru lelaki T20 menyamai prestasi Mohamad Khasseri Othman dalam acara lompat tinggi B2 pada Sukan Paralimpik Barcelona 1992.

Setelah keghairahan dan kegirangan rakyat Malaysia dalam meraikan kejayaan cemerlang kontinjen Olimpik negara seakan reda, Kontinjen Paralimpik Malaysia yang diketuai oleh Dr. Ang Kean Khoo sebagai *Chef de Mission* berangkat ke Rio bagi memulakan perjuangan mereka. Walaupun keterujaan mereka mulai reda, di hati sanubari rakyat Malaysia tersemat doa dan harapan yang amat besar, dibahu atlet Paralimpik disandarkan hasrat dan cita-cita agar mereka mencipta keajaiban membawa pulang pingat emas pertama buat Malaysia di pentas dunia itu.

*Alhamdulillah*, harapan seluas lautan dan setinggi gunung yang disandarkan kepada atlet-atlet Paralimpik Negara tidak sekali-kali dihamparkan. Perjuangan dalam keperitan 12 hari berhempas pulas mencekalkan hati membulatkan tekad Kontinjen Paralimpik Negara akhirnya

menamatkan persaingan di temasya Sukan Paralimpik Rio dengan pencapaian yang amat luar biasa menghadiahkan tiga pingat emas dan satu pingat gangsa. [Tepuk]

#### ■1210

Kesemuanya diperolehi dalam acara olahraga. Kontinen Paralimpik negara mengulangi kejayaan berulang yang dicapai dan dicipta oleh rakan-rakan atlet Olimpik untuk menghadiahkan pencapaian terbaik dalam sejarah penyertaan negara di sukan Paralimpik, namun dengan lebih bergaya. Mereka bukan sahaja menamatkan kemarau pingat emas yang begitu didambakan oleh setiap rakyat Malaysia tetapi mereka telah menghadiahkan hujan emas buat kita semua. Apa yang lebih menggembirakan lagi adalah kesemua tiga buah pingat emas ini telah berjaya kita rangkul dalam masa satu hari. Tarikh 11 September 2016 adalah satu tarikh keramat yang akan terpahat kukuh di benak minda dan sanubari setiap rakyat Malaysia.

Tarikh keramat di mana tiga orang anak Malaysia menggegar bumi Rio dengan pencapaian luar biasa mereka. Acara olahraga pastinya menjadi acara amat luar biasa yang telah menjadi penyumbang keajaiban yang berlaku di Paralimpik Rio dan keajaiban acara olahraga buat kontinen Malaysia pasti ditunjangi oleh empat orang anak muda luar biasa ini. Muhammad Ziyad Zolkefli, anak muda yang dulunya menjual kuetiau goreng untuk menyara keluarga sebelum menyertai Majlis Sukan Negara telah membuktikan beliau adalah Badang Negara yang juga gagah di hati dan jiwa. Pingat emas yang dimenangi Ziyad menjadi lebih bermakna apabila beliau memecahkan rekod dunia sebanyak dua kali dan kini beliau memegang rekod tersebut dengan jarak lontaran sejauh 16.84 meter. [Tepuk]

Abdul Latif Romly, siapa sangka anak muda yang baru berusia 19 tahun ini akan mampu terbang tinggi dan melungsur jauh ke hadapan, menggenggam satu lagi emas buat negara. '*Terbang Latif, Terbang*' merupakan kata-kata semangat yang dititipkan bersama doa oleh semua rakyat Malaysia yang tersebar luas di media sosial. Anak muda yang mungkin pemalu dan sering tersenyum ini sesungguhnya menggemparkan apabila tiga kali memecahkan rekod dunia dan kini memegang rekod tersebut dengan lompatan sejauh 7.60 meter, hanya 28 sentimeter kurang daripada rekod lompat jauh kebangsaan.

Saya akan memberikan sepenuh sokongan dan galakan untuk Latif bertanding di kejohanan sukan yang melibatkan atlet-atlet biasa kerana atlet-atlet Paralimpik itu sebenarnya adalah setanding dengan mereka. Buktinya Latif juga sebelum ini telah memenangi pingat emas di Sukan Malaysia Sarawak yang lepas, mengalahkan semua atlet biasa dalam kategori yang sama.

Mohammad Rizwan Muhammad Puzi. Siapa yang dapat melupakan anak muda yang begitu periang dan ceria dengan personaliti yang penuh warna ini dan tidak pernah sekali-kali membiarkan *celebral palsy* yang sudah berpuluh-puluh tahun membelenggu diri terus-terusan menjadi dinding penghalang untuk beliau. Walaupun bertubuh kecil, namun Rizwan telah

mengaum garang bak harimau di balapan. Oleh kerana beliaulah, Negaraku buat kali pertama dalam sejarah berkumandang di pentas Paralimpik. Larian kencang beliau telah memadamkan rekod Paralimpik bagi acara 100 meter lelaki T36 dengan catatan masa 12.07 saat. [Tepuk]

Siti Noor Radiah Ismail yang turun ke gelanggang besar Paralimpik buat kali pertama tanpa sebarang harapan pingat disandarkan kepadanya. Namun, beliau melompat membela angin demi membuktikan bahawa atlet wanita juga tidak pernah mengecewakan, bahkan sama membanggakan. Tidak sah rasanya pencapaian pingat gangsa yang dikecap oleh Radiah jika tidak disertai dengan penciptaan rekod baru. Lompatan terbaik beliau yang telah turut membawa pingat gangsa untuk Malaysia telah memecahkan rekod Asia bagi kategori wanita T20. Kontinjen Paralimpik negara ke Rio secara keseluruhannya juga telah memadamkan dua rekod dunia, tiga rekod Paralimpik dan lima rekod Asia sepanjang edisi Paralimpik Rio 2016. Syabas dan tahniah kepada mereka. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, skim hadiah kemenangan sukan atau pun SHAKAM, Majlis Sukan Negara (MSN) telah diwujudkan pada tahun 1986 bagi memberikan dorongan kepada para atlet, jurulatih dan persatuan sukan kebangsaan untuk meningkatkan prestasi masing-masing di peringkat antarabangsa, khususnya di peringkat temasya suka Olimpik, Paralimpik, Komanwel, Asia, Para Asia, Sukan SEA dan sukan Para ASEAN serta kejohanan-kejohanan individu peringkat dunia, Komanwel dan Asia. Untuk para pemenang pingat Olimpik dan Paralimpik Rio 2016, majlis penyampaian Skim Hadiah Kemenangan Sukan untuk mereka telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Oktober yang baru berlalu.

Di majlis tersebut, sejumlah RM7,640,000 disampaikan kepada wira-wirawati negara yang telah menjulang nama negara di pentas Olimpik dan Paralimpik Rio tersebut. Pada malam itu juga, ketiga pemenang pingat emas kita di Paralimpik Rio diberikan insentif tambahan. Ziyad dan Latif kerana telah memecahkan rekod dunia, sementara Rizwan pula telah memecahkan rekod kejohanan. Majlis pada malam tersebut juga turut menjadi saksi bagaimana atlet-atlet Paralimpik kita diberikan insentif dan penghargaan yang sama seperti atlet-atlet yang lain. Perkara ini bukanlah sesuatu yang baru kerana kita telah pun memberikan pengiktirafan dan insentif yang sama kepada atlet-atlet kelainan upaya sama seperti atlet-atlet biasa.

Dasar ini telah pun diinstitusikan sejak tiga tahun yang lalu kerana kita percaya bahawa atlet-atlet kelainan upaya ini juga meletakkan komitmen, kegigihan dan pengorbanan yang sama seperti atlet-atlet biasa yang lain untuk berjaya, jika tidak, lebih lagi. Malaysia juga merupakan salah satu daripada sebahagian kecil negara di dunia yang memberikan pengiktirafan yang sama rata kepada atlet-atlet kelainan upaya kita. Ini kerana kita juga percaya bahawa antara kayu ukur yang menentukan maju minda ketamadunan sesebuah bangsa dan negara itu adalah juga bagaimana ia melihat, menjaga dan mengiktiraf golongan istimewa daripada kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira apa perbezaan yang ada.

Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menyambut kepulangan mereka di Kompleks Bunga Raya, KLIA pada 22 September lalu, komitmen, kegigihan dan pengorbanan yang diberikan oleh atlet-atlet Paralimpik kita sehingga membawa kepada kejayaan yang mereka hadiahkan di Rio sesungguhnya adalah inspirasi dan pembakar semangat yang jitu kepada semua rakyat Malaysia.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah Skim Galakan Jurulatih, setiap jurulatih yang membantu atlet meraih pingat turut menerima 30% daripada nilai insentif SHAKAM. Ini merupakan 10% tambahan insentif daripada dahulu. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jurulatih yang telah menjadi inspirasi kepada para atlet kita. *[Tepuk]* Selain insentif daripada pihak kerajaan, para atlet ini juga telah menerima pelbagai hadiah dan insentif daripada pelbagai pihak swasta dalam bermacam bentuk seperti kenderaan, rumah serta wang tunai. Tuan Yang di-Pertua, episod Rio telah berlalu. Ia merupakan satu episod yang penuh keajaiban yang tidak akan dapat kita lupakan sampai bila-bila.

Dengan pencapaian yang sebegini gemilang, baik untuk sukan Olimpik maupun Paralimpik, cabaran yang sangat besar menanti kita semua, terutamanya Kementerian Belia dan Sukan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan semua pemegang taruh industri sukan negara yang lain, namun kita tiada pilihan lain. Sebagai Menteri, saya juga tiada pilihan selain daripada menyahut cabaran ini dan melakukan apa juar yang perlu agar Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 akan menjadi lebih gemilang dari Rio 2016.

Ini bukan tanggungjawab yang mudah. Banyak yang perlu kita perkemas dan perkukuhkan bagi menyediakan diri untuk Tokyo 2020. Dalam konteks ini, empat tahun saya rasa begitu singkat sekali. Pejam celik, pejam celik Tokyo 2020 sudah di hadapan mata. Namun, saya optimistik bahawa kita akan mampu untuk mencatat pencapaian yang lebih baik di Tokyo 2020 sekiranya sokongan yang jitu diberikan dalam segenap aspek dalam usaha pembangunan sukan dan atlet.

Walaupun tinggal empat tahun sahaja lagi, saya percaya bahawa kita mempunyai asas yang kukuh dalam aspek ini, terutama atlet-atlet Rio 2016 yang masih mampu bersaing dan memberikan cabaran yang lebih hebat di Tokyo empat tahun yang akan datang kelak.

## ■1220

Namun, kejayaan nama-nama besar di bidang sukan dunia adalah kerana usaha pembangunan sukan dan atlet mereka yang mapan dan berterusan. Justeru, jika kita serius dan komited untuk memperkasakan pencapaian sukan negara di pentas dunia serta untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan, kontinjen Malaysia ke Tokyo 2020 perlu bersulam kukuh dengan atlet-atlet pelapis. Kebanyakan atlet pelapis ini telah pun dikenal pasti dan akan mula mencuri tumpuan dalam Sukan SEA dan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017, Sukan Asia dan Para Asia 2018 dan Sukan Komanwel 2018.

Untuk mereka yang bertanya sama ada kita mempunyai atlet pelapis bagi mengantikan wira dan wirawati sedia ada, jawapan saya tanpa ragu ialah ada. Mereka sedang dilatih dan dibentuk dengan sebaik mungkin dan akan melangkah keluar dari bayangan wira dan wirawati negara hari ini menjelang Olimpik dan Paralimpik yang akan datang. Sudah tiba masanya juga untuk kita melihat kepada sukan-sukan yang sebelum ini tidak pernah merasai kegemilangan Olimpik.

Sebagai contoh, Tokyo bakal memperkenalkan beberapa sukan baru termasuk sukan karate. Karate merupakan antara satu sukan di mana kita mempunyai potensi yang amat besar untuk menempa nama di peringkat tertinggi. Analisa strategik dan terperinci akan dilaksanakan ke atas semua sukan di mana kita berpotensi untuk memenangi pingat.

Jika kita intai strategi jiran kita, negara Thailand, beberapa tahun yang lepas, negara Thailand telah memutuskan untuk memberikan fokus kepada sukan angkat berat wanita kerana memang sukan tersebut yang memberikan klasifikasi mengikut berat badan dan memberikan peluang sama rata kepada negara dengan atlet bertubuh kecil. Lihat sahajalah kini hasilnya, kedua-dua emas mereka— Thailand— di Rio adalah hasil sumbangan acara angkat berat wanita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan usaha pembangunan sukan dan atlet sedia ada dapat diteruskan dengan momentum yang sama, jika tidak dengan lebih lagi, adalah amat penting untuk kita memastikan agar Program Podium diberikan peruntukan sebagaimana diperlukan.

Program Transformasi Sukan Negara yang dilancarkan pada Februari 2015 pula mendukung matlamat untuk merancang kesinambungan kejayaan sukan negara di peringkat antarabangsa dengan melaksanakan model pembangunan baru sukan negara serta penstrukturkan semula Program Latihan Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara (ISN).

Atlet-atlet terbaik di kalangan yang terbaik akan menumpukan latihan untuk memenangi pingat emas di temasya Komanwel, Asia dan Olimpik melalui Program Podium yang dikendalikan oleh ISN. MSN pula akan bertanggungjawab dalam mencungkil, mengasah dan membentuk bakat-bakat sukan di seluruh negara khususnya kepada 19 jenis sukan teras bagi menghasilkan lebih ramai atlet baru yang akan menumpukan usaha mereka ke arah mencipta kejayaan di peringkat Asia Tenggara melalui Sukan SEA.

Walaupun kesan Program Podium terlalu awal untuk dirasakan keberkesanannya sepenuhnya di Rio, sistem sokongan program ini melalui perkhidmatan seperti psikologi, fisioterapi, nutrisi dan analisa video telah banyak membantu terhasilnya pencapaian cemerlang di Rio. Saya yakin impak sebenar program ini akan dapat kita lihat di Sukan Asia dan Para Asia juga Sukan Komanwel 2018 jika sokongan dan bantuan yang sewajarnya akan terus disalurkan kepada program ini.

Persatuan-persatuan sukan juga perlu dilibat sama dalam segala usaha dan inisiatif ke arah kecemerlangan sukan negara berbanding pembangunan sukan yang hanya tertumpu di peringkat MSN ataupun kerajaan sahaja. Persatuan sukan perlu diberikan peranan yang lebih besar dan diperkasa tetapi hanya jika mereka ditadbir urus dengan baik dan mempunyai pelan strategi jangka panjang yang jelas dan pragmatik untuk membangunkan sukan masing-masing. Penambahbaikan ini telah bermula dengan usaha-usaha pemerkasaan persatuan-persatuan sukan dalam menuju ke Sukan SEA 2017 di bawah Program Kita Juara.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan adalah kunci kejayaan sukan berprestasi tinggi. Jika dilaksanakan dengan betul, program pembangunan sukan dapat membina tapak bakat yang luas sebelum kita mengenal pasti bakat-bakat yang boleh diasah untuk menjadi jaguh sukan bertaraf antarabangsa. Inilah rasional pelaburan yang kita laksanakan dalam pembangunan sukan pilihan antaranya Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara, Junior Cycling Malaysia serta sukan renang dan olahraga dalam aspek sukan prestasi tinggi.

Strategi Lautan Biru dalam pendekatan pembangunan sukan memerlukan penyelarasian yang cekap dan berkesan khususnya dalam aspek pembangunan atlet di peringkat akar umbi yang melibatkan pembangunan sukan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Begitu juga penyertaan massa ataupun *mass participation*, dengan izin, dalam sukan seperti Program FitMalaysia dan Hari Sukan Negara untuk menggalakkan orang ramai bersukan dan menjadikan sukan sebagai sebahagian daripada budaya hidup dan juga gaya hidup kita.

Dengan meluaskan tapak penyertaan dan membina ekosistem sukan yang lebih kondusif, kita dapat memastikan masa depan sukan berprestasi tinggi kita cerah. Semua ini kita gagaskan kerana inilah yang akan menjadi tunjang kepada hasrat kita untuk menjadi sebuah negara bersukan ataupun *sporting nation*, dengan izin, di mana sukan sebahagian daripada budaya dan gaya hidup sejak dari kecil sehingga ke usia lanjut di mana sukan dilihat sebagai sebuah industri dan kerjaya dan tidak hanya dipandang sebagai aktiviti rekreasi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan pembentangan usul saya ini, seperkara lagi yang saya ingin tegaskan adalah pentingnya kesinambungan. Kapal yang sedang kita layarkan tidak boleh bertukar haluan hanya kerana pertukaran nakhoda. Jika haluan diubah setiap kali nakhoda baru dilantik, kita hanya akan berpusing-pusing di tempat yang sama dan tidak ke mana-mana. Setiap idea dan perancangan yang baik perlu dilaksanakan sehingga ke akhirnya tidak kira siapa pun di tumpuk kepimpinan kerana jaguh tidak dilahirkan dalam semalam semata-mata.

Semasa saya di Rio, saya terfikir bahawa kejayaan yang dicipta oleh para atlet kita hari ini pastinya bertitik tolak daripada apa yang digagaskan oleh menteri sebelum saya. Justeru, sekembali saya dari sana, dari Rio, saya merasa amat perlu terutamanya di Dewan yang mulia ini, untuk saya memberikan pengiktirafan dan penghormatan kepada mantan Menteri Belia dan

Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Ahli Parlimen daripada Kemaman yang telah pun menggarap pelbagai strategi, perancangan dan gerak kerja selepas London 2012. Biar pasukan dan pemimpin bersilih ganti, namun idea dan perancangan yang baik harus diterus dan diperkuuhkan dan bukan dikorbankan kerana selera peribadi.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak seluruh rakyat Malaysia untuk menzahirkan rasa setinggi-tinggi penghargaan dan terhutang budi kami kepada semua atlet yang telah mengharumkan nama negara di Sukan Olimpik dan Paralimpik 2016. Semangat, komitmen dan pengorbanan yang telah anda sumbangkan untuk tanah air, untuk pertiwi ini tiada nilai dan galang gantinya. Terima kasih kerana telah memberikan Olimpik dan Paralimpik yang terbaik buat Malaysia. Terima kasih kerana telah menyatupadukan rakyat Malaysia tanpa mengenal sempadan dan beza. Terima kasih kerana telah mengembalikan harapan setiap dari rakyat Malaysia bahawa Malaysia mampu untuk melangkah jauh, bahawa kita mampu untuk menjadi yang terbaik dan terima kasih kerana menjadi rakyat Malaysia yang amat-amat luar biasa. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Baiklah Yang Berhormat, saya menerima notis ramai yang ingin berucap, membahaskan usul Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Namun begitu, kita ada setengah jam sahaja, 30 minit sebelum tamat waktu untuk kita makan tengah hari dan jam 2.30 petang Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan akan menjawab. Bermakna kita ada 30 minit untuk berbahas. Oleh itu, saya terpaksa membenarkan dua daripada Barisan Nasional dan dua daripada pembangkang. Jadi sila Yang Berhormat Kinabatangan. Tujuh minit satu orang.

**Seorang Ahli:** Tujuh minit baru mukadimah sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau singkat lagi bagus.

## 12.29 tgh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya bagi pihak rakan-rakan lain memang turut mengalu-alukan usul daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan kejayaan demi kejayaan yang dilakar oleh para atlet kita sama ada di Sukan Olimpik ataupun

Paralimpik yang berlalu yang mana Malaysia telah mencipta sejarah dengan mendapat tiga pingat emas di Paralimpik dan empat perak dan gangsa di Sukan Olimpik.

■1230

Walaupun sebetulnya pada Sukan Olimpik yang lalu, rakyat Malaysia begitu dahagakan pingat emas, seharusnya yang kita rasa boleh dicapai oleh para atlet kita melalui sukan badminton iaitu *single*, *double* dan juga beregu campuran. Akan tetapi semuanya itu tidak kesampaian. Kita terkandas di peringkat akhir dan kita harus menerima hakikat dan pada ketika itu rakyat Malaysia memang begitu kecewa termasuk diri saya. Saya melihat secara langsung dan kita merasa seolah-olah kita sudah tidak ada harapan. Akan tetapi dalam keadaan kita, apa ini— kekecewaan itu maka timbul satu semangat baharu, suntikan baharu atlet Paralimpik kita telah mencipta sejarah yang tanpa diduga dan saya pun mungkin— bukan saya— cuma ingin mengatakan mungkin di kalangan— di peringkat kementerian pun tidak ada yang menjangkakan bahawa atlet Sukan Paralimpik kita telah begitu baik mengharumkan nama negara.

Pada saya, di sinilah yang membuat Tuan Yang di-Pertua, kita harus melihat bahawa sukan ini di Malaysia ini, kalaulah Paralimpik itu berada di Amerika, di United Kingdom, di Eropah mereka bukan sahaja menerima imbuhan seumpama itu mungkin mereka telah menjadi jutawan dan jutawan sebab di negara-negara yang saya sebut tadi mereka mengutamakan kualiti daripada prestasi dan sebagainya.

Akan tetapi di negara kita ini kerajaan sahaja yang menghargai di sebaliknya yang swasta ini adalah tidak dapat dinafikan. Oleh sebab itu pada saya sudah tiba masanya kementerian harus melihat bahawa pencapaian sesuatu kejayaan itu memang boleh dicipta tetapi bagaimana untuk *sustain*, untuk mengekalkan pencapaian itu? Olimpik Tokyo tidak lama lagi 2020, ketika itu juga negara kita akan bertukar menjadi negara maju. Sudah seharusnya apabila negara maju bermakna kita harus mengeluarkan atlet yang juga berkemajuan tinggi, berkelajuan tinggi yang boleh bersaing sama tinggi, berlari sama dengan atlet negara-negara luar. Jadi oleh sebab itu di sinilah kementerian harus memainkan peranan, meminta supaya kesatuan-kesatuan sukan supaya memberhentikan permainan politik dalam kesatuan sukan itu sendiri. Biarlah politik ini dimainkan oleh orang politik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong bangun ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan. Saya setuju dengan apa Yang Berhormat Kinabatangan sebut. Sukan menyatukan rakyat. Ziyad dan rakan-rakan mengalirkan air mata rakyat, menggembirakan rakyat, maknanya sukan menyatukan rakyat. Lupakan seketika soal politik kerana sukan. Tahniah Yang Berhormat Menteri, tahniah kerajaan, tahniah semua

anggota kementerian kerana telah menggembirakan hati rakyat walaupun kita mengimpikan emas tetapi sebenarnya kejayaan yang mereka cipta cukup membanggakan kita.

Soalnya Yang Berhormat Kinabatangan, kementerian merancang begitu baik sekali. Sudah tentu untuk menjayakannya tidak boleh kita letakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada kementerian. Semua perlu bertanggungjawab, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, rakyat, NGO mesti bertanggungjawab mengarah ke satu hala sebab itu soalnya Yang Berhormat Kinabatangan, bagaimana kita mahu menggerakkan seluruh rakyat meletakkan matlamat yang satu kerana sukan ini boleh menyatukan kita. Boleh memberi kegembiraan kepada kita. Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan? Kita tak mahulah dengar soal politik dalam sukan, tidak mahu dengar lagi. Kita mahu emas kerana ia boleh kita lakukan sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan ada tinggal satu minit lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Eh? [Ketawa] Macam baru dua minit sahaja. Yang Berhormat Lenggong, *very simple*. Kita tengok ini Yang Berhormat Ketereh bagaimana dia bawa Persatuan Bola Sepak Kelantan itu. Dia ini orang UMNO tetapi sampai di bola, dia *independent* dan seluruh rakyat Kelantan, UMNO kah PAS kah boleh tonton bola bersama, boleh berpeluk-peluk...

**Seorang Ahli:** Sokong dia.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Jadi, inilah yang seharusnya dijadikan panduan oleh kesatuan-kesatuan sukan di seluruh negara. Ini saya dengar sana, dengar sini macam-macam. Jadi kalau kesatuan sukan main politik, inilah yang menghancurkan masa depan negara kita. Kalau boleh saya mahu minta kerajaan, Menteri diberi kuasa penuh untuk melihat mana-mana kesatuan sukan yang apa ini mengamalkan politik macam-macam ini, pecat dia dan ganti dia dengan orang yang boleh memimpin sukan negara. Ya, saya mahu berhujah lagi tetapi apa mahu buat kita patuh lah kita bagi peluang orang lain. Cuma saya ingin mengucapkan juga tahniah kepada rakan saya Tan Sri Al-Amin Abdul Majid, dia juga selaku Ketua Kontinjen Olimpik negara kita, dia pun kecewa macam saya, dia pun mahu emas tetapi tidak boleh.

Jadi, tidak apalah yang penting dia telah menjalankan kewajipan dia, tugas dia dan tahniah juga kepada kementerian, kepada Menteri sebab berjaya menggerakkan sukan negara kita. Mudah-mudahan Olimpik di Tokyo ini kita akan mendapat lebih emas lagi sebab Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada empat perak kalau ikut dalam kertas itu, kita jauh tinggal dengan Singapura, dia satu emas sahaja tetapi dia ada nombor kita di belakang. Jadi itulah empat perak kita itu tidak melambangkan yang kita itu berada di *ranking* yang baik. Di dalam Olimpik ini, dia kira emas siapa yang dapat walaupun kita 20 perak tidak ada emas, kita di

belakang juga. Jadi ini dia punya faktor yang menyebabkan kita kecewa sedikit. Kalau kita ada emas ketika itu, kita jauh ke hadapan daripada negara-negara yang lebih maju daripada kita.

Sekian, saya menyokong usaha yang dilaksanakan oleh kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Permatang Pauh. Juga tujuh minit.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memanglah hendak menyokong usul ini. Usaha yang baik wajar disokong dan segala usaha yang hendak dilakukan dan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan keupayaan negara melahirkan atlet yang mampu merangkul pingat emas pertama Sukan Olimpik khasnya daripada Sukan Olimpik Tokyo 2020. Akan tetapi tidak dinafikan mestilah seperti mana Menteri telah bentangkan, lebih-lebih lagi dengan pelaksanaannya ada perlu satu agenda nasional untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersukan. Namun sukan ini bukanlah sekali lagi sekadar sukan dalam erti kata mengambil bahagian dalam pertandingan dan merebut kejuaraan sahaja tetapi sukan juga sebuah industri dan sukan juga berhajatkan pengurusan, pentadbiran, perancangan, peruntukan dan integriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan integriti kerana apabila saya turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kontinen Olimpik dan Paralimpik negara di Rio 2016 ini pencapaian yang sara rasa bangga dan seperti mana yang Yang Berhormat Lenggong katakan memang mengalir air mata merasakan bagaimana kita rasa bangga, gembira dan bercampur baur rasa mereka ini yang Paralimpik lah yang kita nampak macam tidak diberikan tumpuan tetapi merekalah yang mengharumkan nama negara. *[Tepuk]* Dan apabila saya melihat mereka menyanyikan lagu Negaraku dengan segala keterbatasan dan mereka kelainan upaya memang menitis air mata.

Pencapaian prestasi terbaik Malaysia di kedua-dua temasya sukan ini sememangnya luar biasa seperti mana orangnya yang kelainan upaya ini. Ia dicapai dalam ketika mana peruntukan Kementerian Belia dan Sukan bagi Bajet 2016 iaitu RM931,834,200 berbanding dengan tahun 2015 iaitu RM949 juta kemudian diturunkan, dipotongkan sebanyak RM18 juta lebih kurang dan ketika mana pada Mac 2016 Tuan Yang di-Pertua dana sebanyak RM100 juta diselewengkan daripada kementerian.

## ■1240

Dalam suasana begitu pun Paralimpik kita memberikan kita satu kebanggaan. Ini adalah satu yang kita mesti memberikan tabik hormat kepada Paralimpik-Paralimpik yang telah menjayakan keinginan kita di mata dunia, di persada dunia di mana mengharumkan negara kita, tidak macam 1MDB. Jika ada...

**Seorang Ahli:** *Lailaha illallah.*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Jadi, justeru itu segala usaha meningkatkan lagi profesionalisme, keserumpunan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi kata sukan boleh membantu rakyat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yalah bantu bukan sahaja bantu...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini selit benda lain juga.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, tidak boleh cakap kah? Boleh lah cakap apa salahnya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini isu sukan masuk politik juga.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ini kenyataan. Justeru itu segala usaha meningkatkan profesionalisme kesukanan negara termasuk untuk usaha membanteras ketirisan, pembaziran dan penyelewengan mesti dilipatgandakan bermula daripada peringkat teratas sekali. Sekian, itulah saya menyokong usul ringkas ini. Terima kasih.  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Johor Bahru.

#### **12.41 tgh.**

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin juga turut menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Belia dan Sukan. Saya juga rasa memangnya bahawa kalau kita benar-benar hendakkan menjadikan negara kita ini sebagai negara yang bersukan, kita, saya percaya yang satu kumpulan yang harus disebutkan dalam perbahasan kita sumbangan yang begitu besar yang datang daripada ibu bapa kepada atlet-atlet ini.

Kadang-kadang kita...[Tepuk] rasa bahawa kejayaan itu semasa ia detik dan ketikanya dicapai. Akan tetapi latar belakang ke arah pengorbanan latihan begitu hebat sekali terutama bukan sahaja kepada atlet yang berkenaan tetapi lebih kepada ibu bapa kepada mereka. Saya terbaca cerita bagaimana dalam bidang seorang atlet di India sampai ibu bapanya terpaksa berhijrah dan kembali balik ke negara India semata-mata untuk mendapatkan potensi yang sebenar bagi anak mereka yang juga cacat dan akhirnya anaknya berjaya dalam sukan yang dipilih.

Jadi sebab itu saya harap bahawa sambil kita melihat kepada pelbagai yang lain perhatian juga harus diberikan kepada ibu bapa kerana mereka merupakan *motivator* dengan izin yang terpenting. Saya juga ingin mengambil peluang pada hari ini untuk hendak minta tolong daripada menteri bahawa jika saya lihat kepada sejarah Olimpik dan Paralimpik

kadang-kadang keputusan dan pemerhatian itu diberikan kepada Olimpik dan Paralimpik sahaja. Sehinggakan pada tahun 2012 di Olimpik di London, Kerajaan British memberikan keutamaan hanya kepada *Olympians* dan *Paralympians*, dengan izin dan telah pula menolak tepi satu kumpulan golongan manusia yang juga mempunyai kecacatan iaitu golongan orang pekak.

Saya membawakan cerita orang pekak ini kerana saya ada kepentingan sebagai penaung kepada Persatuan Orang Pekak. Persatuan Orang Pekak, orang-orang pekak pun ada juga sukan mereka. Sukan mereka dinamakan sebagai SOPMA di peringkat Malaysia iaitu Sukan Orang Pekak Malaysia dan di peringkat antarabangsa ialah Deaflympics yang juga akan berlangsung pada tahun hadapan di negara Turki.

Bila kita tertumpu pada soal Olympics dan Paralympics yang menjadi kebimbangan saya ialah bahawa kita tidak lihat pula Deaflympics ini iaitu sukan untuk orang pekak yang sudah juga mempunyai tahap yang sama mendapat *signation* juga daripada pihak IOC. Jadi saya berharaplah bahawa pihak Kementerian Belia dan Sukan turut juga memberi perhatian kepada golongan atlet yang pekak kerana untuk orang pekak menyertai Paralimpik mereka mesti mempunyai satu lagi *disability* umpamanya pekak lepas itu ada *disable palsy* dan sebagainya.

Oleh sebab itu bagi pihak Persatuan Orang Pekak Malaysia saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan kita sudah mencapai kejayaan dalam Olimpik dan Paralimpik, tetapi kalau kita benar-benar hendakkan menjadi negara kita ini sebagai negara bersukan yang pertama yang saya sebutkan tadi perhatian harus diberikan juga kepada ibu bapa mereka. Kedua, harus juga meluaskan pemerhatian kepada golongan orang pekak yang juga turut mempunyai aras-aras mereka yang tertentu sama juga dengan Paralimpik iaitu di peringkat nasional seperti SOPMA, di peringkat antarabangsa sebagai ialah Deaflympics. Jadi saya mengaku...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Johor Bahru, boleh mencelah sedikit.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ya saya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru. Saya bangun untuk membuat satu cadangan dan minta pandangan daripada Yang Berhormat Johor baru. Yang Berhormat Johor Bahru tadi telah sebut dan saya setuju kita mesti menghormati atau mengiktiraf sumbangan daripada ibu bapa dan juga saya setuju golongan pekak juga perlu diberi perhatian. Saya setuju penuh dengan usul yang dicadangkan khususnya dengan bab

memberi insentif kepada atlet-atlet kita termasuk golongan yang telah membuat kejayaan hebat di Rio.

Pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian Dewan ini dan meminta pandangan daripada Yang Berhormat Johor Bahru kepada golongan satu atlet kita yang telah mengharumkan imej atau nama negara kita dulu juara-juara yang hebat tetapi sekarang adalah dalam keadaan yang sangat mencabar ataupun dalam keadaan yang menderita. Apakah kita patut buat untuk mereka? Oleh sebab macam mana kita layan mantan juara-juara kita dulu juga menjadi satu teladan atau satu signal kepada *the future champion* yang kita akan ada. Contoh saya bagi secara ringkas sahaja dua nama V. Subramaniam juara acara *big walk* lima gold, lima emas, empat perak dan sebagainya tetapi sekarang terpaksa mengendalikan satu *food stall* di Ampang untuk mendapat pendapatan sebab dia ada pencer yang tersangat kecil.

Kedua, Watson Yambek, *our best 100 meter champion* rekod masih ada tidak boleh diatasi tetapi baru di *declare* muflis empat bulan dulu sebab dia tak ada duit untuk menyelesaikan pinjaman yang dia ambil untuk selesaikan belanja *medical* untuk arwah ayah dia. So, ini kedua atlet kita yang sangat hebat. Ini contoh dua sahaja. Saya mungkin ada lebih ramai. Akan tetapi saya minta pandangan, apakah kita patut buat, patutkah kita juga bagi perhatian kepada juara-juara hebat ini dulu yang telah mengharumkan negara kita. Apakah pandangan bagi Yang Berhormat Johor Bahru?

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih, terima kasih. Saya hendak halakan soalan-soalan itu kepada Yang Berhormat Menteri pasal mungkin lebih daripada dua kes yang dia tahu. Akan tetapi berbalik semula kepada apa yang saya sebutkan tadi ialah soal ibu bapa, juga soal golongan orang pekak. Ini kerana dalam cerita ibu bapa dengan orang pekak ini Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun ada seorang rakan yang di Johor baru, dia hanya penjual burger. Hanya malangnya anaknya cedera dan tidak dapat menyertai dalam sukan Paralimpik yang terbaru. Jadi kalau— dan tetapi kegigihan ibu bapa itu dan semangat ibu bapa itu satu yang harus dikenang dan juga dihargai.

## ■1250

Saya hendak ambil kesempatan untuk hendak menyatakan bahawa seorang atlet Paralimpik Mohd. Saifuddin bin Ishak, dia menyertai dalam lompat jauh tetapi kerana kecederaan tidak dapat menyertai. Akan tetapi yang betul-betul signifikan, yang betul-betul menyentuh hati saya ialah komitmen seorang bapa yang hanya menjual burger menggalakkan anaknya menyertai bidang sukan. Sekian, saya menyokong. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**12.50 tgh.**

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Yang pertamanya saya bagi pihak rakan-rakan daripada parti DAP menyokong usul Menteri Belia dan Sukan ini untuk memberikan penghargaan dan merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada keseluruhan kontinjen Olimpik dan Paralimpik negara di Rio 2016 kerana telah mencapai prestasi terbaik untuk negara kita.

Saya sendiri juga ada mencadangkan usul seperti dalam Aturan 21 untuk merakamkan penghargaan kepada atlet-atlet tersebut. Namun begitu, kami sama-sama menyokong usul yang dibawa oleh Menteri ini. Saya rasa kita perlu mengiktiraf dan memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada atlet-atlet kita yang telah mengharumkan nama negara di Sukan Olimpik dan juga di Sukan Paralimpik. Saya rasa patutlah kita menamakan mereka setiap daripada atlet-atlet ini dalam Dewan yang mulia ini supaya nama mereka dirakamkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu:

- (i) Saudara *Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi* dalam acara 100 meter;
- (ii) Saudara *Muhammad Ziyad Zolkefli* dalam acara lontar peluru yang juga pemegang rekod dunia;
- (iii) Saudara *Abdul Latif Romly* dalam acara lompat jauh yang juga pemegang rekod dunia; dan
- (iv) Saudari *Siti Noor Radiah Ismail* yang memenangi pingat gangsa dalam acara lompat jauh dalam Sukan Paralimpik. *[Tepuk]*

Kita juga tidak lupa kepada atlet-atlet kita walaupun tidak memenangi pingat emas di Sukan Olimpik tetapi atlet-atlet tersebut juga mengharumkan nama negara terutamanya Dato' Lee Chong Wei yang merupakan atlet legenda kerana telah tiga kali berturut-turut dalam Sukan Olimpik memenangi tiga pingat perak untuk negara kita. Selain daripada Dato' Lee Chong Wei, beregu lelaki kita, Goh V Shem dan juga Tan Wee Kiong, beregu campuran, Chan Peng Soon dan juga Goh Liu Ying, dan juga pemenang pingat Perak dalam acara terjun, Pandelela Rinong dan juga Saudari Cheong Jun Hoong dan Saudara Azizulhasni Awang dalam acara berbasikal yang memenangi pingat gangsa. Nama-nama atlet ini saya rasa adalah wira-wira dan juga wirawati negara kita.

Sukan merupakan satu alat perpaduan dalam negara kita kerana saya rasa sukan ini telah membuktikan bahawa ia boleh menjangkaui perbezaan politik dan menyatupadukan rakyat Malaysia. Kita nampak setiap atlet yang memenangi pingat itu yang bertanding dalam Sukan Olimpik mahupun dalam Paralimpik, tidak kiralah apakah latar belakang kaum mereka, tak kira apakah warna kulit mereka tetapi mereka adalah pemegang Jalur Gemilang dan ini amat membanggakan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dalam kejayaan-kejayaan mereka.

Saya juga menyokong dan juga bersetuju dengan insentif ataupun dasar kerajaan dan dasar Kementerian Belia dan Sukan untuk memberikan insentif yang sama rata kepada atlet biasa dan atlet kurang upaya kerana saya rasa ini adalah satu dasar yang amat tepat sekali kerana kita tidak boleh mendiskriminasikan atlet-atlet dalam Sukan Paralimpik dan kita memberikan layanan yang sama, memberikan insentif yang sama dan saya yakin ini akan memberikan satu dorongan yang begitu besar kepada atlet-atlet dalam Sukan Paralimpik juga.

Namun, saya selain daripada bersetuju dan juga menyokong penuh insentif yang diberikan kepada pemenang-pemenang pingat dalam Sukan Paralimpik dan juga insentif khas kepada pemegang rekod dunia yang saya juga ada cadangkan dalam satu kenyataan saya. Saya juga ingin menyeru kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan khususnya kepada Menteri Belia yang telah memperjuangkan nasib untuk atlet-atlet Sukan Paralimpik ini supaya melihat semula kepada atlet-atlet yang memenangi pingat di Sukan Paralimpik sebelum ini kerana dalam Sukan Paralimpik, ini bukan kali pertama kita memenangi pingat. Kita telah memenangi pingat yang pertama pada Temasya Paralimpik 1988. Kita memenangi satu pingat gangsa melalui Saudara Perumal Mariappan.

Tahun 1992, kita memenangi satu perak, dua gangsa. Tahun 2008, kita memenangi satu pingat gangsa, tahun 2012 kita menang satu perak dan satu gangsa. Kesemuanya kita ada lima atlet sebelum ini yang telah memenangi pingat di Sukan Paralimpik. Akan tetapi insentif yang telah dicadangkan ini ia hanya terpakai untuk atlet-atlet yang memenangi pingat dalam temasya Sukan Paralimpik tahun ini.

Saya ingin mencadangkan dan juga merayu kepada pihak kementerian supaya melihat semula walaupun saya tak faham bahawa insentif untuk pemenang pingat ini mungkin tak boleh diguna pakai untuk atlet-atlet sebelum ini. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita memberikan pencen bulanan kepada lima atlet ini iaitu:

- (i) Saudara Perumal Mariappan yang memenangi dua pingat gangsa dalam tahun 1988 dan tahun 1992;
- (ii) Saudara Cheok Koon Fatt yang memenangi pingat perak;
- (iii) Saudara Mohd Khasseri Othman yang memenangi pingat gangsa;
- (v) Saudara Siow Lee Chan yang memenangi pingat gangsa tahun 2008; dan
- (vi) Saudara Hasihin Sanawi yang memenangi pingat perak.

Hanya lima atlet sahaja ini...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Seremban. Saya ingin mengucapkan tahniah juga kepada atlet-

atlet kita. Pada waktu yang sama, saya juga ingin mencadangkan bahawa jurulatih perlu diberi pengkhususan dan pengiktirafan yang sama setaraf dengan atlet-atlet yang lain.

Saya difahamkan daripada Yang Berhormat Menteri, 30 peratus intensif akan diberikan. Dahulu 10 peratus, sekarang *thirty percent*, itu adalah cadangan yang baik tetapi kalau boleh, tinggikan lagi. *Thirty percent is not enough* untuk jurulatih. Tanpa jurulatih kita tak boleh melahirkan atlet-atlet. Saya bagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua, bila ada atlet, kita bagi mereka Datukship tetapi jurulatih tak ada Datukship. Bila mereka turun untuk berlatih, jurulatih kena panggil atlet Dato' and jurulatih itu masih lagi encik atau tuan-puan. So, saya rasa benda-benda macam ini walaupun kecil tetapi penghargaan dan pengiktirafan itu amat besar. So, saya juga cadangkan, jurulatih perlu diberi perhatian. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ya, terima kasih. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Kapar dalam ucapan saya. Seperti yang saya kata tadi, cerita ataupun dari apa yang pengalaman Encik Mariappan Perumal telah pun dilaporkan dalam media bahawa beliau pernah memenangi dua pingat gangsa dan tujuh kali mewakili Malaysia dalam temasya Paralimpik tetapi sekarang beliau menjalani kehidupannya sebagai seorang penjual ais krim dan juga *lift attendant*.

Jadi dari segi kehidupan, kos kehidupan atlet-atlet yang telah pernah mengharumkan nama negara kita ini saya rasa kita taklah memberikan implikasi kewangan yang terlalu besar kepada kerajaan. Apakah tidak kita melanjutkan penceن bulanan ini kepada lima atlet yang pernah memenangi pingat untuk Sukan Paralimpik untuk negara kita untuk sebelum ini dan juga atlet-atlet lain seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Subang tadi.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit dalam usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri, juga mengatakan bahawa Dewan ini menyeru agar semua pihak berkaitan memberikan sokongan tidak berbelah bahagi dalam menjayakan agenda nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan. Saya rasa memang semua pihak terutamanya termasuklah rakan-rakan daripada pihak pembangkang akan memberikan sokongan penuh untuk menjayakan agenda Malaysia sebagai sebuah negara bersukan. Contohnya baru-baru ini, satu inisiatif yang dibawa oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui *Garmin Challenge* untuk Ahli-ahli Parlimen untuk menjalankan 10,000 langkah setiap hari.

Kebanyakan peserta adalah daripada rakan-rakan daripada pihak pembangkang termasuk Yang Berhormat Gelang Patah juga ada menyertai *challenge* tersebut. Sembilan daripada *top ten* yang memenangi cabaran tersebut adalah daripada pembangkang iaitu Yang Berhormat Segambut yang pertama, juara. *[Tepuk]* Naib juara Yang Berhormat Kampar, pingat gangsa Yang Berhormat Taiping. Selepas itu Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang

Berhormat Subang, Yang Berhormat Tebrau yang kesembilan, kesepuluh Yang Berhormat Stampin.

Jadi ini membuktikan bahawa dalam agenda sukan ini, kita semua boleh memberikan sokongan. Saya haraplah semangat ini dapat diteruskan dan saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan dalam merancang dan juga memberikan peruntukan dalam program-program yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan di peringkat kawasan Parlimen juga mengambil semangat ini supaya segala perancangan dan juga peruntukan untuk menjalankan program itu diberikan sama rata kepada semua kawasan Parlimen melalui Ahli-ahli Parlimen masing-masing kerana ini kita telah membuktikan bahawa dalam agenda sukan ini kita boleh bersama-sama tanpa ada apa-apa perbezaan politik. Jadi saya harap ini dapat diteruskan dan diangkat semangat ini.

Yang terakhirnya, walaupun atlet-atlet yang memenangi pingat dalam Sukan Olimpik dan Paralimpik ini tidak ada seorang pun dari Negeri Sembilan tetapi Menteri dari Negeri Sembilan. Jadi itu pun sudah saya kira sebagai wakil dari Negeri Sembilan. Jadi saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Rembau yang telah mengetuai delegasi dan kontingen negara dalam Sukan Olimpik dan Paralimpik. Justeru itu saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang dan jam 2.30 petang Yang Berhormat Menteri boleh menjawab selama 30 minit. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, menjawab.

## 2.32 ptg.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang telah saya bentangkan pagi tadi. Usul yang mengiktiraf pencapaian atlet-atlet kebangsaan. Terutamanya pemenang-pemenang pingat Paralimpik dan Olimpik di Rio pada tahun ini. Seperti mana yang telah pun dibangkitkan oleh semua pihak,

saya ucapkan terima kasih kerana usul ini telah mendapat sokongan daripada kedua belah pihak, kalau mengikut daripada perbahasan tadi. Saya harap sokongan ini akan diteruskan. Oleh sebab yang penting Tuan Yang di-Pertua, usaha kita tidak terhenti di sini. Apa yang penting adalah usaha kita untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan ini dapat kita teruskan sehingga ke temasya-temasya yang akan datang. Suatu ketika dahulu kita tidak pernah mengimpikan bahawa Malaysia boleh mendapat begitu banyak pingat.

Terutamanya di sukan Olimpik dan Paralimpik. Sasaran kita sebelum ini mungkin satu dua pingat sahaja. Apabila kita mencapai satu pingat perak dan satu pingat gangsa di temasya Olimpik dan juga Paralimpik London pada tahun 2012, itu kira antara pencapaian yang terbaik kita dalam sejarah. Tak pernah kita memikirkan bahawa kita dapat melebihi pungutan pingat dua ataupun satu. Akan tetapi kali ini kita telah mencipta satu kejayaan yang perlu menjadi norma baru kepada sukan negara kita. Lima pingat emas ataupun lima pingat di sukan Olimpik dan empat pingat di Paralimpik, termasuk 3 pingat emas, sepatutnya menjadi norma baru kepada diri kita. Bukan hanya satu pencapaian luar biasa pada tahun ini sahaja tetapi selepas ini mestilah menjadi penanda aras kepada kontinjen-kontinjen negara kita yang akan bertanding di temasya Olimpik dan Paralimpik.

Saya percaya dan yakin, rakyat Malaysia mendahagakan pencapaian yang sama untuk tahun-tahun yang akan datang. Tidak lagi kita balik kepada pencapaian yang lama, iaitu hanya satu dua pingat sahaja dan kita puas hati dengan pencapaian tersebut. Akan tetapi Malaysia sudah menjadi negara yang semakin maju di pentas Paralimpik, di pentas Olimpik dengan pencapaian empat, lima pingat. Ini perlulah menjadi *the new norma*, dengan izin, dan juga penanda aras yang baru untuk tahun-tahun yang akan datang. Saya ucapkan terima kasih kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya.**

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Walaupun saya di *bench* kerajaan tetapi saya terpanggil untuk meletakkan depan Menteri kita mengenai satu isu yang begitu penting, tidak didebatkan... Minta izin dulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila. Saya pun banyak menerima nota daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang lain hendak mencelah, *insya-Allah* saya akan izinkan.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Perkara yang pertama yang saya hendak utarakan di sini adalah, prestasi ahli-ahli sukan India dalam sejarah perkembangan sukan di Malaysia begitu mengharumkan. Khususnya, kita pernah dengar Dr. Mani Jegathesan,

Jayamani, banyak nama-nama. James Selvaraj, Punch Gunalan tapi kenapa dalam prestasi sukan terkini, khususnya bila kita balik kepada Rio. Kita nampak seolah-olahnya masyarakat India yang dulu harumnya begitu baik sekali dalam bidang sukan, kini tidak kita kenal nama.

Saya minta Menteri Sukan untuk menyerlahkan isu-isu dan masalah-masalah yang didepani oleh golongan masyarakat India. Oleh kerana belia India sekarang menuju ke arah lain dan ini menjadi liabiliti negara. Di manakah kekangan kekosongan yang perlu diperbetulkan. Minta supaya Menteri jelaskan dalam jawapan beliau nanti. Terima kasih.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang, Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya,sila.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima Kasih. Selaku wakil dan rakan-rakan dari negeri Sarawak atau Bumi Kenyalang yang mengambil tadi tak sempat. Akan tetapi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Belia dan Sukan kerana telah memberi kecemerlangan nama Malaysia di kalangan dunia kita. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih juga selaku anak watan kepada jaguh Olimpik, adik kita Pandalela Rinong dari bumi Sarawak. *[Tepuk]* Rakan-rakan dari negeri Sarawak, saya ingin merakamkan sekali lagi jutaan terima kasih dan tahniah di atas kejayaan sukan Olimpik baru-baru ini. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, kalaularah Kementerian Belia dan Sukan dapat memberi atau memberi peruntukan yang lebih banyak untuk menaik taraf gelanggang-gelanggang sukan, bukan di negeri sahaja, pedalaman. Saya ingat lebih banyak lagi atlet-atlet dapat menceburkan nama di negeri-negeri Malaysia ini kepada anak-anak watan di pedalaman.

Oleh yang demikian, saya mintalah Kementerian Belia dan Sukan supaya komited atau menambah baik prasarana sukan di negeri Sarawak. Bukan di negeri tetapi di pedalaman negeri Sarawak. Terima Kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Saya pun nampak masyarakat Orang Asli di Semenanjung juga begitu hebat dalam olahraga. Cuma apabila keluar pada sekolah, dia bersikap malu. Tiada pihak yang ketengahkan masyarakat Orang Asli ini. Ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Baik, terima kasih Tuan yang di-Pertua. *Insya-Allah* saya akan menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh yang berhormat Senator Devamany dan juga Yang Berhormat Hulu Rajang dalam ucapan saya seketika nanti.

Pertamanya, saya rujuk kepada perbahasan, perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Antara perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kinabatangan. Pertamanya, bagaimana kita dapat membentuk atlet yang berkemajuan tinggi

supaya persatuan-persatuan sukan kebangsaan memberhentikan permainan politik. Cadangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan, agar Menteri diberikan kuasa penuh untuk menyelesaikan isu politik dalam persatuan-persatuan sukan. Bagaimana untuk mencapai prestasi yang tinggi di Olimpik Tokyo bagi bersaing sama tinggi dengan negara-negara gergasi sukan dunia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, pihak kementerian saya melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) telah memulakan perancangan jangka panjang ke arah melahirkan atlet-atlet berprestasi tinggi.

#### ■1440

Program-program yang dirancang sebenarnya bermula dari tahun 1998 sebagai sejarah bagi Dewan yang mulia ini. Impak tinggi dari segi atlet berprestasi tinggi bermula sebelum tahun 1998 di bawah Program Jaya 98 untuk kita menyediakan atlet kita bertanding dalam Sukan Komanwel yang diadakan di Malaysia pada tahun 1998. Diikuti dengan Program Gemilang 2001, Program Gemilang 2006, Program Road to London 2012 dan Program Road to Rio 2016.

Kesemua program ini dengan peruntukan yang telah dikenal pasti digunakan untuk kita mendedahkan atlet-atlet kita kepada pertandingan di peringkat antarabangsa, untuk kita naikkan ranking mereka di tangga kedudukan dunia dan untuk kita mengambil khidmat jurulatih-jurulatih dan pakar-pakar dalam bidang-bidang sokongan seperti fisioterapi, psikologi, nutrisi dan sebagainya agar kemampuan atlet-atlet kita dapat melonjak naik ke atas dan prestasi mereka dapat ditingkatkan supaya dapat bersaing di peringkat dunia.

Kita tidak lagi hanya melihat kepada saingen di peringkat Sukan SEA ataupun rantau Asia Tenggara sahaja. Sukan SEA ini sekarang ini kita anggap sebagai satu temasya pembangunan di mana kita dedahkan lebih ramai atlet pelapis dan bukan hanya atlet-atlet elit kita. Untuk Sukan SEA tahun depan, ramai daripada atlet pelapis kita akan didedahkan kerana kita percaya dan yakin itulah tempat dan juga itulah pentas untuk mereka diuji bakat mereka sebelum mereka didedahkan di peringkat yang lebih tinggi di Sukan Asia, Sukan Komanwel dan juga Sukan Olimpik.

Kejayaan atlet-atlet kita di Rio juga adalah merupakan hasil daripada program-program yang saya sebutkan tadi. Ia tidak hanya mula tahun ini ataupun tiga tahun sahaja. Dia mesti ada, dengan izin, satu *continuum*, satu kesinambungan yang datang daripada awal lagi kita telah kenal pasti bakat-bakat muda dan sebagainya dan kita bangunkan mereka untuk menjadi juara.

Contohnya, Saudara Azizulhasni yang ada di sini, beliau tidak lahir sebagai seorang juara yang mampu menang pingat gangsa di Sukan Olimpik, yang mampu menang pingat gangsa di Kejohanan Dunia UCI dalam bidang *keirin* dalam tempoh dua tiga tahun sahaja. Beliau telah dikenal pasti apabila menjadi seorang atlet pelapis di negeri Terengganu dibawa ke Majlis Sukan Negara dan dibangunkan diletakkan di *foward base* ataupun di *base* antarabangsa luar

negara kita di Melbourne dan dijadikan seorang atlet basikal trek sehingga mencapai kedudukan pada hari ini yang memerlukan tahun bertahun kita merancang dan kita melaksanakan program untuk beliau.

Transformasi Sukan Negara yang saya sebutkan dalam ucapan awal tadi adalah untuk memenuhi cadangan Yang Berhormat Kinabatangan tersebut supaya kita dapat *continue* terus melahirkan atlet berprestasi tinggi. Tidak ada noktah dalam kita melahirkan atlet yang baru. Kita tidak bersandarkan kepada pencapaian wira-wirawati hari ini sahaja. Dalam bidang sukan, sangat penting untuk kita *plan for the future*, dengan izin, ataupun merancang untuk masa hadapan. Kalau hari ini saya tidak merancang untuk Tokyo dan juga untuk 10 tahun akan datang, maka apabila kita tiba waktu dan ketika nanti, kita akan ketandusan atlet-atlet yang boleh menggantikan wira-wirawati kita yang sudah pasti tidak akan dapat bersaing sehingga ke usia 40-an dan sebagainya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila kita mendengar kesungguhan Yang Berhormat Menteri hendak melatih atlet-atlet kita yang baru yang akan muncul di pesta yang besar-besaran, boleh tidak Yang Berhormat Menteri juga memikirkan siapakah pengganti pelatih-pelatih kita yang ada sekarang? Sedangkan, pelatih-pelatih kita ini banyak yang sudah berumur dan kita pun belum ada lagi saya mendengar bahawa kita hendak menghantar yang muda-muda jadi pelatih kita ke luar negara. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri memberi peruntukan supaya jurulatih-jurulatih kita yang ada bersama dengan yang kita bantu yang baru ini sebagai jurulatih untuk kita melatih wira-wira kita yang akan datang? Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. *Insya-Allah* saya akan jawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam ucapan saya nanti.

Balik kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan berkenaan dengan isu yang mungkin hangat diperbahaskan iaitu isu permainan politik dalam persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Sememangnya agak sukar untuk kita kurangkan ataupun kita menghapuskan begitu sahaja apa yang dikatakan sebagai permainan politik. Apatah lagi kepimpinan persatuan dipilih melalui kaedah pemilihan yang demokratik yang sudah tentu memerlukan kumpulan penyokong tertentu. Kita kena faham bahawa *the nature of sport association*, dengan izin, adalah juga berdasarkan kepada pemilihan. Persatuan-persatuan sukan ini tidak dilantik oleh Menteri. Ada satu tanggapan ataupun andaian yang ada pada sesetengah orang bahawa persatuan sukan ini dilantik oleh Menteri dan saya ada kuasa sepenuhnya untuk melantik persatuan sukan. Tidak.

Persatuan Sukan ini diterajui oleh mereka yang dipilih oleh ahli-ahli gabungan dan terpulang kepada mereka untuk meyakinkan ahli gabungan supaya mereka dapat dipilih oleh persatuan sukan kebangsaan masing-masing. Sebagai contoh, mungkin contoh yang paling dekat dengan saya pada waktu ini dari segi fizikalnya adalah Yang Berhormat Arau di mana beliau dipilih secara demokratik sebagai Presiden Kesatuan Renang Malaysia sehingga mendapat pingat perak di peringkat Sukan Olimpik. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Arau atas kepimpinan yang sangat cemerlang. Jadi kita tidak boleh kata bahawa orang politik tidak ada tempat di persatuan sukan sebab Yang Berhormat Arau adalah contoh bagaimana kepimpinan yang cemerlang. Setakat inilah, setakat ini Tuan Yang di-Pertua.

Namun begitu, isu persatuan yang dipilih ini— saya faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi adalah walaupun dipilih secara demokratik, walaupun Menteri tidak ada kuasa, bolehkah kita bagi kuasa penuh kepada Menteri untuk buat ketentuan dan lantik sahaja siapa sahaja yang dirasakan layak untuk menerajui persatuan sukan.

Malangnya, ini bertentangan dengan perlembagaan-perlembagaan persatuan sukan dan ini boleh memudaratkan status persatuan sukan itu sendiri. Kita semua tahu bahawa apabila ada campur tangan kerajaan dalam beberapa persatuan sukan, persatuan sukan kebangsaan itu digantung oleh Persekutuan Antarabangsa. Sebagai contoh, Persatuan Sukan Kebangsaan yang menyelia sukan bola sepak ataupun sepak bola di negara Indonesia digantung disebabkan campur tangan daripada kerajaan ataupun yang dianggap sebagai campur tangan daripada kerajaan. Jadi dalam hal ini, walaupun ada peranan Kementerian Belia dan Sukan, ada peranan Menteri untuk bekerjasama dengan persatuan sukan dan untuk memberi nasihat kepada persatuan sukan, kita sebenarnya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan yang dianggap sebagai campur tangan secara langsung dalam persatuan-persatuan sukan.

Namun begitu, Akta Pembangunan Sukan 1997 telah memberi kuasa kepada Menteri mengenai sukan dan juga telah menubuhkan apa yang dikenali sebagai Pejabat Pesuruhjaya Sukan atau, dengan izin, *Sport Commissioner Office* bagi memantau dan mengawal isu-isu dalam persatuan sukan supaya tidak menghalang pembangunan sesuatu sukan yang diwakili oleh mereka.

Pesuruhjaya Sukan Malaysia atau PJS ini menjadi seperti *regulator* yang memastikan bahawa undang-undang dan juga perlembagaan persatuan sukan itu sendiri dipatuhi oleh persatuan sukan dan juga oleh pegawai-pegawainya. Dalam hal ini, tidak merupakan satu campur tangan kerana kita hanya memastikan bahawa undang-undang yang telah ditubuhkan, perlembagaan yang telah dimaktubkan ataupun ditubuhkan oleh persatuan itu sendiri dipatuhi oleh persatuan berkenaan.

**■1450**

Sekiranya keadaan terdesak, Akta Pembangunan Sukan 1997 boleh diguna pakai dan telah pernah diguna pakai sebelum ini untuk kita melaksanakan tindakan-tindakan supaya dapat pulihkan ataupun dapat kita betulkan kepincangan di peringkat persatuan-persatuan sukan dari segi tadbir urus, dari segi pengurusan tetapi dari segi lantikan pemilihan itu mestilah melalui saluran yang demokratik. Kita boleh lantik jawatankuasa sementara dalam krisis tetapi akhirnya mereka kena adakan AGM ataupun mesyuarat agung luar biasa untuk melantik dan memilih jawatankuasa baru.

Namun begitu untuk Yang Berhormat Kinabatangan, Kementerian Belia dan Sukan melalui agensi-agensi seperti Pejabat Pesuruhjaya Sukan, Majlis Sukan Negara sentiasa mengambil pendekatan pencegahan melalui program-program pembangunan dan pengurusan sukan untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus badan-badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan. Jadi kita adakan kursus. Kita ada kursus kewangan, kita ada kursus *corporate governance*, kita ada kursus pemasaran untuk membantu persatuan-persatuan sukan ini supaya dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik lagi. Sila Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengimbas kembali apa yang dinyatakan atau ditanya tadi oleh sahabat saya dari Kinabatangan soal persatuan-persatuan sukan negara ini dipolitikkan. Saya minta sedikit penjelasan daripada pihak Menteri. Ada tidak penglibatan daripada parti-parti pembangkang yang menyokong hasrat yang murni oleh kementerian ini, ada tidak ada sebab kita tidak mahu mereka ini seolah-olah membantah apa agenda-agenda Majlis Sukan Negara ini. Kalau boleh kolaborasi dengan parti pembangkang itu ada tidak, selain daripada parti pembangkang ini asyik mengkritik hasrat murni kementerian.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Putatan. Setakat ini yang boleh saya rujuk adalah kerjasama yang wujud antara Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis-majlis Sukan Negeri yang terletak di negeri-negeri yang diperintah oleh parti lawan. Saya ingin maklumkan bahawa kerjasamanya agak baik dan dalam bidang sukan sama ada dari segi pembangunan, sama ada dari segi kejohanan-kejohanan bawah umur yang diadakan di peringkat Majlis Sukan Sekolah Negeri, Majlis Sukan Sekolah Daerah, Majlis Sukan Malaysia sama ada penganjuran Sukan Malaysia, sama ada pembangunan atlet-atlet daripada negeri-negeri yang berkenaan boleh dikatakan kita dapat kerjasama yang baik daripada semua pihak yang melihat bahawa sukan ini sebenarnya adalah satu perkara yang dapat menyatukan bukan hanya rakyat tetapi dapat menyatukan semua parti politik. Saya harap dapat terus diberikan kerjasama dan perkara ini tidak dipolitikkan dan menjadikan satu usaha dan agenda nasional

yang boleh disokong oleh kedua-dua belah pihak. Ya, Yang Berhormat Hulu Selangor, Timbalan Menteri.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Apabila Yang Berhormat memberikan ucapan memaklumkan tentang sukan sekolah, Kementerian Pendidikan. Saya bagi pihak Kementerian Pendidikan juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua atlet Malaysia yang telah berjaya dan harus kita ambil maklum daripada atlet-atlet yang telah mengambil bahagian mewakili Malaysia dalam Sukan Olimpik, hampir 50% daripada atlet ialah produk-produk sukan sekolah Malaysia. Malah Pandelela Rinong dan juga Cheong Jun Hoong juga merupakan atlet-atlet Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Kementerian Pendidikan akan terus memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan lebih ramai lagi atlet-atlet. Baru-baru ini dalam sambutan Hari Sukan Negara, kita telah memberi sokongan yang cukup baik dan kita juga bersedia bersama Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan bakat-bakat muda dari peringkat yang awal supaya mereka dapat terus meningkatkan lagi martabat negara dalam bidang sukan yang dapat menyatupadukan semua rakyat Malaysia.

Dalam pada masa yang sama seperti mana rakan seperjuangan tadi, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Devamany telah menyatakan bagi pihak kaum India, kita sendiri ada satu *blueprint* yang akan kita serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dalam masa yang terdekat untuk yang telah menggariskan cara-cara bagaimana kita melalui MISC Foundation dapat membantu meningkatkan prestasi mutu sukan negara. Semua rakyat Malaysia termasuk kaum India yang memang hebat dalam beberapa bidang sukan supaya dapat menyerlahkan keupayaan mereka dari bangku sekolah sehingga peringkat antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang juga bangun. Ya, sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya terpanggil bila Timbalan Menteri Pendidikan menyebut tentang sukan-sukan sekolah, MSSM, MSSD dan sebagainya ini. Cuma kita lihat kejohanan sukan sekolah ini, mereka tidak dapat pendedahan terutamanya bila berkaitan dengan Sukan Malaysia ataupun SUKMA. Saya ingin cadangkan kalau dalam sukan SUKMA ini kepada Kementerian Belia dan Sukan kalau dapat kita wujudkan kategori bawah 13 tahun untuk menggalakkan atlet yang berumur 13 tahun ke bawah ini terdedah kepada sukan-sukan terutamanya di peringkat Sukan Malaysia. Ini pandangan saya, terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Hulu Selangor dan Ahli Yang Berhormat daripada Sekijang atas pencelahan tadi. *Insyah-Allah* saya akan menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan dalam ucapan saya. Ikon

susunan perbahasan tadi, saya rujuk kepada Ahli Yang Berhormat daripada Lenggong. Ahli Yang Berhormat daripada Lenggong telah bangkitkan bahawa semua perlu bertanggungjawab, semua kementerian seperti KPM, Kementerian Kesihatan, persatuan sukan untuk kita menggerakkan semula rakyat kerana sukan boleh menyatupadukan kita. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong.

Untuk makluman, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang aktif sejak tahun 2004 sentiasa melaraskan program-program yang berkaitan dengan pembangunan sukan secara menyeluruh. Antara program-program yang telah dilaksanakan khususnya bagi pembangunan sukan berprestasi tinggi adalah seperti Program Sukan Teras, Program Sukan Pilihan, Program Mengenal Pasti Bakat dan sebagainya yang mana pelaksanaannya melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi dan juga kementerian.

Sebagai contoh saya hendak maklum kepada Ahli Yang Berhormat daripada Lenggong, rekod dalam Dewan ini. Tanpa kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, tanpa kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, tanpa kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, usaha kita untuk menjadi sebuah negara bersukan tidak akan dapat kita jayakan dan tidak akan kita capai sebab laluan kerjaya untuk seorang atlet ini bermula di sekolah. Bermula di sekolah, bermula dengan kejohanan-kejohanan Majlis Sukan Sekolah dan sehingga antara mereka yang pergi ke universiti dan sebagainya sebelum mereka diserapkan ke dalam Majlis Sukan Negara.

Jadi, tanpa kerjasama antara Kementerian Pendidikan, kita tidak dapat menjayakan program pembangunan. Sebagai contoh, Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NDFP) yang telah pun diilhamkan untuk kita meningkatkan mutu bola sepak negara. Perlu diadakan dengan kerjasama KPM, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana kebanyakannya daripada padang, pusat-pusat latihan dan juga jurulatih sebenarnya adalah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi usaha kita untuk contohnya menjayakan Hari Sukan Negara, Fit Malaysia supaya kita dapat mengurangkan *non-communicable diseases* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, perlu juga kerjasama daripada Kementerian Kesihatan Malaysia agar indikator penyakit-penyakit seperti kencing manis, obesiti, sakit jantung dan sebagainya dapat kita kurangkan melalui sukan supaya kita dapat melaksanakan pencegahan dan bukan hanya merawat apabila sudah terlewati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lagi yang bangun.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan Menteri di mana pasukan terjun Olimpik kita sekarang menghadapi satu masalah besar di mana mereka tidak ada tempat latihan yang sesuai selepas Pusat Akuatik Negara

telah ditutup di Bukit Jalil. Jadi apakah usaha yang akan diambil, tindakan yang boleh diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa kerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain dalam membangunkan sukan seperti bola sepak yang disebut tadi dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan sebagainya.

■1500

Akan tetapi satu perkara yang harus dilihat di sini ialah bagaimana strategi untuk memastikan supaya di peringkat persekolahan lagi itu dapat melahirkan produk-produk sukan. Di setiap sekolah itu ada satu produk sukan yang hebat macam zaman dulu-dulu. Kalau sekolah ini dia hebat dalam bidang sukan tertentu, sekolah ini dalam bidang sukan tertentu. Akan tetapi kalau kita lihat hari ini di setiap sekolah itu macam sama, tidak ada satu kehebatan dalam satu-satu bidang sukan. Jadi tidak dapat hendak melahirkan satu *player* ataupun ahli sukan yang baik seperti mana pada zaman itu ketika dahulu.

Kemudian yang kedua Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bola sepak. Sekarang ini dia masuk dalam konteks pro. Kalau dahulu jabatan-jabatan kerajaan kebanyakannya mengambil ahli-ahli sukan untuk bekerja dengan jabatan-jabatan mereka, tentera, penjara satu ketika dahulu, polis dan sebagainya. Akan tetapi hari ini kalau kita lihat jabatan-jabatan ini tidak banyak mengutamakan ahli-ahli sukan itu untuk bekerja tetapi sebaliknya mengambil pemain-pemain luar seperti mana PDRM, angkatan tentera dan dibayar dengan gaji yang tinggi. Jadi saya lihat bahawa mereka tidak melahirkan ahli sukan daripada negara sendiri ataupun ahli sukan yang daripada jabatan sendiri seperti mana yang berlaku satu ketika dahulu.

Jadi saya fikir sebaiknya kalau selepas ini Kementerian Belia dan Sukan untuk menganjurkan supaya jabatan-jabatan ini dia mengambil orang luar yang merupakan ahli sukan kemudian bekerja di situ dan kemudian diberikan gaji secara profesional untuk bermain bola umpamanya. Di samping akhirnya nanti bila dia pencen, jadi dia ada *survival* hidup dia dengan pencen di jabatan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung sedikit. Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak bagi cadangan kepada Menteri terutamanya untuk atlet-atlet olahragawan. Saya difahamkan kontrak mereka hanya apabila ada temasya-temasya tertentu. Saya ingin memberi cadangan di mana kita kena

*commercializekan* bila ada satu syarikat mengambil mereka untuk lima tahun, *sign* kontrak dengan mereka dan memberikan mereka serba kebolehan daripada sudut fisioterapi, nutrisi dan sebagainya. So, kalau kita boleh galakkan syarikat-syarikat swasta terutamanya untuk mengambil mereka dan *sign* satu kontrak untuk satu jangka masa yang panjang bukan untuk temasya-temasya tertentu, kita boleh bekalkan satu atlet yang unggul. Ini kalau bola ataupun permainan lain, kontrak dia jangka masa panjang. Untuk atlet olahragawan, saya difahamkan hanya untuk temasya-temasya tertentu. Kalau ada, saya cuba memberi cadangan supaya Menteri dapat meneliti dan menghalusi. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kapar. Saya akan juga menjawab soalan dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan kemudian. Saya rujuk balik kepada perbahasan awal tadi. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang daripada Permatang Pauh kerana juga telah menyokong usul yang telah dikemukakan dan telah membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan pengurusan tadbir urus dan juga soal integriti.

Kementerian sememangnya sentiasa berusaha untuk membangunkan sukan negara secara menyeluruh. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, Program Pembangunan Sukan Para yang dirujuk tadi dalam ucapan beliau berkenaan dengan atlet-atlet Paralimpik kita telah pun dimulakan sejak lebih daripada 10 tahun yang lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, isu ketirisan yang dibangkitkan tidak menjelaskan perancangan KBS melalui MSN dan ISN yang dipertanggungjawabkan bagi meningkatkan sukan berprestasi tinggi khususnya ke arah kejayaan Olimpik dan Paralimpik 2016.

Isu yang dibangkitkan tadi secara spesifik beberapa kali saya telah menjawab di Dewan ini juga. Isu tersebut telah pun diambil tindakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan isu jenayah seperti SPRM dan kes individu terbabit sedang dalam tindakan mahkamah sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes yang dirujuk itu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, kes ratus juta. Kes akhirnya pertuduhan untuk Setiausaha Bahagian Kewangan KBS sebanyak 32 pertuduhan di mahkamah telah pun dibuat dan jumlah yang dikatakan menjadi dana yang telah pun diselewengkan adalah sebanyak RM38.4 juta.

Walaupun RM38.4 juta terlalu banyak tetapi bukanlah RM100 juta. Akan tetapi yang penting adalah tindakan yang cepat telah pun diambil. Kerjasama yang sepenuhnya diberikan kepada SPRM sehingga kes itu dibawa ke mahkamah dan pegawai tersebut telah pun dituduh, didakwa. Segala aset yang telah diselewengkan itu telah pun dibekukan. Sementara itu KBS sendiri telah pun meminta penglibatan Jabatan Ketua Audit Negara untuk melaksanakan satu pengauditan bebas yang tidak melibatkan mana-mana pegawai daripada Kementerian Belia dan Sukan kecuali sebagai rujukan, pegawai audit kita sahaja yang ditugaskan untuk memberi maklumat.

Beberapa tindakan penambahbaikan telah pun dicadangkan dan dilaksanakan. Dicadangkan oleh pasukan audit tersebut dan telah pun dilaksanakan oleh kementerian seperti:

- (i) memperkuuhkan kawalan dalam pengurusan kewangan dengan menubuhkan jawatankuasa tertinggi pengurusan kewangan yang dipengerusikan oleh Menteri sendiri. Ini adalah lapisan yang berada di atas jawatankuasa kewangan yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal kewangan kementerian iaitu ketua setiausaha. Jadi satu lagi *layer* ataupun satu lagi lapisan pemantauan supaya aliran tunai, aliran perbelanjaan kementerian dapat dikawal, yang tidak diinstitusikan sebelum ini;
- (ii) mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara yang menjadi punca masalah ini dengan penambahan beberapa ahli seperti Ketua Akauntan KBS dan pegawai kementerian kewangan tambahan;
- (iii) memperkuuh Manual Prosedur Kerja (SOP); dan
- (iv) memastikan semua ahli jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara menandatangani *integrity pack* bagi setiap kali mesyuarat diadakan.

Jadi kita telah menutup kelompongan yang wujud dalam prosedurnya dan kita telah ketatkan segala prosedur dan juga kawalan yang diperlukan untuk memastikan bahawa kes ini tidak diadakan ataupun tidak dapat diulangi selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Parlimen daripada Johor Bahru membangunkan ataupun membangkitkan dua perkara yang sangat-sangat relevan. Pertamanya adalah sumbangan daripada ibu bapa kepada atlet-atlet. Kedua ialah keputusan dan pemerhatian yang dikatakan hanya diberi kepada sukan Olimpik dan temasya Paralimpik sahaja tetapi tidak diberikan kepada satu kategori iaitu Sukan Orang Pekak Malaysia yang dikenali sebagai Deaflympics di peringkat antarabangsa. Syor daripada Ahli Yang Berhormat Johor Bahru adalah kementerian wajar memberi perhatian yang lebih kepada Persatuan Orang Pekak Malaysia dan juga kepada pembangunan atlet-atlet daripada persatuan ataupun daripada golongan pekak.

Mengenai pandangan pertama Yang Berhormat Johor Bahru daripada segi pengiktirafan dan juga berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa atlet negara. Saya melihat perkara ini sangat penting dan antara ramuan kejayaan yang paling-paling penting adalah sokongan yang diberikan oleh ibu bapa dan yang diberikan oleh keluarga untuk melihat mereka ini berjaya.

Saya bagi contoh saudari Pandelela. Mula dalam sukan terjun pada usia sembilan tahun. Saya sempat berbincang dengan ibu bapa beliau di Rio tentang pengalaman mereka apabila beliau telah memulakan kerjaya dalam bidang sukan terjun bahawa bapanya sanggup pindah daripada kampung mereka di Bau, Sarawak pergi dan pindah ke Kota Samarahan supaya Pandelela dapat peluang untuk berlatih dengan atlet-atlet pelapis dalam acara terjun di Kuching. Ini pengorbanan yang sungguh besar di mana keluarga sendiri buat keputusan untuk memindahkan keluarga dan juga untuk memindahkan tempat kerja dan sebagainya daripada satu kampung asal mereka ke bandar besar tanpa ada apa-apa harapan untuk mendapat kerja baru dan sebagainya semata-mata untuk memajukan kerjaya anaknya.

#### ■1510

Kalau tidak dibuat oleh bapa Pandalela, sudah pasti beliau tidak akan menjadi seorang pemegang pingat perak dan juga pingat gangsa di peringkat Sukan Olimpik.

Sememangnya pihak KBS melalui MSN dan juga agensi-agensi yang lain berkaitan dengan pembangunan sukan sentiasa memberi perhatian kepada sumbangan ibu bapa dalam pembangunan anak masing-masing. Perhubungan yang terjalin antara pihak kerajaan khususnya KBS dan para ibu bapa melalui jurulatih dan pengurus-pengurus sukan yang dilantik oleh pengurusan KBS dalam mengendalikan program atlet-atlet tersebut.

Saya menggalakkan supaya pegawai kita sentiasa *communicate*, sentiasa berhubung dengan ibu bapa. Walaupun anak-anak mereka sudah meninggalkan rumah dan sekarang ini berada di Bukit Jalil, berada di pusat-pusat latihan negara di bawah pengendalian Majlis Sukan Negara, *communication with the parents is a very-very important*, dengan izin, supaya kita sentiasa dapat memaklumkan kepada keluarga dan ibu bapa apakah perkembangan yang terkini. Perjumpaan dan mesyuarat berkala turut diadakan khususnya melibatkan kumpulan atlet-atlet remaja dalam pelbagai aspek terutamanya aspek kebajikan. Sentiasa kita minta supaya mereka terlibat dalam aspek pembangunan anak-anak mereka walaupun tidak lagi bersama dengan keluarga di rumah masing-masing.

Pandangan Ahli Yang Berhormat Johor Bahru dalam pembangunan sukan orang-orang pekak di Malaysia, pihak KBS sememangnya prihatin dan sentiasa mengambil maklum perkembangan sukan orang pekak ini apatah lagi dalam keadaan sukan tersebut walaupun buat masa ini di luar daripada pengiktirafan IOC mahupun *International Paralympics Committee* (IPC) sehingga memaksa sukan tersebut wujud di bawah kejohanan mereka sendiri iaitu *Deaflympics*. Namun begitu, KBS akan terus bekerjasama dengan Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan, sebaliknya sejak tahun 2012, Kementerian Belia dan Sukan telah membantu dan akan terus membantu Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia.

Dari tahun 2012, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS telah mengeluarkan hampir RM1 juta bagi membantu program-program yang dianjurkan oleh persatuan tersebut khususnya dalam aspek penganjuran kejohanan, penyertaan mereka di kejohanan antarabangsa di bawah naungan badan sukan dan pekak antarabangsa. Mungkin jumlah ini tidaklah besar tetapi saya percaya dan yakin kita akan terus memberi sokongan terutamanya untuk menghantar mereka bagi kejohanan di luar negara dan untuk kita membantu daripada segi penganjuran Kejohanan Sukan Orang Pekak Kebangsaan yang kita buat hampir tiap-tiap tahun, *insya-Allah*.

Ahli Yang Berhormat daripada Subang telah bangkitkan isu bersetuju memberi insentif kepada atlet kita, apakah kebajikan untuk bekas atlet seperti Watson Nyambek, V. Subramaniam, apakah patut kita buat dan perhatian yang perlu diambil untuk membantu atlet-atlet yang hebat seperti dahulu? Perkara ini disambung oleh Yang Berhormat dari Seremban.

Terima kasih Ahli Yang Berhormat kerana turut juga membentangkan usul yang sama dan saya ucapkan terima kasih kerana dapat membahaskan usul saya yang juga telah membangkitkan soal isu insentif yang sama rata kepada atlet normal, Paralimpik. Minta kementerian supaya melihat semula atlet Paralimpik yang telah berjaya memenangi pingat di temasya sukan Paralimpik yang tidak menerima pencen. Maksudnya pemenang pingat sebelum ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Seremban atas sokongan terhadap insentif dan saya ingin memaklumkan kepada kedua-dua Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Seremban terutamanya Yang Berhormat Seremban, cadangan Yang Berhormat Subang untuk kita bagi sekurang-kurangnya pencen kepada pemenang pingat Paralimpik sebelum Paralimpik Rio ini telah pun kita mulakan. Telah pun saya umumkan dan telah pun kita mulakan. Maksudnya sekarang ini semua pemenang pingat Paralimpik sebelum ini walaupun tidak dapat kita bagi ganjaran insentif tersebut tetapi *lifetime pension* kita sudah berikan bermula bulan ini.

Sementara aspek kebajikan kepada bekas-bekas atlet, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Subang, kebanyakannya bekas-bekas atlet tersebut telah pun diambil kerja dengan Kementerian Belia dan Sukan sebagai jurulatih. Sebagai contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Subang tadi, dia sebut kes V. Subramaniam. Sebenarnya V. Subramaniam telah bekerja dengan Majlis Sukan Negara selama sebelas tahun sehingga beliau bersara pada usia 60 tahun. *He was with us all the way* sehingga *retirement*. Watson Nyambek yang juga merupakan jurulatih di pusat latihan di Sarawak, *he still a coach* di bawah Majlis Sukan Negeri. Akan tetapi saudara Watson menghadapi masalah peribadi daripada segi masalah hutang yang saya hendak jelaskan di dalam Dewan ini bahawa masalah itu tidak dimaklumkan kepada kementerian di peringkat awal. Akan tetapi apabila kita dapat tahu bahawa beliau menghadapi masalah, Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Negara telah membantu tetapi tidak diberitahu kepada kita. Mungkin sebab itu urusan peribadi beliau.

Selain daripada penglibatan mereka sebagai jurulatih, kementerian juga telah mewujudkan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) yang sekarang ini diterajui pengurusnya Datuk Malek Noor, bekas bintang bina badan negara yang bertanggungjawab membantu bekas-bekas atlet negara dalam memelihara kualiti hidup mereka, kebajikan, khairat kematian dan sebagainya. MSN juga turut melaksanakan baru-baru ini program baru iaitu *Malaysian Athlete Career and Education* (MACE) yang berfungsi menyediakan pakej-pakej kebajikan, kerjaya dan pendidikan kepada atlet negara sebagai persediaan mereka untuk persaraan nanti. Jadi program ini baru. Program ini adalah untuk memastikan bahawa atlet kita ada perancangan selepas mereka tamat dalam dunia sukan. Bukan hanya sebagai jurulatih tetapi kita akan latih mereka daripada segi pendidikan, kita akan latih mereka dalam bidang-bidang lain seperti keusahawanan dan sebagainya supaya mereka juga ada masa depan yang mungkin di luar daripada sukan yang boleh diceburi selepas mereka tamat dan bersara daripada sukan.

Yang Berhormat Kapar membangkitkan berkenaan dengan isu jurulatih-jurulatih dan insentif untuk jurulatih-jurulatih. Saya ingin mengambil kesempatan ini sebab tidak sempat tadi dan saya terlepas tadi bahawa sempena dengan soalan daripada Yang Berhormat Kapar tadi, saya hendak sebut nama-nama jurulatih yang telah melatih pemenang pingat-pingat kita dalam Dewan ini supaya terpahat nama mereka dalam rekod *Hansard Parlimen*.

Untuk acara badminton, Chin Eei Hui dan Jeremy Gan yang merupakan jurulatih beregu dan juga Tey Seu Bock dan Hendrawan iaitu jurulatih perseorangan. John Joseph Beasley bagi sukan basikal. Yang Zhuliang dan Zang Yu Kun daripada acara terjun dan yang hadir pada hari ini, yang masih lagi hadir pada hari ini, saya ingin umumkan yang hadir pada hari ini jurulatih-jurulatih olahraga Paralimpik yang telah membantu menyumbang pingat emas dan gangsa, saudara Jaganathan A/L Ramasamy, Saudara Mohd Shahrul Amri bin Mohd Suhaimi dan Saudara Mohamad Faizol bin Harun *[Tepuk]*

Saya ucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Kapar dan *insya-Allah* saya akan melihat kepada apakah untuk jangka masa panjang kita dapat meningkatkan lagi imbuhan yang diberikan kepada jurulatih. Dulu 20%, naik kepada 30% dan kita akan lihat apakah lagi yang dapat kita berikan kepada mereka daripada segi insentif. Saya juga hendak memaklumkan bahawa selama ini ramai jurulatih yang mendapat pengiktirafan dan anugerah seperti insentif atas kejayaan atlet-atlet bimbingan mereka. Selain daripada dapat insentif yang saya sebutkan tadi iaitu 20% dan sekarang ini 30% untuk Olimpik tahun ini. Jurulatih-jurulatih terlibat turut menerima kenaikan gaji. Saya baru sahaja luluskan tahun ini kenaikan gaji sebanyak 50% daripada gaji semasa mereka setiap kali kontrak mereka diperbaharui, tertakluk kepada prestasi mereka dan atlet bimbingan.

Daripada segi penganugerahan pingat, tadi Yang Berhormat Kapar membangkitkan isu atlet Datuk tetapi jurulatih bukan Datuk. Atlet dan Datuk ini setakat ini seorang dua sahaja. Datuk Nicol dan Datuk Wira Lee Chong Wei. Namun demikian, kita pernah dan kita akan terus memberi *recommendation*, dengan izin, kepada jurulatih. Antara jurulatih yang pernah dapat pingat ialah Datuk Misbun Sidek, Datuk Ong Kim Swee, Datuk K. Rajagopal, V. Subramanian sendiri telah dapat pingat dan sebagainya. Jadi perkara ini *insya-Allah* saya menyambut baik perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan kita akan usahakan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, tambah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Satu lagi cadangan Yang Berhormat, saya juga berharap bahawa kementerian juga boleh memartabatkan dan memperkasakan jurulatih-jurulatih ini dengan menghantar mereka ke luar negara untuk mengambil kursus-kursus. Kursus selama setahun, dua tahun dan sebagainya. Bila mereka balik, mereka akan mempunyai skil-skil dan teknologi yang terbaru untuk memimpin anak buah-anak buah mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Ini seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sibuti tadi pendedahan kepada jurulatih terutamanya jurulatih muda didedahkan kepada pendedahan di luar negara dan sebagainya. Baru-baru ini kita telah memperkenalkan pembangunan *High Performance Coaching* melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan yang sekarang ini diletakkan di Institut Sukan Negara yang bertanggungjawab untuk menyediakan *pool* kejurulatihan yang lebih besar daripada kalangan jurulatih-jurulatih muda.

## ■1520

Jadi melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan yang telah dimulakan pada tahun 2012, sekarang ini kita memang dalam proses untuk kita melahirkan lebih ramai lagi jurulatih muda. Saya telah menaikkan gaji mereka dan kita harap bahawa lebih ramai lagi akan kita dapat hantar untuk kursus-kursus di peringkat antarabangsa terutamanya bagi jurulatih muda supaya dapat menggantikan, apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Sibuti tadi sangat-sangat betul sekali bahawa pelapis ini bukan hanya atlet sahaja tetapi pelapis ini adalah jurulatih.

Walaupun kita tidak sedar bahawa jurulatih ini kita anggap akan berada dengan atlet selama-lamanya, mereka pun akan bersara juga dan kalau kita tidak sediakan jurulatih pelapis, maka kita tidak akan memastikan bahawa ada kesinambungan dari segi kejurulatihan yang sekarang ini terletak di bawah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan dengan perancangan *high performance coaching*.

Tadi Timbalan Menteri, Dato' Sri Devamany telah bangkitkan isu pencapaian atlet India. Kebetulan Ahli Yang Berhormat, selepas ini kita ada mesyuarat atas tajuk yang sama. Ahli

Yang Berhormat sekali dengan Menteri Kesihatan yang juga Presiden Malaysian Indian Congress akan berjumpa dengan saya selepas saya menggulung usul ini untuk kita membincangkan masa depan dan hala tuju atlet daripada masyarakat India.

Suatu ketika dahulu atlet-atlet daripada masyarakat India memang terkenal di seantero dunia, Dr. Jegathesan adalah antara contoh yang terbaik. Walaupun kita tidak ada dalam sukan ini kuota, kita melihat kepada yang terbaik tetapi kita hendak pastikan bahawa kita hendak memastikan bahawa kita ada *fair presentation* dan *opportunities* kepada semua kaum kita. Walaupun kita tidak kira siapa yang menang pingat, sama ada mereka Melayu, Cina, India, Kadazan, Dayak, Orang Asli dan sebagainya, mereka semua adalah wira-wirawati Malaysia.

Akan tetapi pada masa yang sama kita harap bahawa semua masyarakat diberikan peluang, diberikan ruang untuk membangunkan sukan-sukan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Paralimpik dan juga di Olimpik baru ini ada atlet India yang mencapai prestasi yang baik contohnya Nauraj Singh dalam acara lompat tinggi, *high jump* yang menghampiri rekod kebangsaan dan juga saudara Krishna dalam acara 100 meter di Paralimpik yang sekali lagi walaupun tidak berakhiran di podium tetapi mereka juga terlibat.

Usaha saya adalah untuk memastikan bahawa selepas ini kita akan bincang bagaimana kita dapat memastikan bahawa dalam sukan-sukan yang suatu ketika dahulunya sinonim dengan masyarakat India seperti hoki, olahraga dan sebagainya ada peluang-peluang yang diberikan. *We don't want to be accused of not giving the opportunities*, dengan izin. Selebihnya adalah dari segi merit.

Namun begitu, *good news for* Yang Berhormat, saya percaya dan yakin, mungkin untuk Tokyo 2020 kita akan melihat seorang atlet daripada masyarakat India mendapat pingat sebab karate dikenal, dimasukkan sebagai dalam satu sukan tambahan di Sukan Olimpik Tokyo dan saudari Syakilla Salni Jefry Krisnan adalah nombor satu dunia sekarang ini dan harapan besar kita. *[Tepuk]* Sekali dengan saudara Yushamini dalam bidang skuasy, saudari Sivasangari adalah atlet junior yang telah pun menang kejohanan di peringkat remaja.

Tadi juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Hulu Rejang berkenaan dengan kebanyakan prasarana sukan di Sarawak. Di antara prasarana sukan yang telah dan akan dibangunkan di Sarawak Pusat Skuasy yang telah selesai dengan futsal yang banyak kita bina dan *insya-Allah* kita akan tambah pada tahun depan gelanggang futsal tahun 2015, 2016 di Serian dan Belaga dan di tempat-tempat lain.

Kita ada Program Pembangunan Bola Sepak Negara di Sarawak, Akademi Tunas di Kuching, Miri, Bintulu, Bauk. Kita ada Pusat Latihan Daerah Kuching, Miri, Belaga dan Bintulu. Kita ada Sekolah Sukan Negeri Sarawak yang akan kita perkasakan dan mudah-mudahan

SUKMA baru-baru ini dia akan memberi rangsangan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Malaysia untuk menambah kemudahan-kemudahan yang ada di negeri Sarawak.

Tadi ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi berkenaan dengan program akuatik tidak terjejas kerana penutupan pusat akuatik di Parlimen Tanjong. Memang betul Pusat Akuatik Bukit Jalil ditutup untuk kerja-kerja penambahbaikan bagi Sukan SEA dan terpaksa kita tutup sebab kita ada masalah dengan bumbung yang tidak cukup luas apabila ada hujan, hujan itu akan melimpah dan tempiasnya akan masuk ke dalam *diving platform* kita dan itu menjelaskan kualiti platform tersebut dari segi licin dan dari segi angin yang mengganggu terjunan yang dibuat.

Oleh yang demikian, terpaksa kita tutup dan kita telah melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan yang ekstensif. Namun demikian, walaupun tidaklah sehebat dan semegah Bukit Jalil, mereka masih lagi berlatih di Pusat Akuatik Cheras buat masa ini di Malaysia. Selain itu program-program kita di luar negara di China masih lagi berterusan. Jadi sebahagian daripada atlet kita yang pulang daripada Olimpik telah pun ke China untuk menjalankan latihan supaya tidak ganggu.

Untuk makluman buat masa ini atlet terjun sedang berada di Kuching yang mempunyai atlet di pusat akuatik yang bertaraf antarabangsa dan mereka akan berlatih dan menjalankan kejohanan di situ. Jadi kita terpaksa, walaupun tutup seketika pusat akuatik tetapi kita masih lagi ada perancangan untuk memastikan bahawa latihan mereka tidak terganggu.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin juga bersama sebab saya tidak mempunyai peluang untuk berbahas dalam usul tadi dan saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan juga tahniah kepada semua atlet kita yang membanggakan dan mengharumkan nama negara.

Apa yang saya ingin ketengahkan adalah dari sudut pembangunan sukan itu, sejauh mana kepekaan pihak kementerian dari sudut kepatuhan syariah terutama dari sudut atlet sukan yang melibatkan atlet Muslim. Sebab kita tengok banyak atlet yang terkenal di peringkat antarabangsa yang memang mereka berpakaian sukan tetapi yang patuh syariah. Jadi sejauh mana perkara ini diamalkan di peringkat negara kita untuk menyeimbangkan pembangunan fizikal dan rohani terutama di kalangan atlet dan juga dari sudut kepatuhan syariah juga dari sudut penajaan.

Maknanya syarikat-syarikat yang halal atau yang patuh syariah yang tidak bercanggah dengan syariah yang menjadi penaja utama kepada pembangunan sukan sebab kita tidak mahu sumber-sumber yang haram terutama yang diberikan kepada yang Muslim yang boleh memberi kesan kepada mereka terutamanya yang Islam. Jadi sejauh mana kepekaan pihak kementerian untuk melihat pembangunan yang seimbang dari semua sudut yang merai semua keperibadian kaum dan agama untuk memastikan Malaysia dapat membangun sukan yang cemerlang, yang sempurna, sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Minta penjelasan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Saya hendak buat satu penjelasan bahawa saya difahamkan bahawa setelah menjadi Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat telah memberi dana yang sama banyak di antara Olimpik dan Paralimpik. Tahniah kepada beliau sebab itu adalah satu pendekatan yang terbaik. Pada waktu yang sama, ini juga Yang Berhormat telah menyebut bahawa sukan mesti merentasi sempadan politik.

Jadi saya cadangkan apabila bincang tentang atlet-atlet orang India nanti, jangan ketepikan ahli-ahli politik daripada pembangkang yang kami juga boleh memberi fikiran yang bernas supaya kita sama-sama memajukan bidang sukan di negara kita. So, harap Yang Berhormat Menteri timbangkan cadangan itu, jangan dua-dua Timbalan Menteri sahaja dipanggil untuk berbincang, kami pun ada pakar-pakar di sebelah sini yang mempunyai pandangan-pandangan yang boleh membangunkan bidang sukan di negara kita. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Rantau Panjang, Yang Berhormat daripada Kapar atas cadangan-cadangan tadi. Ahli Yang Berhormat daripada Kapar, saya mengalu-alukan bila-bila waktu dan masa Ahli Yang Berhormat mahu untuk berjumpa dan membincangkan masa depan sukan masyarakat India cuma hendak bagi penjelasan sedikit, bukan saya yang panggil Menteri Kesihatan dan juga Timbalan Menteri Dato' Sri Devamany. Mereka sendiri yang minta berjumpa dengan saya dan kalau Ahli Yang Berhormat hendak ada *appointment* juga untuk kita bincang, bila-bila masa pada sidang Parlimen ini boleh kita duduk semeja untuk bincang perkara ini.

■1530

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jadi, saya kena panjangkan kepada merekalah lain kali ajak juga kami. *Thank you* Yang Berhormat Menteri untuk penjelasan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Itu bukan niat kita Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apasal jawab? Saya cakap dengan Menterilah.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Tak apa, sabar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Thank you. Thank you Menteri for your...*

**Tuan Khairy Jamaluddin:** *We can talk, we can talk.* Untuk Yang Berhormat Rantau Panjang, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang atas perkara yang dibangkitkan tadi, teguran kepada Kementerian Belia dan Sukan. Sudah pasti Kementerian Belia dan Sukan menggalakkan atlet-atlet kita yang beragama Islam untuk mereka sendiri membuat keputusan untuk mematuhi apa sahaja keperluan dari segi syariah. Kita sentiasa peka dalam perkara tersebut.

Sebagai contoh, kita ambil contoh Paralimpik baru-baru ini, pelari Paralimpik negara Siti Noor Isah Mohamad Ariffin. Beliau telah berlari memakai pakaian sukan yang mematuhi syariah. Kita sentiasa memberi alternatif kepada mereka supaya dapat menggalakkan perkara tersebut. Perkara yang penting adalah kita serahkan kepada mereka buat keputusan. Satu lagi contoh untuk makluman Yang Berhormat, pasukan bola jaring kita, *netball* kita. Dahulu semua pakai skirt.

Sekarang ini atas permintaan mereka sendiri dan dengan kerjasama persatuan, dengan kerjasama Majlis Sukan Negara, kita *develop* pakaian yang mematuhi syariah. Ini juga semakin diterima di peringkat antarabangsa. Saya melihat di peringkat antarabangsa sebelum ini ada banyak kekangan tidak boleh dan sebagainya dan semakin banyak sukan yang telah pun membenarkan pakaian-pakaian yang mematuhi syariah.

Apa pun saya ucapkan terima kasih dan harap sentiasa dapat memberi teguran kepada kementerian supaya kita dapat menggalakkan perkara tersebut atas pilihan atlet itu sendiri. Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kapar, bangkitkan isu yang hampir sama. Sepintas lalu saya jawab keduanya. KBS seperti mana yang saya telah katakan tadi, tubuhkan satu program baru, Malaysian Athletes Career and Education (MACE). Namun begitu, bagi memastikan atlet-atlet yang masih aktif, KBS memberi penekanan kepada aspek pendidikan agar mereka mempunyai pakej pendidikan yang tertinggi yang termampu oleh atlet-atlet tersebut. Contohnya, tadi pagi Pandeleta ada bersama dengan kita. Petang dia tidak dapat bersama sebab terpaksa bergegas ke Universiti Malaya untuk *lecture* yang tidak dapat dielakkan. Jadi, kita sentiasa memikirkan bagaimana atlet yang masih lagi aktif dapat sama ada elau tambahan ataupun dapat peluang pendidikan dan sebagainya.

Tentang cadangan mewujudkan jawatan-jawatan tertentu kepada atlet-atlet semasa mereka masih aktif. Pihak JPA pernah mewujudkan skim jawatan kumpulan ahli sukan sebanyak 100 jawatan bagi membolehkan atlet berlatih tanpa risau akan kerjaya masing-masing. Tadi Yang Berhormat Kapar bangkitkan isu *short term contract*. Ini lebih common

kepada olahraga, di mana mereka diambil oleh negeri-negeri untuk bersaing ataupun untuk bertanding atas nama negeri tersebut buat kejohanan-kejohanan tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau atlet itu daripada Majlis Sukan Negara, mereka memang sudah ada elauan tetap. Ini kepada atlet-atlet yang mungkin tidak di bawah Majlis Sukan Negara dan merupakan atlet yang dipinjamkan oleh negeri-negeri tertentu. Ini berdasarkan kepada kemampuan negeri-negeri tersebut. *We can only accommodate those who are in the Majlis Sukan Negara program.* Mereka itu diberikan elauan setiap bulan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cadangkan mungkin ada perbincangan yang boleh dilakukan oleh KBS dengan pihak-pihak swasta seperti Adidas, Nike dan sebagainya dengan mempelawa mereka untuk menaja atlet-atlet kita. Dengan cara itu, *they will be fixed for long term contract, five years* walaupun mereka bersama dengan negeri dan sebagainya tidak apa. Apa yang kita boleh bagi balik kepada mereka, itu perlu bincang dengan pihak-pihak swasta ini. Sebagai contoh, mereka boleh memakai baju Malaysia tetapi ada lambang Adidas dan sebagainya. *There are room to explain, to discuss with them.*

Saya percaya dekat luar negara benda-benda ini memang berlaku. So, saya minta Yang Berhormat ambil kesempatan ini berbincang dengan jenama-jenama yang ada, pihak-pihak swasta yang ada. Saya rasa atlet kita dalam situasi yang memuncak sekarang. Ini adalah masa yang terbaik kita panggil dan bincang dengan pihak swasta dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tersebut dan akan kita kaji dan kita usahakan. Yang Berhormat Pokok Sena, bangkitkan isu satu ketika dahulu atlet-atlet kita ditempatkan di syarikat-syarikat kerajaan dan mendapat gaji dan mereka berlatih ataupun mereka terus dengan latihan juga pertandingan. Kita telah melalui satu proses perubahan sejak zaman 1980-an, di mana sekarang ini lebih kepada *professionalization of sports*, dengan izin. Kedudukan tersebut mungkin berlaku apabila sukan itu masih lagi dianggap sebagai *amateur pursuit*. Tidak ada Majlis Sukan Negara, tidak ada elauan yang kita bagi secara bulanan dan sebagainya. Namun demikian, saya suka cadangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena sebab bagi saya, kerajaan dan Majlis Sukan Negara tidak boleh menampung semua atlet dan masih lagi ada keperluan untuk syarikat-syarikat, terutamanya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk mengambil atlet-atlet ini sebagai kakitangan mereka.

Kita telah mula perbincangan melalui Malaysian Athletes Career and Education (MACE) Program supaya kita dapat kembalikan. Akan tetapi dengan syarat mereka ini dapat diberikan tumpuan kepada sukan mereka dan ini dianggap sebagai satu sumbangan daripada syarikat-syarikat kepada sukan negara. Oleh sebab kita dapati walaupun kita dapat menampung hampir semua atlet kebangsaan tetapi masih lagi ada keperluan. Contoh yang paling jelas, saudara

Azizulhasni Awang. Penajaan beliau dikongsi antara Majlis Sukan Negara dan Yayasan Sime Darby.

Walaupun beliau tidaklah seorang staf Yayasan Sime Darby tetapi beliau dapat kontrak jangka masa panjang sebelum ini daripada Sime Darby yang menampung kos latihan, kos pertandingan dan juga menampung sara hidup beliau di Melbourne. Jadi, kita kena cari lebih banyak ruang untuk syarikat-syarikat swasta membantu dari segi kos latihan dan juga untuk menampung kos sara hidup atlet kita dan mungkin cadangan tersebut saya akan bawa ke pihak syarikat-syarikat yang berkenaan supaya mereka dapat membantu kita juga.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu perkara lagi yang harus difikirkan juga ialah dalam konteks bola sepak. Kadang-kadang kita lihat bahawa ada negeri yang mampu beri, bayar kepada pemain itu dengan satu jumlah harga yang tinggi. Ada negeri yang tidak mampu sehingga kadang-kadang macam yang sebelah Yang Berhormat, negeri dia besar *kelembui*, menghadapi masalah untuk bayar kepada pemain dan juga negeri-negeri yang lain.

Tidak kah kerajaan, Kementerian Belia dan Sukan ini perlu melihat supaya mesti ada had, *limit* nak bayar kepada pemain itu. Jangan sampai akhirnya menghadapi masalah balik kepada pemain, pada negeri-negeri. Terpaksa ambil perbadanan punya duit nak tampung itu, ini dan sebagainya. Ini *problem* yang dihadapi oleh sesetengah negeri yang menghadapi masalah kewangan dari segi pembiayaan pemain.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ahli Yang Berhormat, masalah ini sebenarnya satu perkara yang sangat sukar untuk ditangani. Saya akan jelaskan kenapa. Oleh sebab apabila kita menjanjikan seseorang atlet, dalam kes ini seorang pemain bola sepak, bahawa sukan adalah kerjaya, sukan adalah satu kerjaya yang sangat lumayan dari segi pendapatan. Mereka hari ini tidak pernah mengimpi gaji yang dibayar hari ini. Ada pemain-pemain kebangsaan yang bermain dengan kelab-kelab yang mempunyai sumber kewangan yang besar yang mendapat gaji sehingga RM100,000 sebulan. Satu ketika dahulu dapat RM20,000 itu kira banyak. Sekarang ini RM100,000 *plus a month*, dengan izin.

#### ■1540

Apabila kita buat dan kita menjanjikan atlet bahawa *you can succeed through sports*, dengan izin, tetapi datang pula *regulations* yang baru, yang mengatakan bahawa kita kena sekat dan perlu kita hadkan gaji tersebut, maka teras ataupun niat kita untuk melihat sukan itu boleh menjadi satu pentas di mana anak-anak muda kita mendapat pendapatan yang besar terjejas.

Tetapi sebaliknya saya faham juga sebab apabila wujud keadaan pada hari ini, wujud keadaan yang tidak seimbang di mana mungkin dua tiga kelab sahaja, dua tiga negeri sahaja

yang mampu memberi gaji yang besar dan mungkin yang lain susah untuk bersaing daripada segi pendapatan kewangan. Perkara ini kita akan cuba bincangkan di peringkat FAM. FAM akan ada pemilihan awal tahun depan dan perkara ini saya rasa akan kita bincang, saya akan bincang bersama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia bagaimana kita dapat mengatasi masalah tersebut. Satu pihak mengatakan bahawa biarlah pasaran terbuka menentukannya. Satu pihak lain kata bahawa ini tidak adil dan perlu kita ada siling daripada segi gaji dan juga daripada segi perbelanjaan untuk pemain-pemain.

Apabila kita banyak sangat belanja untuk pemain-pemain, akibatnya, pembangunan diabaikan. Sebab, kalau persatuan sukan itu— macam Yang Berhormat kata tadi, betul, terpaksa minta daripada perbadanan pembangunan ekonomi negeri untuk menampung gaji *players*, tidak ada sumber kewangan untuk membangunkan akademi bola sepak yang hari ini sepenuhnya dibuat oleh kerajaan melalui program pembangunan bola sepak negeri. Jadi, kesannya berganda. Bukan hanya daripada segi kesan ketidakseimbangan kualiti dan mutu pasukan dalam Liga Malaysia tetapi juga daripada segi pembangunan juga. Akan tetapi poin ini saya tidak ada jawapan hari ini tetapi memang perkara ini sedang dalam perhatian saya bagaimana kita dapat mengelak daripada inflasi pendapatan bola sepak negara ini menjadi suatu masalah yang boleh melebarkan jurang antara satu dua pasukan dengan pasukan-pasukan yang lain atau negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Sekijang membangkitkan satu perkara— yang akhir sekali Yang Berhormat— iaitu cadangan memasukkan kategori bawah 13 tahun dalam SUKMA bagi peluang kepada pelapis yang biasanya bertanding di MSSM/MSSD supaya kita dapat mencungkil bakat mereka.

Buat masa ini, Yang Berhormat Sekijang, kita masih lagikekalkan pemain ataupun atlet kita bawah usia 13 tahun di peringkat MSSM/MSSD di peringkat program TID, *Talent Identification*, di peringkat program *Multilateral Training* di bawah Institut Sukan Negara. Ini disebabkan daripada segi falsafah pembangunan atlet, pertandingan peringkat tinggi untuk atlet bawah usia 13 tahun— kita dah buat kajian di peringkat Institut Sukan Negara— menunjukkan bahawa pendedahan pertandingan yang terlalu tinggi, terlalu berstruktur kepada atlet yang belum mencapai kematangan boleh sebenarnya membantutkan perkembangan kemahiran jangka masa panjang sebab mereka belum lagi *mature* daripada segi fizikal mereka dan sebagainya dan apabila mereka didedahkan kepada pertandingan tiap-tiap minggu terlalu *structured*, dengan izin...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [Bangun]**

**Tuan Khairy Jamaluddin:** ...Maka, ia boleh menjelaskan pembangunan sukan masa depan mereka. Ya, Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya mencadangkan supaya umur 13 tahun ini kita benarkan untuk bertanding dalam SUKMA ialah tadi kalau kita dengar rakan-rakan ada sebut, kita hendak menggalakkan ibu bapa ini supaya memberi semangat atau rangsangan kepada anak-anak kita. Jadi sekurang-kurangnya, apabila anak-anak mereka ini diberi peluang untuk bertanding dalam SUKMA, terutamanya dalam sukan yang kita rasa berprestasi tinggi dalam negara kita, jadi ini akan memberi ruang kepada ibu bapa melihat prospek anak-anak mereka ini akan mendapat peluang yang lebih baik. Itu yang pertama. Dan yang kedua, dia akan melihat sukan ini merupakan sebuah kerjaya untuk masa depan bagi anak-anak mereka itu sendiri. Itu pandangan daripada saya. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih. Terima kasih atas pandangan. Ahli Yang Berhormat, kita bagi pengecualian bagi beberapa sukan. Contohnya gimrama, kita benarkan bawah usia 13 tahun sebab gimrama ini ia mula lebih awal lagi. Saya terpaksa mengimbangi soal pendedahan dengan menjaga pembangunan atlet-atlet yang muda ini supaya kita pastikan bahawa mereka tidak terbantut daripada segi pembangunan mereka.

Namun apa-apa pun, saya akan melihat bagaimana kita dapat banyakkan lagi pertandingan bagi mereka tanpa kita menjelaskan masa depan mereka untuk *development sports*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini sangat penting, saya sebut adalah *result is not everything*. Bawah usia 13 tahun, ada kecenderungan di kalangan ibu bapa terutamanya saya tengok di kalangan ibu bapa yang hantar anak mereka ke program pembangunan bola sepak, mereka hendakkan *results* sedangkan corak permainan itu belum lagi matang, corak permainan itu masih lagi hantar bola lambung ke atas dan mengharapkan gol sedangkan usia 13 tahun ke bawah ini, kita nak membina corak permainan yang betul dahulu tanpa kita melihat kepada keputusan semata-mata.

Jadi saya akan ambil cadangan tersebut yang merupakan cadangan yang baik daripada segi galakan itu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** ...Dan kita melihat apa yang kita boleh buat tanpa menjelaskan masa depan. Yang Berhormat Kapar *last* ya sebab saya nak kena gulung.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Last but not least.* Tentang bola sepak, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang bola sepak ini, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, kita dekat sekolah ini ada *under 12*, lepas itu kita terus ada *under 15*. Masalah ialah bila pemain ini bermain untuk *under 12*, dia masuk umur 13 tahun, takkan dipilih untuk *school team because school* itu nak menang. Mana-mana pertandingan yang dia nak pergi dia nak menang. So dia letak usia 15 tahun. So *what happen to the guy* yang berumur 13 tahun? Di sini tak ada kesinambungan.

Saya cadangkan kita *follow* apa yang berlaku di Brazil, *under 12, under 14, under 16, under 18, under 20*. So ada perancangan yang tertentu. Ini cadangan untuk Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Untuk makluman Yang Berhormat Kapar, cadangan yang baik itu memang sudah pun dilaksanakan sejak dua tahun yang lepas. *We now have different age group categories* supaya mereka yang di bawah 13 tahun dipilih dan sebagainya. Itu satu perubahan yang sangat-sangat penting yang dibuat.

Saya pun baru-baru ini telah mengadakan perjumpaan dengan Bahagian Pembangunan Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia supaya mereka dapat sampaikan kepada pengetua-pengetua sekolah jangan *pressure* jurulatih untuk semata-mata menang sebab corak permainan itu juga penting. Sekarang ini KPI jurulatih kena menang, kalau tidak kena ganti. So, *we must understand that development sport especially for young kids*, dengan izin, bukanlah semata-mata *result* tetapi untuk pembangunan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma nak memperbetulkan sedikit. Kenaikan gaji jurulatih tadi saya sebut 15 peratus, memang 15 peratus. *Just* secara rekod sekiranya tersasul tadi.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan dan saya jemput semua Ahli Yang Berhormat— saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas sokongan yang diberikan ke atas usul ini dan memandangkan atlet kita sebahagian besar daripada mereka masih lagi bersama dengan kita, saya jemput semua kita sekali lagi memberi penghargaan Parlimen Malaysia kepada mereka. *[Tepuk]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di bawah Perkara 1 itu tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN PEGUAM BELA (SABAH) (PINDAAN) 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.48 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela Sabah [Sabah Bab 2] dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya, cadangan pindaan kepada Ordinan Peguam Bela Sabah yang saya akan rujuk sebagai Ordinan Peguam Bela Sabah merangkumi tiga hal perkara. Satu, adalah bertujuan untuk menubuhkan Pertubuhan Undang-undang Sabah yang pada masa ini dikenali sebagai Persatuan Undang-undang Sabah; keduanya ialah cadangan pindaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Sabah; dan selainnya ialah meminda Ordinan Peguam Bela bagi maksud keselarasan dengan Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166] khususnya berhubung dengan prosiding tatatertib dan pindaan-pindaan berbangkit yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Baru III yang dicadangkan ini mengandungi seksyen baru 7A hingga 7F yang memperuntukkan hal perkara berhubung dengan Pertubuhan Undang-undang Sabah.

#### **■1550**

Seksyen baru 7A memperuntukkan penubuhan pertubuhan undang-undang Sabah untuk menjadi wakil dan badan kawal selia untuk profesion itu agar segala objektif dan kuasa pertubuhan undang-undang Sabah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Perlembagaan pertubuhan undang-undang Sabah pula diperuntukkan dalam bahagian baru VI manakala seksyen baru 7B memerkatakan meterai perbadanan pertubuhan undang-undang sabah.

Seksyen baru 7C pula memberi pertubuhan undang-undang Sabah kuasa untuk mengeluarkan sijil tahunan bagi pengamal undang-undang. Pertubuhan Undang-undang Sabah juga diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia pengeluaran sijil tahunan itu dan kaedah-kaedah tersebut perlu ditandatangani oleh Presiden Pertubuhan Undang-undang Sabah dan disiarkan dalam warta kerajaan Sabah.

Seksyen baru 7D memerkatakan pengeluaran satu sijil tahunan itu dalam keadaan tertentu yang dinyatakan dalam seksyen yang berkenaan.

Seksyen baru 7E pula memperuntukkan permohonan kepada hakim besar untuk suatu perintah mengarahkan pertubuhan undang-undang Sabah untuk mengeluarkan sijil tahunan kepada peguam bela yang dikehendaki membuat permohonan di bawah seksyen ini atau peguam bela yang tidak berpuas hati dengan keengganan, kecuaian atau kelewatan dalam pengeluaran sesuatu sijil tahunan kepadanya.

Seksyen baru 7F memperkatakan kehendak pertubuhan undang-undang Sabah untuk menyelenggara satu daftar nama firma.

Cadangan pindaan selanjutnya adalah berhubung dengan meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Sabah. Cadangan pindaan ini adalah bagi maksud keselarasan dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Profesional Undang-undang 1976 melalui Akta Profesional Undang-undang (Pindaan) 2012 Akta A1444 bagi meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Semenanjung Malaysia berlandaskan keputusan Jemaah Menteri pada 14 November 2008 supaya kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan meliberalisasikan sektor perkhidmatan di bawah seliaan masing-masing bagi memperkuuh perbadanan dan meningkatkan pengaliran pelaburan ke dalam negara.

Sesungguhnya perdagangan perkhidmatan merupakan komponen yang penting dalam perdagangan antarabangsa bagi negara maju dan juga negara yang membangun. Sektor perkhidmatan pula dijangka akan memberi lebih peluang pekerjaan kepada pekerja mahir dan berpendidikan. Sektor ini juga berpotensi untuk menawarkan pendapatan yang lebih tinggi.

Jemaah Menteri juga telah bersetuju untuk mempercepatkan liberalisasi beberapa sektor perkhidmatan dengan membenarkan 100% ekuiti asing mulai tahun 2008. Bagi menyahut seruan kerajaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan, Persatuan Undang-undang Sabah telah menyatakan kesediaannya untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Sabah secara progresif. Sektor perkhidmatan perundangan yang akan diliberalisasikan hanya melibatkan kemasukan perkhidmatan perundangan asing di Sabah yang tertakluk kepada Ordinan Peguam Bela Sabah.

Secara umumnya tujuan liberalisasi ini adalah untuk mengembangkan kepakaran dan pengkhususan profesion undang-undang di Malaysia. Sehubungan dengan itu Akta Profesional Undang-undang 1976 yang hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia telah dipinda dan memandangkan undang-undang yang mengawal profesion guaman di Sabah ialah Ordinan Peguam Bela Sabah. Pindaan yang sama ini dicadangkan untuk dimasukkan dalam Ordinan Peguam Bela Sabah untuk memberi kesan terhadap liberalisasi tersebut. Cadangan pindaan kepada Ordinan Peguam Bela Sabah membolehkan firma asing menjalankan amalan di Sabah dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui perkongsian antarabangsa atau lesen firma guaman asing berkelayakan.

Firma guaman Sabah juga boleh mengambil peguam asing tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Liberalisasi ini sektor perkhidmatan perundangan di Sabah dijangka akan memberi pelbagai manfaat kepada negeri itu antara lainnya seperti berikut:

- (i) penambahan kepakaran dalam bidang amalan undang-undang yang dibenarkan terutamanya bidang kewangan Islam dan atau hutang antarabangsa dan pasaran kapital ekuiti, aset sekuriti, produk berstruktur dan berbentuk terbitan dan perbankan dan transaksi korporat;
- (ii) pemindahan teknologi daripada pakar khidmat guaman asing kepada peguam-peguam Sabah. Perpindahan teknologi ini dapat dilaksanakan melalui kerjasama firma guaman asing dengan firma guaman Sabah dengan menjalankan amalan undang-undang dan pentadbiran bersama di bawah perkongsian antarabangsa. Pemindahan teknologi juga boleh berlaku apabila firma guaman asing yang menjalankan amalan undang-undang ini di Sabah mengambil peguam Sabah untuk bekerja. Kaedah ini dapat membentuk satu persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik pelabur, teknologi serta menjana peluang pekerjaan bertaraf tinggi; dan
- (iii) penjenamaan firma-firma guaman Sabah yang telah mendapat lebih pendedahan melalui kerjasama dengan rakan kongsi asing yang mempunyai reputasi tinggi dan dikenali di arena antarabangsa. Usaha ini dapat menarik pelanggan asing di rantau ini untuk mendapatkan perkhidmatan perundangan yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguam Bela Sabah secara amnya memperuntukkan hanya peguam yang mempunyai sijil amalan guaman dan yang mempunyai kaitan dengan Sabah sahaja yang layak menjalankan atau dibenarkan untuk menjalankan amalan undang-undang di Sabah. Penerimaan masuk peguam asing ke Sabah hanya dibolehkan melalui penerimaan masuk dalam hal-hal tertentu melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 10, Ordinan Peguam Bela Sabah.

Kaedah yang terhad ini dilihat sebagai tidak mencukupi untuk membantu kerajaan dalam mencapai objektif mengembangkan sektor perkhidmatan perundangan di Malaysia. Bagi merealisasikan objektif tersebut, Ordinan Peguam Bela Sabah wajarlah dipinda untuk membolehkan kemasukan firma guaman asing dan memudahkan kemasukan peguam asing ke Sabah.

Jabatan Peguam Negara bersama Persatuan Undang-undang Sabah telah merangka dan menggubal pindaan terhadap Ordinan Peguam Bela Sabah yang berkaitan dengan

liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan pindaan terhadap Ordinan Peguam Bela Sabah ini turut menitikberatkan langkah-langkah perlindungan seperti keperluan firma guaman asing dan peguam asing mendapatkan lesen dan didaftarkan sebelum menjalankan amalan undang-undang di Sabah, mempunyai kelayakan yang setaraf dengan peguam di Sabah dan mempunyai kepakaran yang relevan dengan keperluan negara seperti yang ditetapkan di bawah bidang amalan yang dibenarkan.

Melalui pindaan yang dicadangkan, peguam-peguam asing boleh memasuki Sabah untuk menjalankan bidang amalan yang dibenarkan melalui tiga kaedah seperti berikut:

- (i) perkongsian antarabangsa, *international partnership*, dengan izin;
- (ii) firma guaman asing berkelayakan, *qualified for the law firms*; dan
- (iii) peguam asing yang bekerja di bawah firma guaman Sabah.

Badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan lesen untuk firma guaman asing dan mendaftarkan peguam asing ialah pertubuhan undang-undang Sabah. Dalam hal ini pertubuhan undang-undang Sabah dikehendaki mengambil kira syor daripada jawatankuasa pemilihan yang akan dipengerusikan bersama oleh Peguam Besar Negeri Sabah dan Presiden Pertubuhan Undang-undang Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian baru VII yang dicadangkan ini akan dimasukkan seksyen baru iaitu 14A hingga 14O. Seksyen baru 14A memperuntukkan tentang takrif perkataan tertentu yang digunakan dalam bahagian-bahagian ini.

Seksyen baru 14B pula memperuntukkan tentang kehendak untuk sesuatu firma guaman asing dilesenkan mengikut peruntukan di bawah bahagian baru yang ingin menjalankan amalan di Sabah.

Selanjutnya seksyen baru 14C, 14D dan 14E memperkatakan tentang hal-hal yang berhubung dengan jawatankuasa pemilihan. Seksyen baru 14C ialah berhubung dengan penubuhan suatu jawatankuasa pemilihan, *selection committee*, dengan izin untuk memberikan syor kepada pertubuhan undang-undang Sabah berhubung dengan pemberian lesen kepada perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan dan firma guaman Sabah yang berhasrat untuk mengambil bekerja peguam asing untuk menjalankan bidang amalan yang dibenarkan di Sabah.

Jawatankuasa pemilihan ini juga memberikan syor kepada pertubuhan undang-undang Sabah berhubung dengan pendaftaran bagi peguam asing untuk mengamal dalam bidang amalan yang dibenarkan. Selain itu seksyen baru 14C juga memperuntukkan bahawa Peguam Besar Negeri Sabah dan Presiden Pertubuhan Undang-undang Sabah akan mempengerusikan jawatankuasa pemilihan secara bersama. Jawatankuasa pemilihan tersebut nanti akan dianggotai oleh peguam besar negeri, presiden pertubuhan undang-undang Sabah, seorang pegawai daripada sektor awam yang dilantik oleh Peguam Besar Negeri Sabah dan dua orang

anggota pertubuhan undang-undang Sabah yang dilantik oleh pertubuhan undang-undang Sabah.

Seksyen baru 14D pula memperuntukkan tentang pelantikan seseorang sebagai anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa pemilihan sebagai ganti kepada anggota yang tidak dapat hadir ke mesyuarat jawatankuasa pemilihan atas apa-apa sebab. Tatacara tentang mesyuarat jawatankuasa pemilihan pula diperuntukkan oleh seksyen baru 14E.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian baru VII yang dicadangkan ini selanjutnya mengandungi seksyen baru 14F, G, H, I, J dan K yang memperkatakan tentang kaedah bagaimana firma guaman asing serta peguam asing boleh memasuki Sabah untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dan juga memperuntukkan kuasa pertubuhan undang-undang Sabah untuk menggantung atau membatalkan lesen yang telah diberikan kepada firma guaman asing yang berkenaan dan juga untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran peguam asing atas alasan-alasan yang dinyatakan dalam seksyen yang berkenaan.

#### ■1600

Seksyen baru 14L, memperuntukkan bahawa perkongsian antarabangsa firma guaman asing berkelayakan dan peguam asing yang berdaftar hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang terpakai kepada peguam bela di bawah Ordinan Peguam Bela Sabah yang berkaitan dengan kelakuan dan etika dan profesional. Manakala, seksyen baru 14M memperuntukkan bahawa peguam asing yang berdaftar adalah tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib bagi maksud tindakan tatatertib.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 14N pula memberi Pertubuhan Undang-undang Sabah kuasa kepada untuk meminta perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan, firma guaman tempatan atau firma asing untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang tertentu dalam memastikan pemantauan kepada bahagian baru tersebut.

Seksyen baru 14O pula memberi Pertubuhan Undang-undang Sabah kuasa untuk membuat kaedah-kaedah yang berkaitan di bawah Ordinan Peguam Bela.

Berkenaan dengan peruntukan menggunakan peguam asing menjalankan amalan di Sabah, Perkara 161B Perlombongan Persekutuan menyatakan mana-mana peruntukan yang dibuat melalui atau di bawah sesuatu akta Parlimen yang memberikan hak dengan menghapuskan atau mengubah kelayakan permastautin untuk menjalankan amalan di Sabah atau Sarawak, peruntukan itu tidak boleh berkuat kuasa sehingga diterima pakai di dalam negeri-negeri itu melalui satu enakmen badan perundangannya.

Oleh hal yang demikian, Bahagian VII hanya boleh dikuatkuasakan selepas diterima pakai di Sabah melalui satu enakmen badan perundangan negeri itu. Perkara ini jelas diperuntukkan dalam sub fasal 1(3) rang undang-undang ini. Bagi hal perkara yang melibatkan

pegawai bela dan peguam cara daripada Semenanjung Malaysia yang ingin menjalankan amalan di Sabah, mereka masih terikat dengan prosedur sedia ada yang diperuntukkan dalam Ordinan Peguam Bela dan peruntukkan baru bagi peguam asing yang ingin menjalankan amalan di Sabah tidak terpakai bagi peguam bela dan peguam cara daripada Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang disebut pada awal pembentangan ini, selain pindaan-pindaan yang berkaitan dengan penubuhan Pertubuhan Undang-undang Sabah dan liberalisasi sektor perkhidmatan perlindungan terdapat cadangan pindaan kepada Ordinan Peguam Bela yang digubal bagi maksud keselarasan dengan Akta Profesional Undang-undang 1976, khususnya berhubung dengan prosiding tatatertib dan pindaan-pindaan berbangkit yang lain.

Sesungguhnya Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela Sabah (Pindaan) terdiri daripada 31 fasal. Sebagai maklum, 31 fasal yang dimaksudkan yang termasuk pindaan-pindaan berbangkit yang lain adalah seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2, 5, 11 dan fasal 16 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru ke dalam ordinan untuk rujukan mudah.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 2 ordinan untuk memasukkan takrif baru dan memindah takrif sedia ada yang digunakan dalam ordinan. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 2(2) ordinan untuk memperuntukkan bahawa hanya warganegara Malaysia atau pemastautin tetap layak untuk diterima masuk sebagai seorang peguam bela di Sabah dan seseorang yang lahir di Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah juga disifatkan mempunyai pertalian dengan Sabah.

Fasal 4 bertujuan untuk memotong seksyen 3 ordinan dan memperuntukkan tanggungjawab pendaftar yang kini dicadangkan supaya diperuntukkan dalam seksyen 7, 9 dan 9B ordinan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1A) ordinan untuk memperuntukkan bahawa selain seorang Majistret Kelas Pertama, mana-mana orang lain telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan di negeri Sabah bagi satu tempoh tidak kurang daripada 12 bulan hendaklah dikira sebagai telah menjalani tempoh latihan yang dikehendaki untuk melayakkan diri diterima masuk sebagai seorang peguam bela.

Fasal ini juga bertujuan untuk menaikkan tempoh bagi seseorang peguam bela dan pengamal undang-undang mengikut mana-mana yang berkenaan, yang engannya pelatih itu boleh menjalani latihan daripada tempoh lima tahun pada masa sekarang kepada tujuh tahun dan untuk memasukkan subseksyen baru 4(1C), (1D) dan (1E) ke dalam ordinan yang

memperuntukkan amalan semasa untuk berkhidmat bagi bahagian latihan yang berlainan dengan pengajar yang berlainan dan untuk memperuntukkan bagi pelatih permulaan latihan dalam kamar apabila seseorang lulus peperiksaan yang dikehendaki untuk diterima masuk sebagai seorang peguam bela di bawah ordinan.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam ordinan untuk membolehkan pelatih hadir bagi pihak pengajar atau firma pengajarnya di hadapan mahkamah untuk menjalankan tindakan guaman atau perkara.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 5 ordinan untuk menjelaskan cara permohonan untuk diterima masuk sebagai seorang peguam bela.

Fasal 9 bertujuan untuk menggantikan seksyen 7 ordinan berhubung dengan pendaftaran peguam bela yang disimpan oleh pendaftar dan kewajipan pendaftar berkenaan dengan daftar itu.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru III yang mengandungi seksyen baru 7A, 7B, 7C, 7D, 7E dan 7F ke dalam ordinan dan penerangan berhubung dengan cadangan pindaan ini telah pun dibuat pada awal pembentangan iaitu:

Pertama, seksyen baru 7A memperuntukkan penubuhan Pertubuhan Undang-undang Sabah untuk menjadikan wakil dan badan kawal selia untuk profesion itu. Perlembagaan Pertubuhan Undang-undang Sabah dinyatakan dalam Bahagian VI.

Kedua, seksyen baharu 7B memperkatakan memeterai perbadanan Pertubuhan Undang-undang Sabah.

Ketiga, seksyen baru 7C, bertujuan untuk memberikan Pertubuhan Undang-undang Sabah kuasa untuk mengeluarkan sijil tahunan kepada pengamal undang-undang dan untuk membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia pengeluaran sijil tahunan itu.

Keempat, seksyen baru 7D memperkatakan pengeluaran satu sijil tahunan itu dalam keadaan tertentu.

Kelima, seksyen baharu 7E memperuntukkan permohonan kepada Hakim Besar untuk satu perintah mengarahkan Pertubuhan Undang-undang Sabah untuk mengeluarkan sijil tahunan kepada peguam bela yang dikehendaki membuat permohonan di bawah seksyen itu atau peguam bela yang tidak puas hati dengan keengganan, kecuaian atau kelewatan dalam pengeluaran sesuatu sijil tahunan kepadanya.

Keenam, seksyen baharu 7F memperkatakan kehendak Pertubuhan Undang-undang Sabah untuk menyelenggara satu daftar nama firma.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 8 ordinan selaras dengan penubuhan Mahkamah Rayuan dan untuk membolehkan peguam bela dari Sabah untuk hadir di hadapan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan apabila bersidang di Sabah untuk mendengar

apa-apa rayuan yang berasal daripada keputusan Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah di Sabah.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 9 ordinan untuk memperuntukkan keperluan bagi permohonan sijil untuk menjalankan amalan dan menentukan kriteria pengeluaran sijil untuk menjalankan amalan oleh pendaftar.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 9A dan 9B ke dalam ordinan. Seksyen baharu 9A menetapkan keadaan yang akan mewajarkan seorang peguam bela untuk memohon satu sijil untuk menjalankan amalan. Seksyen baharu 9B memperuntukkan bagi perkara yang berhubung dengan daftarai peguam bela yang disimpan oleh pendaftar.

Fasal 15 bertujuan untuk menggantikan seksyen 10 ordinan untuk menjelaskan bagaimana penerimaan masuk secara ad hoc dibuat dan hal keadaan ia boleh dibuat. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan fi yang kena dibayar bagi menampung kos permohonan dan untuk menyimpan suatu data yang berasingan bagi penerimaan masuk tersebut.

Fasal 17 bertujuan untuk memotong seksyen 12 ordinan berbangkit daripada pengenalan tatacara tertib yang baharu di bawah seksyen baharu 12A.

Fasal 18 bertujuan untuk menggantikan seksyen 12A ordinan bagi menuahkan Lembaga Tatatertib untuk berurusan dengan semua prosiding tatatertib berhubung dengan peguam bela.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 12B, 12C, 12D, 12E, 12F, 12G, 12H, 12I, 12J, 12K, 12L dan 12M ke dalam ordinan.

## ■1610

Seksyen baru 12B memperkatakan tentang kesalahan dan hukuman tertib. 12C menetapkan tatacara bagi aduan terhadap peguam bela atau pelatih. 12D mengehendaki lembaga tatatertib untuk memberikan kepada peguam bela tersebut satu peluang yang munasabah untuk didengar. Lembaga tatatertib juga hendaklah menyampaikan kepada peguam bela aduan yang dibuat terhadapnya dan notis untuk hadir di hadapan lembaga tatatertib.

12E menetapkan kuasa lembaga tatatertib berhubung dengan prosiding yang termasuklah pengeluaran satu sapina dan kesannya jika mana-mana orang yang padanya disampaikan sepinya itu gagal hadir dalam prosiding. 12F bertujuan untuk membolehkan lembaga tatatertib meneruskan prosiding dalam ketidakhadiran orang itu. 12G memperkatakan dapatan lembaga tatatertib. 12H memperkatakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan lembaga tatatertib. 12I memperuntukkan kuasa kepada lembaga tatatertib untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan prosiding tatatertib.

12J memperuntukkan bagi penubuhan kumpulan wang tata tertib. 12K memperkatakan pembayaran fi, denda dan sebagainya ke dalam kumpulan wang tata tertib. 12L bertujuan untuk melindungi tindakan ahli lembaga tata tertib yang dilakukan dengan suci hati daripada tindakan undang-undang dan guaman dan sebagainya. 12M memperuntukkan bahawa bagi maksud prosiding tata tertib di bawah ordinan lima ordinan istilah *advocate*, dengan izin termasuklah seorang peguam asing yang berdaftar di bawah seksyen 14J ordinan.

Fasal 20 pula bertujuan untuk memotong seksyen 13 ordinan berbangkit daripada penubuhan lembaga tata tertib di bawah seksyen baru 12A. Fasal 21 pula bertujuan untuk memasukkan bahagian baru VI yang mengandungi seksyen baru 13A, 13B, 13C, 13D, 13E, 13F, 13G, 13H, 13I, 13J, 13K, 13L, 13M, 13N, 13O, 13P dan 13Q ke dalam ordinan.

Sebagai makluman berhubungan dengan pindaan ini telah pun disebut sebelum A iaitu seperti yang berikut. Seksyen baru 13A untuk menyatakan tujuan, bagi dan kuasa penubuhan undang-undang Sabah. 13B mengenai peruntukan mengenai ahli-ahli pertubuhan undang-undang Sabah.

13C memperkatakan yuran tahunan dan levi dan sebagainya untuk dibayar oleh ahli pertubuhan undang-undang Sabah. 13D mengandungi peruntukan mengenai jawatankuasa eksekutif. Seksyen baru 13E bertujuan untuk mengadakan kuasa tertentu jawatankuasa eksekutif. 13A bertujuan untuk mengadakan hak bagi jawatankuasa eksekutif untuk memeriksa fail bagi prosiding kebankrapan. 13G memperkatakan jawatankuasa-jawatankuasa eksekutif untuk menerima hadiah dan sebagainya bagi pihak pertubuhan undang-undang Sabah.

13H bertujuan untuk mengadakan hak bagi pertubuhan undang-undang Sabah untuk diwakili dalam mahkamah oleh mana-mana peguam. 13I mengandungi peruntukan mengenai mesyuarat jawatankuasa eksekutif. 13J mengenai peruntukan mengenai belanja ahli-ahli jawatankuasa eksekutif. 13K mengenai peruntukan mengenai mesyuarat agung tahunan pertubuhan undang-undang Sabah. 13L mengenai peruntukan mengenai mesyuarat agung pertubuhan undang-undang Sabah.

13M memperkatakan notis mesyuarat agung pertubuhan undang-undang Sabah. 13N mengandungi peruntukan mengenai kuorum mesyuarat agung pertubuhan undang-undang Sabah. 13O mengenai peruntukan mengenai pengundian pada mesyuarat agung pertubuhan undang-undang Sabah. 13P mengenai peruntukan mengenai peruntukan kewangan pertubuhan undang-undang Sabah yang akan diuruskan oleh jawatankuasa eksekutif. 13Q mengehendaki nama jawatankuasa eksekutif disiarkan dalam warta kerajaan Sabah.

Fasal 22 pula bertujuan untuk memotong seksyen 14 ordinan berbangkit daripada kemasukan seksyen 12H ke dalam ordinan. Fasal 23 pula bertujuan untuk memasukkan bahagian baru VII dan VIII ke dalam ordinan mengenai liberalisasi profesion undang-undang di Sabah. Secara amnya, tujuan liberalisasi adalah untuk mengembangkan kepakaran dan

pengkhususan profesional undang-undang di Malaysia. Selaras dengan itu, Akta Profesional Undang-undang 1976 yang hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia telah dipinda pada tahun 2012. Memandangkan undang-undang yang mengawal profesion guaman di Sabah ialah Ordinan Peguam Bela Sabah, pindaan yang sama dimasukkan ke dalam ordinan untuk memberi kesan kepada liberalisasi tersebut.

Pindaan kepada ordinan dengan memasukkan bahagian baru, bahagian VII akan membolehkan firma asing untuk menjalankan amalan di Sabah dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui perkongsian antarabangsa atau lesen firma guaman asing berkelayakan. Firma guaman asing tempatan Sabah juga boleh mengambil peguam asing tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Berkenaan berhubung dengan pindaan ini telah pun disebut dalam pembentangan sebentar tadi.

Fasal 24 pula bertujuan untuk menggantikan seksyen 15 ordinan yang sedia ada dengan seksyen baru yang mentakrifkan *unauthorized person*. Fasal 25 pula bertujuan untuk meminda seksyen 16 ordinan untuk memperluaskan kategori kesalahan yang boleh dilakukan oleh orang yang tidak diberi kuasa untuk menaikkan penalti bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan orang itu dan untuk memperluaskan skop orang yang dikecualikan yang termasuklah pemegang amanah raya, pegawai pemegang harta, pegawai penerima dan sebagainya.

Fasal 26 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16A, 16B, 16C, 16D dan 16E ke dalam ordinan. Seksyen baru 16A memperbolehkan pertubuhan undang-undang Sabah mengendalikan akaun bank klien bagi peguam bela yang telah mati. 16B membenarkan pertubuhan undang-undang Sabah untuk mengambil milik harta seorang peguam bela yang diisyiharkan bankrap dan sebagainya. 16C memperuntukkan bawah wakil diri bagi peguam bela yang telah mati adalah bertanggungan bagi perbuatan peguam bela berkenaan. 16D memberikan pertubuhan undang-undang Sabah untuk membuat kaedah-kaedah dengan berhubung dengan tanggung rugi profesional. 16E membenarkan pertubuhan undang-undang Sabah untuk menuuhukan, menyelenggara dan mentadbir satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pampasan.

Fasal 27 pula bertujuan untuk meminda seksyen 17 ordinan untuk memberi pertubuhan undang-undang Sabah kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan bukannya hakim besar. Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan jadual kedua ke dalam ordinan. Jadi kedua ialah berhubung dengan pengawalan harta peguam bela yang telah diisyiharkan bankrap atau bercelaru mental dan sebagainya. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen baru 16B atau berhubungan dengan wakil diri bagi peguam bela yang telah mati yang bertanggungan bagi perbuatan peguam bela berkenaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen baru 16C. Fasal 31 pula memperkatakan peruntukan kecuaian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap ordinan peguam bela merupakan satu langkah positif yang akan memperkuatkan ekonomi negara. Memantapkan sektor perundangan dan perkhidmatan negara secara amnya. Dengan kemasukan peguam asing sektor perkhidmatan perundangan di negeri Sabah dijangka akan lebih berkembang dan produktif serta dapat menggalakkan daya persaingan dan persekitaran yang sihat di antara di peringkat antarabangsa.

Selanjutnya, pindaan lain yang di cadangkan melalui rang undang-undang ini adalah penting bagi menambah baik peruntukan sedia ada untuk memastikan kepentingan orang ramai yang membuat aduan ataupun permohonan kepada pertubuhan undang-undang Sabah dapat diurus dengan lebih teratur, cepat dan kepentingan para peguam juga dilindungi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya memohon mencadangkan. Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa yang menyokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela Sabah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

#### 4.18 ptg.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Handsome*. Terima kasih juga saya ucapkan dan merekodkan terima kasih kepada Menteri yang bentang Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela Sabah di bawah D.R.5/2016. Sebagai rakyat negeri Sabah saya mewakili rakyat negeri Sabah untuk berterima kasih pada kerajaan kerana undang-undang ini sudah lama kita tunggu lebih daripada 20 tahun untuk memantapkan profesion undang-undang di negeri Sabah ini.

Saya difahamkan Kerajaan Negeri Sabah telah pun menyokong penuh agar rang undang-undang ini dapat diluluskan dengan serta-merta. Sebab ini, amat penting sebab apa yang berlaku pada rakyat di negara kita sekarang kita akan menjangkau negara kita sebagai negara maju dan rakyat berpendapatan tinggi. Kita telah pun berusaha untuk mewujudkan persefahaman kita perdagangan antarabangsa melalui TPPA dan RSAT dan banyak lagi. FTA-FTA yang ingin kita adakan dengan persetujuan dengan negara-negara asing. Jadi ini, kita mahu juga negara kita tidak ketinggalan ke belakang.

**■1620**

Jadi, saya berdiri untuk memohon menyokong rang undang-undang ini dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada – kalau kita menoleh belakang apa yang berlaku di Sabah, ketidaksenangan hati kepada segelintir pengamal undang-undang di negeri Sabah di mana ada yang along, ada juga yang menjadi broker, ada juga yang tukang angkat bakul. Jadi ini sebagai seorang profesional, kita mesti menunjukkan kepada rakyat kita ini. Jadi undang-undang ini sampai masanya untuk dimantapkan supaya kita dapat selaraskan dengan terperinci apa yang harus kita utamakan dalam pengamalan undang-undang di Sabah.

Dulu Tuan Yang di-Pertua, kita hanya persatuan. Persatuan ini *society, society for blind, society for lawyers*, takkan kita setanding dengan NGO-NGO yang lain. Sudah sampai masanya kita ada pertubuhan yang mantap, yang kuat, yang boleh melihatkan kemantapan daripada segi profesi undang-undang. Kita tidak boleh dianggapkan sebagai persatuan-persatuan seperti persatuan yang lain. Jadi ini satu pendekatan yang cukup penting bagi profesi pengamal undang-undang.

Jadi negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, saya melihat usaha daripada peguam-peguam negeri Sabah melihat sekawan, bukan semualah, satu atau dua orang yang mencemarkan nama pengamal undang-undang. Jadi kita melihat perkara ini amat penting sekali. Terutama istilah-istilah dan syarat-syarat yang patut kita– dalam undang-undang ini dapat diselaraskan dengan tetap. Saya bukanlah seorang pengamal undang-undang, saya orang kampung dan saya tahu istilah-istilah undang-undang. Saya mohon maaf kalau istilah-istilah yang saya pakai nanti ini tidak bersesuaian dengan perdebatan ini. Walaupun arwah isteri saya dahulu seorang pengamal undang-undang, jadi ini saya belajar sikit daripada isteri saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isteri dahulu kah atau dulu isteri bekerja...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Arwah, arwah. Yang akan datang belum tahu lagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. *[Disampuk]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bukit Gantang tahulah cara-cara ia. Jadi ini saya harap sahabat-sahabat saya dari sebelah sini, sebelah sini dapat membantu kita untuk berdebat, untuk memperkasakan lagi rang undang-undang ini ya. Saya tidak akan panjang, saya harap tidak banyak berbahas kerana semua saya rasa macam usul tadi tidak perlu dibahas banyak. Jadi sebenarnya saya membantu yang pengamal-pengamal undang-undang dapat dipercepatkan untuk diluluskan.

Satu lagi perkara yang saya ingin katakan di sini soal pengamal undang-undang dari luar negara, a *foreign lawyer*. Ini satu menjadi persoalan semasa kami membuat satu penjelasan kepada pertubuhan-pertubuhan profesion di Malaysia. Bukan sahaja dalam pengamal undang-undang tetapi dalam bentuk arkitek, dalam bentuk kejuruteraan dan daripada juruukur misalnya. Ia macam waswas kerana mungkin ada pencerobohan ataupun kemasukan dengan pengamal-pengamal profesion ke negara kita ini akan mengurangkan, menjelaskan pekerjaan kepada firma-firma guaman kita. Itu saya rasa tidak sebab ini satu-satunya jalan untuk kita menjadi satu sektor ini di mana kita boleh dapat kesedaran ataupun *exposure* kepada apa yang berlaku di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seorang pengamal undang-undang juga, kita mesti ada sebuah badan yang boleh menyelaras dan syarat-syarat yang kita telah tetapkan itu wajib untuk dilihat sebagai satu syarat untuk seorang *practitioners*, itu sebelum dia dilesenkan. Jadi ini tidak menjadi keimbangan kepada *practitioners*, pengamal-pengamal undang-undang di negeri Sabah. So, termasuklah juga Malaysia.

Ini satu-satunya perkara yang selalu saya punya sahabat dari Ipoh Barat sentuh tentang keimbangan kemasukan pengamal-pengamal profesion dari luar negara. Bahkan ini memberikan kebaikan kepada kita. Kita boleh berkongsi pendapat dan kita boleh belajar apa yang berlaku di— kita bukan macam diambil alih kita punya peranan di sini. Kita minta supaya *practitioner* yang masuk ke Malaysia ini diserapkan di dalam firma yang sedia wujud di negara kita. Apa susah, kita lebih baik sebab ini lebih kepada perwujudan pekerjaan kepada orang yang tidak mengamal undang-undang.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam Persekutuan dulu yang graduan undang-undang ini tidak semestinya semua mengamal undang-undang, *private practice*. Ada juga yang bekerja dengan kerajaan, ada juga bekerja dengan syarikat-syarikat. Jadi ini kita selaraskan mengikut undang-undang yang disentuh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi saya harap perkara ini dapat kita selaraskan supaya semua graduan kita yang *graduate* daripada mengambil bidang undang-undang ini dapat kita selaraskan dan wujudkan satu badan yang boleh membantu kepada graduan-graduan yang dalam bidang undang-undang. Membantu budak-budak kita di sekolah ini, saya harap pihak kementerian di bawah kementerian yang bertanggungjawab dalam profesion ini dapat melihat perkara ini untuk membantu pada graduan-graduan yang tidak mempunyai untuk sebarang pekerjaan pada ketika ini.

Jadi satu lagi perkara yang kita mesti lihat supaya pertubuhan ini juga dapat memberi khidmat nasihat kepada badan-badan yang boleh kita bantu untuk mendekati lagi kita punya *networking* antara badan-badan yang lain. Saya juga menyentuh fasal NBOS, *collaboration* dengan profesion-profesion yang lain kalau itu boleh dilaksanakan. Bukan semata-mata pertubuhan undang-undang ini jaga pertubuhan undang-undang sahaja. Jadi kita mesti ada

satu cara atau pendekatan untuk membuat satu interaksi dengan profesion-profesion yang lain sebab saya sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua sebab fi, caj... *[Disampuk]* Caj, fi oleh peguam tempatan terutama Yang Berhormat Ipoh Barat ini yang menganggap sebagai yang ada standard sikit, yang pengalaman banyak, betul Yang Berhormat Ipoh Barat? Akan tetapi dia punya caj begitu tinggi.

Adakah diselaraskan caj ini terutama dengan penyediaan *agreement? Agreement* yang standard tetapi *different* firma, lain firma caj dia lain. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat melihat ini, caj ini kalau boleh diselaraskan. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri telah pun menyentuh fasal keselarasan. Kenapa saya sentuh sini? Oleh sebab profesion yang lain macam profesion saya ada standard yang telah diwartakan, kenapa pihak pengamal undang-undang ini— saya rasa Yang Berhormat Ipoh Barat tidak setuju sebab dia anggap dia sebagai yang sudah mantap dan cajnya lebih mahal daripada firma yang baru tubuh. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat melihat ini sebab kepentingan kepada rakyat kita. Kepentingan kepada rakyat yang mungkin tidak mampu dan oleh sebab tidak mampu jadi dia pergi firma yang baru wujud yang mencajkan *under charge* sebenarnya.

#### ■1630

Jadi, kadang-kadang ini berlaku. Ini realiti, Yang Berhormat Ipoh Barat sebagai pengamal undang-undang-undang. Jadi kalau boleh, perkara-perkara ini dapat diselaraskan oleh pertubuhan ini supaya tiada ketidaksenangan daripada pihak rakyat kita. Jadi, saya harap yang lain itu dapat membantu untuk memberikan lagi input kepada pertubuhan ini supaya kita dapat kerja sama-sama. Betul Yang Berhormat Ipoh Barat? Itu sahaja yang dapat saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya memberikan sedikit-saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

#### 4.30 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Saya hendak mula cakap terima kasih kerana Speaker daripada Sabah akan mempengurusikan hari ini yang akan...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengurusikan Msyuarat]*

Saya sepandapat dengan Yang Berhormat Menteri. Rang undang-undang ini adalah satu keperluan pada masa ini tetapi saya tidak sepandapat dengan kawan saya, Yang Berhormat Putatan. *You cannot standardize and regularize the advocacy skills of people. The best brain must be paid accordingly.* Itu *her choice, like* Yang Berhormat Puchong pun, *you can ask most lawyers, we worked overnight.* Macam pagi ini kita ada mahkamah, lepas itu kita lari di

tempat di sini. Itu *the choice of the clients. We are not forcing anybody to take us*, Yang Berhormat Bukit Katil, *you tahu juga. You tahu juga hal ini. Bukan macam Yang Berhormat Putatan, you can – we have standardized untuk tukar milik harta dan sebagainya, we have standardized semua. Akan tetapi untuk advocacy skill, it's your choice.*

Kita *charge the sky is the limit* tetapi untuk banyak kes yang kita buat, *pro-bono* juga. *Hundreds of cases kita buat free. Dari start sampai Mahkamah Persekutuan, we have done it free of charge.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *What is the highest like, Yang Berhormat?*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sorry, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *What is the highest like?*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Highest?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Like.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Client?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No, no, no. Highest like. The rate.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Highest rate?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yes.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Depends lah who can pay lah. [Ketawa] But, we never charge so high.*

Tuan Yang di-Pertua, nombor satu saya hendak mulakan dengan mengingatkan kerajaan. Walaupun nampaknya ada membawa rang undang-undang ini tetapi asasnya kita terlupa. Buat apa itu asas? Itu untuk menolong orang miskin, orang yang susah untuk mendapatkan bantuan kepeguanan di negara ini. Jadi, apa yang dibuat? Yang kita sedia ada, *National Legal Aid Foundation*, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Sudah mula lebih kurang 10 tahun lebih tetapi pada kebelakangan ini, lebih kurang dalam tempoh 10 bulan ini, di mana *three main parties are involved* dalam perkara ini, Malaysian Bar, Sabah Advocates Association dan juga Sarawak yang juga merangkumi ketiga-tiga ini. Di mana peguam-pegawai dibenarkan dengan *charge* yang minima untuk merepresentasi pihak-pihak yang layak, *the means test*, selepas mendapat *means test and all that*. Itu baik, pada dasarnya *very good*.

*We don't have it in the act*, RUU tetapi *I'm sure the notion* adalah untuk menolong mereka tetapi apa yang terjadi kebelakangan ini? Saya difahamkan kerajaan sudah bankrap atau pun tidak, kerana sudah tertunggak lebih dari RM3.4 juta untuk membayar peguam-pegawai yang berkhidmat dengan had minima. Ini Yang Berhormat Putatan enggan bercakap sedemikian. *What we serve the real public, there and then* mengakui, *knowingly or unknowingly I am not too sure* tetapi kalau sekarang beliau tahu, mungkin beliau hendak bangun cakap,

*'Minta maaf, ya betul'*. Akan tetapi beliau bukan gentleman Tuan Yang di-Pertua, jadi tidak mengapa-lah. *RM3.4 milions outstanding* untuk buat apa? Lebih daripada 8,000, beribu-ribu kes dari lingkungan 10 tahun ini, lebih daripada setengah juta orang yang telah ditimpa kesusahan yang direpresentasi oleh peguam yang sedia ada untuk menyuruh mereka, *with the very minimum charge*. Ini adalah satu persetujuan. Ya, Yang Berhormat Putatan, sila bersetuju dengan segera.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk minta penjelasan yang lebih lanjut soal apa yang diutarakan oleh sahabat saya dari Ipoh Barat. Soal bantuan guaman Yang Berhormat, adakah atau tidak adakah langsung pihak guaman ini memberi khidmat yang percuma kepada golongan-golongan yang tidak mampu. Kalau ada, saya ingin tanya, saya ingin minta daripada pihak Menteri kalau dapat ini boleh diserapkan dalam undang-undang ini supaya ada pihak guaman untuk memberi nasihat guaman atau pun pertolongan guaman kepada pihak yang dianggap sebagai tidak mampu? Ya, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Mungkin Yang Berhormat Putatan kurang faham. *There is a certain cut-off period*. Dia ada- tidak tahu apa hendak kata, *means test* di mana kalau seorang keluarga berpendapatan kurang dari RM3,000 dan sedemikian, dia layak untuk mendapat bantuan percuma. Itu antara satu cara yang dipersetujui oleh kerajaan dengan Malaysian Bar dan Sabah dan Sarawak. Itu adalah satu asas di belakang ini. Akan tetapi yang menjadi masalah, ada bayaran minima untuk peguam-peguam tersebut.

Yang saya huraikan hari ini adalah kerana bayaran ini tertunggak. Bukan satu bulan, dua bulan. Berbulan-bulan, lebih satu tahun. Satu di antara faktor adalah kerana peguam AGC, Peguam Negara tidak memberikan arahan selanjutnya untuk pembayaran. Oleh sebab tersebut, ada *hicups* dalam sistem, *legal system* dalam negara ini, di mana ramai di antara peguam, peguam-peguam muda, peguam-peguam yang ingin menolong, *they need travelling expenses*.

Kalau katakan hendak peguam dari Kota Kinabalu pergi ke Sandakan, *he got the expertise, at least the travelling expenses were to be paid*. Itu adalah yang dipersetujui oleh kerajaan tetapi telah diabaikan sekarang, menjadi satu masalah yang rumit. Bukan sahaja yang dihadapi di Sabah tetapi di Sarawak dan juga di tempat-tempat di mana keperluan mereka adalah sangat mustahak. *These are basic human rights* di mana kelalaian ini tidak boleh diterima. Walaupun kita ada akta, rang undang-undang yang dicadangkan ini nampaknya baik tetapi asasnya adalah ini. *This is the basic, the infrastructure, the bottom line* di mana kita perlu menolong mereka. Saya setuju Yang Berhormat Putatan. *Many lawyers* macam saya sendiri, kalau hendak kata kes Indira Ghandi dari 10 tahun Tuan Yang di-Pertua, saya buat kes

tersebut. Saya sendiri telah membelanjakan wang sebanyak RM40,000, *but then, it is our cost and I am not the goverment yet. So, I cannot be paying for all that.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa setuju dengan sahabat saya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Oleh kerana persoalan dia walaupun ini memandangkan undang-undang di Sabah tetapi saya terpanggil *again*. Apabila ia dikatakan percuma, percumalah itu. Ada lagi *charge-charge travelling*. Itu bukan percuma. Jadi, ini bukan sumbangan daripada pihak guaman. Kalau boleh percuma, percuma, *free* lah. *Zero cents*. Ada lagi *charge*? Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, *I can explain. I can try to make some people understand* tetapi kalau dia enggan faham, saya minta maaf lah. *No use of me advocating. I am saying, in law, we have fees disbursement, the law Ministers will understand*, yang *basic* itulah yang diperlukan, yang telah dipersetujui. *We are not building* satu rangkaian yang baru, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Putatan tetapi yang telah dipersetujui oleh kerajaan untuk Sabah, Sarawak dan Malaya tetapi tidak– itu yang saya kata, saya kata *the backlog, please pay as fast as possible* supaya orang yang menghadapi masalah tersebut dapat mendapat bantuan dengan segera. Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Ipoh Barat. Saya rasa isu yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan apa yang dikatakan *pledge made by the government*. Apabila kerajaan menyatakan bahawa mereka bersedia untuk menyokong satu skema, di mana orang yang miskin yang tidak mampu untuk membayar *fee* guaman, peguam persendirian. Maka, mereka boleh ke apa yang dikenali sebagai *legal aid bureau* dan di situ mereka diberikan perkhidmatan guaman. Ini bukan isu percuma, Yang Berhormat Putatan. Ini isu berkenaan dengan apa yang dinyatakan oleh kerajaan. Apabila kerajaan itu dilakukan, masa itu dikatakan bahawa peguam itu akan dibayar satu apa yang dikatakan *minimum rate*.

#### ■1640

Jadi apabila telah pun disebut sebegini, maka perlulah kerajaan untuk ambil tanggungjawab. Kalau ada *a legal* atau skema dalam bentuk perundangan di mana perjanjian dibuat, *pledge is made* tetapi kerajaan tidak laksanakan, ia membawa gambaran seolah-olah kerajaan ini tidak boleh dipercayai. Itu cukup penting.

Kalau kita hendak sebut berkenaan dengan *figures*, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ambil dari petikan yang saya lihat di Laporan FMT, di Wilayah Persekutuan, *outstanding amount is RM822,000. Outstanding amount*. Negeri Sembilan RM106,000. *About 128 cases where lawyers are not being paid*. Ini perkara yang kita perlu halusi.

Kalau tidak boleh kerajaan menanggung, maka jangan buat perjanjian tersebut. Kita berterus terang dan kita bagi tahu apa yang kita boleh lakukan, kita kena *follow up*. Itu yang kita sebut di sini, Yang Berhormat Putatan.

Saya minta penjelasan atau pandangan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, kita di sini sebagai *law makers*, orang yang menggubal undang-undang, apa yang penting adalah supaya kita menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan dalam keadaan di mana orang ramai ada kepercayaan bahawa undang-undang itu akan dilaksanakan. Ini menjadi isunya. Sebagai Ahli Dewan Rakyat, apabila ada undang-undang yang telah pun digubal tetapi tidak dilaksanakan, maka dibangkitkan dalam Dewan ini.

Saya rasa Menteri perlu jawab kenapa ada masalah kewangan. Saya rasa kerajaan kita ada banyak wang. Itu tidak menjadi satu perkara yang dipertikaikan. So kenapa berlaku masalah sedemikian? Kalau sebenarnya program ini tidak boleh diteruskan, Tuan Yang di-Pertua, adakah kita ada cadangan lain dalam mana kita boleh memastikan bahawa semua—sejauh mana atau setakat mana yang perlu—diberi perkhidmatan dan bantuan khidmat guaman? Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju, Yang Berhormat Puchong. Seperti yang dikatakan, *the pledge, the commitment* yang dibuat oleh kerajaan perlu diikutilah sekurang-kurangnya untuk orang-orang yang tidak berupaya, miskin *and...* Untuk pengetahuan, *the means test*—dia ada satu *test* di mana hanya orang-orang yang *rate hardcore poor* yang layak untuk mendapat bantuan, *not the rate* macam Yang Berhormat Putatan dan saya yang mungkin dapat bantuan. Ini adalah *hardcore poor*. Jadi ini menjadi masalah.

Jadi kalau satu *promise* telah dibuat oleh kerajaan dan tidak diikuti, ia menjadi masalah bukan sahaja untuk yang kena tuduh atau kes-kes sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerana ia akan melambatkan proses pengendalian kes di mahkamah, lebih-lebih lagi kes-kes di mahkamah majistret. Saya difahamkan sekarang banyak kes yang ada di mahkamah-mahkamah di mana tidak ada peguam. *They are not represented by lawyers*. So mereka melambatkan proses mendengar kes tersebut—cari jalan dan sebagainya. Jika ada peguam, ia akan *accelerate the process*. Itu adalah satu di antara untuk kebaikan, *it is a win-win position* untuk kerajaan, untuk mahkamah *save time*, dan untuk orang yang menghadapi masalah tersebut satu cara di mana dia dapat perkhidmatan peguam. *This is nothing unusual*. Ini adalah satu komitmen yang telah diberikan pada tahun 2012 dan jika sedemikian, *why are you not following it?* Itu soalan saya. Kita perlu cari untuk mungkin Menteri Undang-undang baru mengambil jawatan *and maybe you can look into it*. Kita harap satu *win-win position can come out of it*.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada satu lagi perkara iaitu *mengenai qualification* yang sedia ada untuk menjadi peguam bela dan peguam cara atau *advocate in Sabah and*

sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir, *the overproduction of lawyers. There will be more lawyers— they say if you throw a stone, it can either land up in the lawyer's head or in the doctor's head, not the Speaker's head*, Tuan Yang di-Pertua, *because we have very few in this country. The profession has become like that. About 3,000 or 4,000 being produced, mass production, overproduction. Substandard lawyers are produced, substandard doctors are being produced.*

Untuk *medical profession, five years ago I spoke in this House*, masa itu saya lagi ingat Menteri kata, “*No, we are very guarded, we know what here. You are opposition, what do you know?*” Sekarang selepas lima tahun *become a reality. A shame to the nation.* Sekarang yang sama dengan peguam. Saya kesian kerana memberi peluang untuk mereka menjadi peguam, itu satu dia antara cara, *very good, but we also need to have certain standard.* Bukan sahaja memberi peluang kepada mereka untuk menjadi peguam atau mendapat ijazah dan sebagainya tetapi apabila mereka ada standard dan sedemikiannya, *it is not the quantity that matters*, Tuan Yang di-Pertua. *What we require is the quality. Quantity is irrelevant.*

Bila kita ada kuantiti, kita ada masalah. Ramai di antara— *we will result in CBT, criminal breach of trust.* Ini kerana dalam sistem yang sedia ada di negara kita, jika dimasukkan sebagai *enrolled and admitted as an advocate*, hari kemudian dia boleh mulakan firma dia sendiri. Dia boleh mengendalikan beribu-ribu ringgit. *A lawyer of 23 years old suddenly in his client's account* ada RM10 juta. See, *young boy he has never got the experience and the responsibility.* Jadi macam mana perkara ini dapat di... Banyak di antara kes-kes yang sedia ada adalah kerana *we don't have that kind of standard.* Itulah saya harap, saya harap kerajaan akan ambil perhatian. *It is not just production of lawyers, it is not only production of doctors, lain-lain profesjon pun sama juga.*

*Also a common exam* yang perlu, yang kita ada *in-house exam, why don't you have like the English bar exam?* You boleh *qualify* dari Oxford atau you boleh *qualify* dari Liverpool, tidak kisah. Tahun keempat, *it doesn't matter which university you come from, you sit for the same common exam, same standard.*

Saya lagi ingat, Tuan Yang di-Pertua, *I was just from an ordinary college. I ada classmate* yang datang dari Oxford yang enggan bercakap kepada saya untuk sembilan bulan, *when I was doing the bar* kerana dia orang putih, dia orang kebolehan dan sebagainya macam banyak orang tetapi *when the result came, unfortunately for her, my name was there and her name was not there. I felt great.* Bukan saya *overqualified or under qualified or whatever. I felt that there was a common exam and make that feeling bahawa ada...*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Berkenaan apa dibahaskan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat sekarang berkenaan dengan standard peguam-peguam yang keluar setiap tahun ataupun diberi sijil pengamalan setiap tahun di mana Yang Berhormat Ipoh Barat dengan betulnya menimbulkan *concern* bahawa ada *mass production of lawyers* di mana kualitinya bukan pada tahap yang sepatutnya.

Now, mengikut pengetahuan saya, Yang Berhormat Ipoh Barat, pada masa sekarang ada beberapa *qualification* ataupun *examination* atau peperiksaan untuk kemasukan peguam-peguam sebelum mereka layak mendapat sijil amalan. Secara kebanyakannya, peguam-peguam hari ini perlu mengambil peperiksaan CLP dan mereka akan layak untuk mendapat sijil amalan. Akan tetapi ada juga pelajar-pelajar lain yang tidak perlu mengambil peperiksaan CLP di mana mereka hanya perlu menghabiskan diploma mereka ataupun dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *their qualification without the need for sitting for the CLP*.

Now saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat berkenaan dengan *disparity* yang timbul di sini di mana ada kebanyakannya mereka perlu mengambil peperiksaan CLP dan yang lain tidak perlu mengambil CLP tetapi masih boleh jadi *lawyer* yang *qualified*? Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat? Adakah ini akan menyumbangkan kepada masalah yang kita hadapi hari ini iaitu berkenaan kualiti peguam-peguam yang keluar setiap tahun? Minta pandangan. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju pandangan Yang Berhormat. CLP atau *no CLP*, kriteria dia sama juga. Saya ada cadangkan di dalam Dewan ini lima tahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, di mana saya cadang bahawa selaraskan peperiksaan yang sama untuk Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Melaka dan sebagainya.

#### ■1650

Akan tetapi mereka mengatakan kerana *the four-year course* melibatkan sudah ada, sedia ada profesor-profesor maka tidak boleh merangkumi tiga tahun dan *one year*. Akan tetapi sekarang saya difahamkan di universiti dalam Multimedia University di Melaka, *the final year* menggunakan *syllabus CLP*. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil perhatian. Kita perlukan *the same standard of lawyers to come. But I acknowledge* ada di antaranya *I just met Tuan Yang di-Pertua*, minggu yang dulu satu peguam dari Universiti Kebangsaan Malaysia *I think fantastic. I never expected that kind of—* tetapi *first class and all that*.

Akan tetapi saya rasa tak puas hatilah. Saya ada banyak masalah di mana *chambering student* kalau datang untuk bekerja. *They are not able to work*, Tuan Yang di-Pertua. *As much as we want to employ them*. Tak ada *standard*. *You can't communicate, you are still doing research*. *So end of the day, go back to basis lah the university they just feed, feed, feed and*

*they become misfeed. So, this is the problem I think we must acknowledge there is some miscommunication, mismatch and something has to be done.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: May I answer the whole thing?**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *They cannot be shy about it. And Sabah should lead in this factor. That's why today Tuan Yang di-Pertua is sitting and hearing the matter. All the more reason...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong dengan Yang Berhormat Penampang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Oh Yang Berhormat Penampang ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong ya.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang di-Pertua Ipoh Barat. Setuju kah Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa Sabah, Sarawak dan juga Malaya sepatutnya mengadakan sesuatu *Qualifying Board Exam* kepada semua graduan daripada universiti di Malaya, di Sabah dan juga di Sarawak jika mereka ada Fakulti Undang-undang? *So that we can streamline it just like the English Qualifying Board, Bar Exams and the Solicitors Exams. At least there's a certain standard and quality where you can filter out the types of lawyers that will be practicing*, dengan izin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Penampang bukan lagi satu Pakatan sekarang Yang Berhormat.

*[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya pun hairan. Saya tengok di sebelah sini. Tengok-tengok orang telah mencuri kerusi dia. Tengok-tengok oh kawan saya orang lama. Yang Berhormat ya? Hendak bercakap...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini mengelirukan Dewan, Yang Berhormat. Itu kuasa ... *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tarik balik. Banyak tarik balik. Semua tarik balik. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Penampang tetapi *the point is* yang saya kata bukan *when I say* selaras, *means the Law Minister can take out with some of the universities* macam di Melaka lah sekarang *the CLP conduct final four tier critical exam like CLP*. So ada *similarity* untuk semua universiti. Kalau boleh gabungkanlah. *Have one common exam*, macam SPM atau lain-lain exam yang sama supaya seimbangkan. So bila mereka mengamalkan undang-undang kita boleh tahu, “*Oh, dia ada kualifikasi-kualifikasi yang layak untuk dia menjadi peguam*”. Yang sedia ada sekarang *academic qualification with respect, not enough*. Ya, Yang Berhormat ‘Penumpang’ eh bukan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Penampang bukan penumpang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendakkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat yang menyatakan tentang CLP dan juga *standard*, dengan izin, *standardization of law subject* ataupun *law course*. Yang dibawa contohnya ialah tentang Universiti Multimedia. Pagi tadi Ketua Pembangkang bercakap tentang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mana mereka terpaksa juga melalui CLP. Saya ingin bertanya berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Ipoh Barat, apa sebenarnya tujuan diadakan CLP?

Sedangkan saya percaya kalau dalam konteks universiti dalam negara sudah tentu bila kita masuk ke Fakulti Undang-undang yang diajar itu adalah subjek undang-undang Malaysia dan tidak perlu lagi kepada CLP. Jadi kalau ada satu penyelarasan subjek, kaedah mengajar, dia punya taraf ataupun standard dijaga dengan elok dan ada satu undang-undang yang mengawal sudah pasti pada hemat saya tidak perlu kepada CLP ini yang kita tahu CLP ini akan menggemukkan lagi perbelanjaan mereka yang ingin pergi mengambil peperiksaan itu dengan bayaran *extra* dan sebagainya. Jadi saya tidak nampak apa relevannya kalau di luar negara mungkin kerana mungkin berbeza modul pelajaran undang-undang tetapi di Malaysia saya percaya yang diajar itu adalah subjek *Malaysian Law*, dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya bukan sependapat dengan Yang Berhormat Bukit Katil. Saya rasa kita perlu fikir, bila saya cakap dengan satu seimbangkan peperiksaan, asas saya adalah macam ni kerana di UK, di India dan banyak tempat di seluruh dunia ini *the bar has, even Nigeria*. Baru-baru ini di mana *you* boleh keluar dari mana-mana universiti *then you sit for one common professional exam*. Kita katakan *professional exam, we're not talking about academic exam*, nombor satu.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua *we have many friends*, berapa orang yang gagal dalam SPM? Banyak orang. *Many people don't think*, Tuan Yang di-Pertua. *How many failed in the university? Very rare. Why? Because the professor sets the exam. He's my professor I know exactly what he wants, he has told me indirectly what he wants*. Macam mana saya boleh *fail*? *So when we have a professional exam it's entirely different*. Saya bukan kata *we must do examination orientated. But we have a certain standard, we can be proud of. Why is the standard like this? Why are we shying away from becoming to engineer ourselves?*

Dalam hal ini untuk memperkuatkan dan mencerminkan kepada rakyat di negara ini bahawa ada seimbangan sedemikian. *Doesn't matter which university you come from. You can come from MARA lah, Universiti Kebangsaan Malaysia lah or UK tak apa lah. You sit for one common exam*, itulah saya rasa adalah kebaikan untuk semua. Itu cadangan saya yang kedua berkaitan. Dan ketiga, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang sama. Berkemungkinan pada saya kalau Menteri boleh juga ambil maklum bahawa pentingnya kita menitik beratkan keperluan untuk kelulusan ataupun tahap kelulusan yang tinggi untuk graduan adalah kerana kebanyakan daripada mereka akan menjadi hakim ataupun majistret selepas beberapa tahun mereka mengamal sebagai pengamal undang-undang.

Jadi dalam keadaan ini kita lihat juga bagaimana kita ada banyak majistret ataupun hakim-hakim sesyen yang berpengalaman. Saya memang menghormati tahap pendidikan mereka dan juga dalam pengalaman. Akan tetapi wujud juga keadaan di mana kita lihat ramai daripada mereka yang muda itu tidak tahu beberapa perkara yang cukup *basic* jadi kepada saya memang walhal kita berbincang berkenaan dengan peguam tetapi saya rasa soal berkenaan dengan kualifikasi ini cukup penting.

Cadangan kalau boleh saya juga tanya dan juga cadangkan sekali bolehkah kita juga dapat di website kehakiman supaya semua hakim di situ menurunkan apakah kelayakan mereka. *In other words, the qualification and things like that. So, people know* apakah yang mereka lakukan dari segi akademik mereka dan juga mereka-mereka yang datang daripada *professional private practice* dihuraikan di situ di manakah mereka sebelum daripada itu *where they practiced and of course their experience*. Jadi itu menjadi satu perkara yang boleh mengelokkan dari segi kalau kita lihat kepada sistem kehakiman kita yang mulanya daripada peguam untuk kita meyakinkan semua bahawa mereka yang dilantik untuk menduduki badan kehakiman itu adalah memang layak dan memang mereka boleh membawa sistem kehakiman dan sistem profesi undang-undang ini kepada tahap yang lebih baik untuk negara kita. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Puchong saya bersetuju 100%. *I cannot articulate it better. Very correct.* Akan tetapi yang lebih mustahak adalah juga di mana saya ada bincang dengan beberapa hakim yang mengatakan bahawa tidak ada ruangan untuk mereka melanjutkan *the expertise* tidak mendapat kelonggaran untuk melanjutkan *the experience* di luar negara. Saya harap itu adalah satu di antara perkara yang boleh diambil kira.

Saya ingin mengambil tahu, apakah yang terjadi kepada Yang Arif Richard Malanjum? *He's been there more than 10 years waiting to be Chief Justice of this country. Why has him being denied?* Yang lain semua mendapat extension. *Chief Justice got six months extension. Chief Justice of Malaya got six months of extension.* Yang Arif Richard Malanjum is a young man. Akan tetapi *he's forced to hold on to the post, the highest post in Sabah and Sarawak* untuk berapa? Satu decade? Lagi berapa decade dia tak layak?

**■1700**

*Is he not qualified or is he being sidelined?* Saya rasa perkara itu perlu di- oleh kerana dalam kaca mata rakyat Tuan Yang di-Pertua, *when I go around people ask me*, kenapa baru-baru ini bila Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar (CJ) Malaya mendapat lanjutan kontrak selepas mereka *retire*? Kawan saya tanya, *what happened to Sabah Chief Justice? I said the Sabah Chief Justice is Deputy Speaker in the House.* bukan-bukan itu, dia mesti menang punya, ini cerita lain. Itu kawan dari Sabah dia *Chief Justice, Chief Justice*, apa terjadi kepada dia? Saya kata, saya pun hairan.

*I remember talking about Richard Malanjum, Tuan Yang di-Pertua, 10 tahun dulu dalam Parlimen ini. They must be— the seat indefinitely.* Saya haraplah, *there must be some balance, they must have confidence.* Kita perlu satu cara di mana *they/we must go above everything.* Katakan kalau dia ada di tempat itu dan memegang jawatan – *there's nothing wrong with him, he has been-* kalau kita tengok dia punya *return ground of judgement, return decision, fantastic.* *I'm surprised they have not been appointed Chief Justice much earlier, but never mind, better late than never.* Saya harap perkara itu akan diambil kira dan harap kerajaan ambil tahu *because* di kaca mata orang ramai di negara ini, nampaknya ada diskriminasi kerana mereka adalah dari Sabah dan Sarawak, maka mereka tidak layak untuk menjadi Ketua Hakim Negara.

Walaupun kita di sini memberi peluang kepada Timbalan Speaker dari Sabah untuk *answer* Speaker dari Sabah juga, Timbalan Speaker pun dari Sabah. Kita mahu diskriminasi, kita tak mahu jawatan tersebut. *We must have that big heart, kenapa don't have the big heart dalam perkara Yang Arif Richard Malanjum? They have very small heart. That small heart must change. We must be more caring, loving and must be based on merit.* Kalau *based on merit* Tuan Yang di-Pertua kalau saya, *you can ask the practitioners in this country* di mana kalau *appear before him is such a fantastic*, Yang Arif saya harap kerajaan belum *sideline him*. Ada lagi peluang lima bulan setengah untuk memberi jawapan tersebut. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

**Seorang Ahli:** Banyak lagi?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Banyak lagikah? Mana ada. Saya sudah cerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Selayang bangun.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tentang hakim, kita melihat baru-baru ini satu amalan yang baru bahawa Hakim Mahkamah Persekutuan yang telah bersara telah dilanjutkan. Bila ini berlaku, hakim-hakim di Mahkamah Rayuan tidak dapat promosi iaitu jemputan yang telah bersara diminta untuk melanjutkan perkhidmatannya. Bukan ini juga satu amalan yang tidak harus digalakkan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan tersebut saya ingin kata, *I must give notice*. Yang Arif Dato Jeffrey Tan is my personal friend, saya kenal dia lebih 30 tahun. Akan tetapi saya sependapat dengan Yang Berhormat Selayang, apakah kriteria yang digunakan oleh kerajaan untuk memberi peluang kepada seorang yang telah bersara? Walaupun kita ada hakim-hakim yang layak atau lebih layak dari *the Court of Appeal* untuk memberi penerangan kepada mereka. And also seimbangkan di *Federal Court*. Bukan sahaja dari segi *the racial composition, Chinese, Malay, Indians, Kadazan* dan sebagainya, tetapi *women representation* pun sangat kurang.

Itu antara perkara yang perlu diambil kira, saya harap ini adalah perkara yang boleh dilihat sedalam-dalamnya. Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap lebih peluang diberi untuk memberikan Mahkamah-mahkamah Majistret di luar bandar kerana ramai di antara rakyat Sabah *don't have access to basic amenities, seperti...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia ada *Mobile Courtnya*, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada *Mobile Court*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bayar kos?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Mobile*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Mobile Court? Now they have mobile phone pun ada, semua mobile*. Lagi sikit lagi, Parlimen pun boleh jadi *mobile*. Itu saya takut. *No, no but I think more important is that permanency and accessibility with people*. Itu menjadi hakikatnya. Dalam merangkumi perkara yang sedang kita bahas, peguam-peguam, kita perlu sekurang-kurang mungkin satu *philosophy of thinking new* bahawa jika dia baru menjadi peguam, dia perlu berkhidmat di luar bandar sekurang-kurangnya dua tahun. Macam doktor-doktor, bila menjadi *houseman dia posted, they are very aware posted in cities, posted in many years*. *Why lawyers should have been exempted?* Saya lagi ingat pada tahun 1982 Tuan Yang di-Pertua, satu penulisan yang dibuat oleh *president, Tun Suffian*. Saya masa itu mengamalkan perundangan di Ipoh.

*He said, this is his exact words more less. It is so easy to send overseas law graduates to any part of the country and it so difficult to send law graduates from this country outside their hometown. Ini kerana dia berfikiran very close limited to the local area. Saya haraplah, kerajaan memberi pandangan yang sedalam-dalam ini dan memberi lebih peluang kepada semua pihak. So that peguam-peguam juga diarahkan untuk berkhidmat atau sekurang-kurangnya some of win-win position dalam sebelum- kalau dia dimasukkan sebagai peguam di Ordinan Peguam Bela di Sabah. Sekurang-kurangnya dia berkhidmat di rural areas. We must bring them, we got abundance, not only we got abundance of gangsters and robbers, but we got abundance of*

*lawyers in this country now. So we can spare them. We should not be shy to spend to spare them and to give them the necessary justice.* Dengan itu saya...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sedikit lagi, boleh?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh, mesti boleh Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat dengan penuh minat perbahasan berkaitan dengan hakim yang tadi dicelah oleh Yang Berhormat Selayang. Apa yang dibangkitkan tadi adalah soal *representasi*, dengan izin, perwakilan yang seimbang yang sepatutnya diwujudkan di semua peringkat di dalam mahkamah iaitu hakim-hakim dari Semenanjung, dari Sabah dan Sarawak. Apa yang saya kemukakan di sini ialah soal umur hakim. Seperti mana Yang Berhormat maklum bahawa di India misalnya, mereka letakkan satu peringkat umur bagi hakim yang berada di *Supreme Court*, dengan izin, di *High Court* dan sebagainya. Saya percaya dalam undang-undang dan perlembagaan kita pun menetapkan perkara ini.

Saya fikir soal untuk memastikan sesuatu hakim yang telah pun tamat tempoh berdasarkan umur disambungkan kontrak perlu ada satu *justification*, dengan izin, satu alasan yang kukuh kerana kita sedia maklum bahawa dalam bidang kehakiman ini saya percaya hakim-hakim sekarang ini ramai. Jadi tidak timbul isu tidak cukup hakim dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju bahawa sepatutnya pada tahap ini, pada dekad ini, pada waktu ini, tidak sepatutnya lagi hakim-hakim yang telah pun sampai tahap umur yang ditetapkan di dalam undang-undang di sambung kontraknya. Ini kerana ianya akan menimbulkan satu persepsi yang begitu negatif kerana belum ditafsirkan dalam pelbagai perkara misalnya untuk tujuan-tujuan tertentu.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita tengok di badan kehakiman sekarang ramai hakim yang sedang menunggu untuk naik. Jadi kalau yang di atas ini tak mahu turun, macam mana yang bawah ini hendak naik? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengulang juga apa yang dia kata, idea Yang Arif Jeffry Tan *very well. So there must be some – I must be very cautious about it.* Satu, kawan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada lebih kurang kalau dikatakan kuotalah, ada lebih kurang enam hakim dari masyarakat Tionghoa yang berkhidmat di *Court of Appeal* dan ramai di antaranya *have been very long*. Kenapa mereka tidak diberi peluang? Itu satu di antaranya. Sebelum Yang Arif Jeffry Tan, hanya satu kes *in the last 57 years, where a contract was renewed. There must be a peculiar circumstances. What is so peculiar* dalam kes ini? Kenapa perlu tambahan sedemikian? Kalau tambah enam bulan okey, tapi saya hendak, ya Yang Berhormat Bukit Gelugor, sebelum saya...

■1710

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Just satu perkara yang berkenaan dengan kuota ataupun perkataan yang digunakan tadi. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Ipoh Barat berkenaan dengan kuota hakim-hakim di Mahkamah Persekutuan. Mengikut pengetahuan saya setelah persaraan ataupun *retirement* dengan izin, Hakim Mahkamah Persekutuan, Justice Gopal Sri Ram, kalau tidak silap saya tahun lepas ataupun tahun sebelum itu, selepas itu tiada hakim berbangsa India dilantik di Mahkamah Persekutuan. Itu mengikut pengetahuan saya dan sebelum itu juga ada banyak ataupun adalah hakim India di Mahkamah Persekutuan bilangannya amat kurang sebelum itu. Kalau tidak silap saya adalah Hakim Mahkamah Persekutuan Augustin Paul.

Jadi pada masa sekarang Yang Berhormat Ipoh Barat, kalau kita lihat kepada *set up* di Mahkamah Persekutuan memandangkan Hakim Mahkamah Persekutuan Jeffrey Tan tersebut dilantik selepas persaraannya, apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat berkenaan dengan ketiadaan hakim India di Mahkamah Persekutuan selepas persaraan Gopal Sri Ram tersebut? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat. Saya pun rasa anehlah kenapa tidak ada pelantikan dari masyarakat India, walhal ada ramai di antara hakim di *Court of Appeal*. Sebenarnya ini juga satu soalan yang ditanya oleh kawan-kawan saya. *The bulk of the Courts .... are Indians but the bulk of the judges in this country are non-Indians.* Saya kata, *that I cannot rationalize because sometimes politics very much involved in this country. So these are the factors.* Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini perkara yang perlu diambil perhatian dan *correct it before is too wrong so at least – and also the women representation* dalam *Federal Court* dan *Court of Appeal*, saya rasa itu perlu diseimbangkan. *Give more opportunity to this people and they are capable if not better than other people.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan di mana kita sedia ada Mahkamah Persekutuan yang bersidang hanya di Putrajaya. Sebelum ini ada tradisinya di mana ia akan pergi ke seluruh negara. Saya harap tradisi tersebut dilancarkan. *It is to seat in the other parts of the countries like in Ipoh, Penang and yang sedemikian tetapi tiba-tiba ini semua telah berhenti dan saya harap ia akan diambil kira supaya ia akan memberi peluang kepada kes-kes masyarakat tempatan untuk berada seberapa dekat untuk mahkamah mereka.*

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil tahu, setakat ini berapakah peguam yang sedia berkhidmat di Sabah dan berapa ramaikah antara mereka yang mengamalkan perundangan di kota-kota, *in the cities and how many in the rural areas* dan apakah yang difikirkan oleh kementerian supaya kita bagi lebih akses kepada masyarakat miskin, masyarakat yang susah supaya mereka ada akses kepada peguam-peguam di negara ini. Itu adalah satu, dua pendapat saya pada hari ini. Terima kasih, *Nandri Vanekam.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, Yang Berhormat Penampang, ya, boleh, boleh, boleh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan sahabat saya Yang Berhormat Ipoh Barat, penjelasan sedikit soal kegiatan-kegiatan peguam yang mungkin ada yang berhijrah ke negeri Sabah dan ada juga yang di sini. Saya nak tanya kalau ada statistik berkenaan dengan kegiatan-kegiatan sambilan oleh pengamal undang-undang. Adakah di antara peguam ini ada yang menjadi ah long, menjadi broker, ada juga beroperasi sebagai karaoke. Adakah ini dibolehkan ini dalam undang-undang peguam? Saya tanya Yang Berhormat sebagai *senior lawyer*. Boleh Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Soalan-soalan yang ditimbulkan oleh *Senior Parliamentarian* itu perlu dijawab oleh *senior Minister*. *[Ketawa] Junior Minister*, ya junior. Tak lama lagi seniorlah. Soalan-soalan ini bukan merumitkan perkara yang dibahaskan tetapi dia... *[Disampuk]* ..dia *I don't want to say about his profession*, saya pun tahu. Akan tetapi tak apalah, *next time, we will see you in court and take it on*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini Putatan ada kegiatan ah long dekat sini, Putatan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sudah habis Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Penampang.

## 5.15 ptg.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya akan mula dan berbahas bercampur dengan bahasa Malaysia dan *English*. *Today Tuan Yang di-Pertua, after 20 years of my legal practice.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Still terikat dengan peraturan Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Of course, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dengan izin, kena izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Dengan izin, *today after 20 years my legal practice, I am proud that* saya dalam Dewan ini berbahas dengan Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016.

*This undang-undang I understand* Tuan Yang di-Pertua, telah digubal dan telah disediakan oleh guaman Sabah, *Sabah Law Association* dan juga Pejabat State Attorney General's Office. Saya faham mereka juga ada di sini Tuan Yang di-Pertua. *Sabah Law Association President* dan bekas Presiden dan juga bekas *Attorney General* di Sabah.

*The establishment on this law society is very interesting* sebab ia memberikan kita peluang untuk *regulate* peguam-peguam kita di Sabah dan dari sana mungkin kita juga dapat peguam-peguam yang mengikut standard yang dibahas oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi. *[Disampuk]* Yang Berhormat Ipoh Barat, minta maaf. Yang Berhormat Ipoh Barat. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, baru keluar daripada group, sudah lupa ya.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Baru keluar dari Pakatan. So mesti mahu ingat balik sama gang-gang lama. *[Ketawa][Disampuk]* Okey, yang ini Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya cakap, walaupun saya bahas bahawa rang undang-undang ini ada baik dan saya sokong dengan penuh, ada beberapa *concerns* ataupun soalan yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang, saya ambil nota teguran Yang Berhormat Ampang. *[Ketawa]* Parti Yang Berhormat dalam skrin yang tertera dalam skrin itu perlu diubah.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Sambil melihat skrin]* Oh ya, apa yang skrin ya. Ya, tentu sebab kita Warisan kerana semua. *[Ketawa]* Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Ampang juga. Saya punya Kak Zu dari Ampang.

*Concern* saya Tuan Yang di-Pertua adalah dengan berkenaan dengan dalam *foreign law firm* ataupun firma guaman asing. Di Sabah, kita bangga dengan hak kita berkenaan dengan *Immigration Rights*. Saya tidak ternampak dalam senarai ini ataupun dalam undang-undang ini di mana *select committee* akan mengambil kira *our rights* berkenaan dengan *entry* ataupun *working visa* kepada guaman-guaman asing ini. *These are the pride of Sabah, especially our rights of our immigration.* So when I read about foreigners coming into Sabah, there are some concerns. Although I was so sure that bukan banyak akan masuk ke Sabah

tetapi mungkin dengan geopolitik di area kita di mana Sabah *has great potential* dalam segi sekuriti, *tourism* dan *even oil and gas industry*, mungkin firma-firma yang besar daripada luar negara akan memasuki dan *we might just miss out and we will probably reduce the opportunity* bagi guaman kita di Sabah yang sedia ada. *Instead I urge the government* untuk menguatkan *training* dan juga *qualifying courses* untuk guaman-guaman di Sabah. *So that we can compete at the level that this foreign lawyers maybe able to provide in Sabah.* Kedua *my other concern of course is the independent world society. It must be independent... [Disampuk]* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Dia mesti sebuah badan yang tidak di *influenced* dengan izin daripada mana-mana pihak dan mereka patut memberi *opinion*, memberi pandangan, memberi satu nasihat kepada rakyat keseluruhan di Sabah dan dia sepatutnya tidak di *threaten* dengan izin oleh kerajaan seperti mana Bar Council di sini Semenanjung Malaysia sedang menghadapi berkenaan dengan pindaan yang kerap kali disebut berkenaan dengan kuorum yang diperlu dalam Bar Council di Malaya.

#### ■1720

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, *my other concern* dengan izin adalah berkenaan klausula ataupun fasal 16C di mana *personal representative*, mereka akan *liable* dalam segala kesalahan yang dibuat oleh guaman yang telah meninggal. *I think personal representative* tidak diterangkan di sini ataupun kemungkinan *generally* dia akan *involve* keluarga peguam yang telah membuat kesalahan itu. *Now, most of the time the families are not involved. So, we have to be very clear on this definition, what is personal representative.*

*The forth one* Tuan Yang di-Pertua adalah *compensation fund* yang disebut dalam fasal 16E. Okey, aman dia tidak disebut *and this is quite serious* sebab lesen guaman itu or peguam itu tidak boleh diisukan dan hanya boleh diisukan jika guaman itu membayar *compensation fund* ini. Adakah *compensation fund* ini berat ataupun dengan aman yang sungguh tinggi ataupun jika tinggi, adakah peguam itu diberikan peluang untuk membayar secara ansur-ansur ataupun *installment payments*. Of course Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ulaskan juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi bahawa Tan Sri Richard Malanjum *has been staying there as a Chief Justice of Sabah and Sarawak for a long time. It is time for the government to consider putting up a Sabahan to lead the Federal Court especially as a Chief Justice in Sabah.*

*Not only that* tetapi dengan izin *to give full independence financially* kepada Mahkamah di Sabah dan Sarawak. *Currently*, saya faham kebanyakan peruntukan terpaksa dipohon oleh *Chief Justice Sabah and Sarawak* kepada Pusat dan bukan selalunya diberi ataupun bila diberi, dia tidak cukup *and this is quite a concern* Tuan Yang di-Pertua. *How the courts could exercise justice or dispense justice* bila ada masalah dengan kewangan di Sabah dan Sarawak. *Also I*

*like to end Tuan Yang di-Pertua, ini undang-undang, Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) is dengan izin another example of the strength that Sabah has under The Malaysia Agreement 1963 and I believe while we support it we should also ensure dalam mahkamah di Sabah akan diisi oleh orang-orang Borneo seperti mana yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963. Terima kasih.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Beruas.

### 5.23 ptg.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela Sabah. Kita tahu bahawa untuk masyarakat kita berjalan dengan lancar, peguam-peguam di Malaysia merupakan satu institusi yang memang memberikan kestabilan kepada semua transaksi antara rakyat Malaysia. Zaman dulu katakan 30 tahun yang lepas, memang rakyat begitu yakin kepada peguam dan begitu memandang tinggi kepada kerjaya ini kerana peguam merupakan seorang yang akan menegakkan keadilan dan senantiasa kita juga diingatkan bahawa seorang peguam itu dengan izin juga *an officer of a court*.

Maksudnya sungguhpun seorang peguam itu bertindak bagi seseorang anak guam, beliau juga mempunyai tanggungjawab untuk menegakkan undang-undang dan keadilan dan tidak semata-mata kerana anak guamnya, dia mengabaikan tanggungjawabnya kepada negara dan untuk menentukan keadilan ditegakkan. Akan tetapi atas berbagai sebab, keyakinan orang ramai kepada kerjaya guaman ini memang sudah turun mendadak. Hinggakan keyakinan kepada peguam untuk mengendali ataupun perlu dipercayai oleh orang ramai itu tidak ada lagi.

Kita tahu bahawa satu daripada sebab mungkin seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, kita mengeluarkan banyak graduan-graduan undang-undang yang memang fasih, mungkin fasih dalam undang-undang tetapi tidak ada semangat atau roh seorang peguam memastikan keadilan ditegakkan di Malaysia ini dan dikatakan tentang keyakinan ini, banyak transaksi tidak dapat dilangsangkan. Kalau seorang peguam itu tidak menjadi orang tengah dan dipercayai oleh pihak-pihak yang ada mengendalikan sesuatu transaksi itu kerana pihak penjual takut wangnya akan lesap kalau percaya.

Seorang penjual sesuatu harta akan khuatir harta dia lesap, tidak dibayar oleh pembeli tetapi pembeli pula takut wangnya hilang kalau transaksi memindah milik hak milik harta itu tidak dilangsangkan dengan baik. Oleh yang demikian kita perlukan orang tengah. Orang tengah yang rakyat mesti percaya ialah seorang peguam yang mesti dipercayai oleh semua pihak dan juga mempunyai integriti yang begitu tinggi hingga berpuluh-puluh juta atau ada kalanya hingga ratusan juta di tangan beliau, beliau tidak akan hilangkan diri.

Baru-baru ini saya mendapati ada berapa transaksi yang saya tahu dibuat di mana pihak berkenaan menuntut supaya bayaran jualan itu tidak dimasukkan kepada akaun peguam melalui peguam tetapi terus kepada pihak-pihak dalam sesuatu transaksi itu. Dikatakan kerana ada peguam yang larikan diri, ada lebih selamat diterima sendiri daripada melalui peguam. Satu daripada sebab kenapa peguam, rakyat tidak ada keyakinan kepada peguam ialah dari segi *insurance coverage*, syarikat insurans yang melindungi syarikat itu. Sungguhpun di Malaysia Barat ataupun di Semenanjung Malaysia, semua firma-firma peguam di *compulsory*, di wajibkan untuk dilindungi oleh syarikat insurans.

Malangnya banyak kali yang berlaku ialah apabila ada penyelewengan atau kecuaian yang berlaku kepada sesuatu firma itu, syarikat insurans ini tidak hendak melindungi firma berkenaan. Alasannya begini, kerana di bawah undang-undang insurans dan melindungi sesebuah firma itu, apa-apa yang berlaku atau kecuaian atau kelalaian ataupun kalau adapun penipuan oleh pihak peguam, ia hendaklah diberitahu kepada syarikat insurans dalam masa tertentu. Katakan kalau polisi insurans mengatakan dalam masa satu bulan ia mesti diberitahu kepada syarikat insurans. Kalau tidak diberitahu maksudnya firma peguam itu telah tidak mengikuti syarat-syarat insurans dan pihak insurans akan menamatkan insurans berkenaan dengan tidak membayar ataupun *it will not take liability over the loss suffered through the firm*.

Maksudnya niat untuk membeli insurans ialah untuk melindungi apabila berlakunya sesuatu kelalaian ataupun kecuaian ataupun ahli-ahli kongsi dan firma, ada berlakunya penipuan. Akan tetapi biasanya apabila berlakunya keadaan sedemikian, peguam-peguam berkenaan biasanya cuba menyelesaikan masalah yang timbul itu secara peribadi. Cuba diselesaikan dengan perbincangan. Cuba diselesaikan dengan cuba mendapat dana dari kawan-kawan untuk membayar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh sambung esok Yang Berhormat?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, baguslah ya. Baiklah, esok MQT yang pertama.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi Ahli-ahli Dewan kena sediakan soalan mengikut masa 30 saat yang ditentukan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seminit, tidak adalah. *[Disampuk]* Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 18 Oktober 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]***